

Prosiding

KOLOKIUUM KEBANGSAAN
KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-10,
2014

**PROSIDING KOLOKIU KEBANGSAAN
KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-10, 2014**

27 – 30 APRIL 2014

**Kepimpinan Instruksional Merealisasikan Pelan
Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)
2013 – 2025**



**INSTITUT AMINUDDIN BAKI
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan**

Diterbitkan oleh:
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kompleks Pendidikan Nilai
71760 Bandar Enstek, Negeri Sembilan
Tel.: 06-7979200
Faks.: 06-7979300

Hak Cipta Terpelihara @ 2015 Institut Aminuddin Baki

Sebarang bahagian daripada buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, rakaman atau sebagainya sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Semua kertas kerja yang terkandung dalam prosiding ini telah dibentangkan dalam Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional ke-10, 2014 anjuran Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia dari 27 April hingga 30 April 2014 di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah Darul Aman.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-Dalam-Penerbitan

ISBN 978-967-13573-0-9

Cetakan Pertama 2015

Dicetak oleh:

Idaman Print Sdn. Bhd.
No. 11, Jalan E1, Fasa 4,
Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-41088472/41058472
Faks.: 03-41065472

JAWATANKUASA PENERBITAN PROSIDING KOLOKIU M KEBANGSAAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL KE-10, 2014

Penaung

Hjh. Serina binti Sauni
Pengarah
Institut Aminuddin Baki

Hj. Zulkurnaini bin Hussin
Timbalan Pengarah Khidmat Profesional
Institut Aminuddin Baki

Hjh. Rashidah binti Md. Arif
Timbalan Pengarah Khidmat Latihan
Institut Aminuddin Baki

Penasihat

Mohd. Zanal bin Dirin
Pengarah
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Dr. Hj. Abdul Zubir bin Hj. Abdul Ghani
Timbalan Pengarah
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Editor

Dr. Balasandran a/l A.Ramiah
Noriza binti Mohamed Nasir
Som binti Shariff
Abdul Razak bin Majid
Suriati binti Suhaimi
Azman bin Abdan
Ravindaran a/l Maraya

Rekaan Grafik

Salawaty binti Zainal
Noriati Roseni binti Ghazali

KANDUNGAN

Prakata	ix
---------	----

BIDANG FOKUS
Melindungi Masa Instruksional (MMI)

Kertas Kerja 1	1
-----------------------	----------

Program *Do Something* (DOS)
Zakaria bin Othman
Guru Besar
SK Seri Impian, Pulau Pinang

Kertas Kerja 2	18
-----------------------	-----------

Projek Inovasi *Open Book Test*
Ibrahim bin Isha
Guru Penolong Kanan
SMK Yahya Petra, Kelantan

Kertas Kerja 3	34
-----------------------	-----------

Projek *Teach to Teach*
Siti Aminah binti Ibrahim
Pengetua
SMK Pulau Nyior, Jitra, Kedah

BIDANG FOKUS
Menggalakkan Pembangunan Profesionalisme

Kertas Kerja 4	44
-----------------------	-----------

Pembangunan Profesionalisme Ke Arah Sekolah Berprestasi Tinggi
Rusli bin Md. Tahir
Guru Besar
SK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah

Kertas Kerja 5	54
-----------------------	-----------

Keberkesanan Kajian Tindakan Melalui LDP: Pengalaman SMK Bandar Sungai Petani
Hafsah binti L.Hussin
Pengetua
SMK Bandar Sungai Petani, Sungai Petani, Kedah

Kertas Kerja 6	64
-----------------------	-----------

Pembangunan Profesionalisme Guru Ke Arah Pendidikan Berkualiti
Liong Shou Chuan
Pegawai SIP+
PPD Sarikei, Sarawak

BIDANG FOKUS
**Memantau Kemajuan Murid/Mengurus Program Instruksional/
Pembentukan Iklim Sekolah**

Kertas Kerja 7	75
-----------------------	-----------

Pemeriksaan Sistem Rumah Ke Arah Membentuk Iklim Yang Positif
Dr. Norisah binti Suhaili
Pengetua
SM Sains Kuching Utara, Sarawak

Kertas Kerja 8	91
-----------------------	-----------

i-Think Pemangkin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP)
Mazmin binti Mohamad
Pengetua
SMK Serendah, Ulu Selangor, Selangor

Kertas Kerja 9	105
-----------------------	------------

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah: Pembudayaan dan Pentaksirannya
Maimunah binti Husien, Shuhaida Shaari dan Noor Hashimah Hashim
Pensyarah Kanan
IAB Cawangan Utara, Jitra, Kedah

BIDANG FOKUS

Merealisasikan Visi dan Misi Sekolah/Mengupayakan Pemimpin Pelapis

Kertas Kerja 10 116

Program Ulul Albab: Kepimpinan Instruksional Pengetua dalam Merealisasikan Visi dan Misi Sekolah
Mardziah binti Che Abdullah
Pengetua
SM Imtiaz Kuala Terengganu, Terengganu

Kertas Kerja 11 127

Generasi Pelapis Pemimpin Masa Depan
Abdul Razak bin Ismail
Pengetua
SMK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jerantut, Pahang

RUMUSAN PERBENGKELAN 134

Bidang Fokus: Melindungi Masa Instruksional (MMI)

Bidang Fokus: Menggalakkan Pembangunan Profesionalisme

Bidang Fokus: Memantau Kemajuan Murid

Bidang Fokus: Mengupayakan Pemimpin Pelapis

MAKLUMAT KOLOKIUUM 139

JAWATANKUASA KOLOKIUUM 147



Prakata

PENGARAH
INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN UTARA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Bismillahirrahmaniirahim.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional ke-10, 2014 telah berlangsung dengan jayanya pada 27 hingga 30 April 2014 di Instut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah. Tema yang dipilih adalah selari dengan arus perkembangann dunia pendidikan hari ini iaitu **Kepimpinan Instruksional Merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**.

Kolokium yang telah dijadikan acara tahunan ini telah berjaya menggabungkan kerjasama dan sumbangan yang tidak sedikit daripada pemimpin pendidikan pelbagai peringkat dari seluruh negara melalui perkongsian ilmu, kemahiran serta amalan-amalan terbaik melalui sesi-sesi pembentangan kertas kerja serta perbengkelan yang dijalankan.

Usaha yang baik ini tidak harus disia-siakan. Oleh itu, terhasillah prosiding ini bagi mendokumentasikan perkongsian yang telah disampaikan oleh para pembentang. Penerbitan prosiding yang memuatkan sebelas kertas kerja pembentangan serta rumusan sesi perbengkelan ini merupakan penerusan usaha perkongsian pengetahuan dan pengalaman yang boleh dimanfaatkan oleh lebih ramai lagi warga pendidik di seluruh negara dalam usaha menjana kecemerlangan pendidikan yang berterusan dan berpanjangan.

Sekian. Terima kasih.

MOHD ZANAL BIN DIRIN

PROGRAM *Do Something* (DOS)

Zakaria bin Othman, PJK
Guru Besar Cemerlang
SK Seri Impian, Pulau Pinang

Abstrak

Mengikut model Hallinger terdapat sebelas elemen yang perlu dilakukan oleh kepimpinan instruksional. Salah satu elemen dalam modul tersebut menekankan keperluan mengawal masa instruksional. Melindungi Masa Instruksional (MMI) merupakan salah satu komponen fungsi pemimpin instruksional dalam menjayakan pembelajaran secara berkesan di sekolah. Kesedaran perlu ada di peringkat sekolah dalam memastikan satu usaha berterusan ke arah memastikan budaya mengurus masa yang optimum dan berkualiti dilaksanakan adalah amat penting demi pembangunan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran. Isu guru ganti di sekolah-sekolah merupakan satu keadaan biasa yang sering berlaku hampir setiap hari. Penglibatan guru menjalankan tugas-tugas rasmi di luar sekolah pada waktu persekolahan atas arahan PPD, JPN, dan KPM serta ada juga yang mengambil cuti sakit, cuti sambilan, dan sebagainya yang menyebabkan perjalanan PdP di dalam kelas tergendala. Satu kaedah atau usaha yang berkesan dan tidak membebankan guru yang berada di sekolah perlu dirancang supaya proses PdP tetap berlaku walaupun guru mata pelajaran tidak hadir pada waktu tersebut. Kertas ini dirancang bertujuan untuk memenuhi pengisian waktu guru ganti yang lebih berkesan, membantu mengurangkan bebanan kerja guru yang bertugas, memudahkan pemantauan pihak pentadbir dan seterusnya PdP di dalam kelas tersebut dapat dilaksanakan seperti yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Projek ini juga dapat menyedarkan guru supaya bertugas dengan sepenuh hati bersesuaian dengan tuntutan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1981 bertajuk Penggunaan Waktu Tidak Mengajar/Waktu Luang (*free period*) oleh guru bagi menggantikan guru yang tidak hadir.

Kata kunci: Kepimpinan Instruksional, Melindungi Masa Instruksional (MMI), Penggunaan Waktu Luang

PENGENALAN

Penglibatan guru menjalankan tugas-tugas rasmi di luar sekolah pada waktu persekolahan atas arahan PPD, JPN, dan KPM seperti berkursus serta mesyuarat ditambah lagi ada yang mengambil Cuti Sakit, Cuti Sambilan dan cuti-cuti lain akan menjejaskan tugas utama (*core business*) sebagai guru iaitu mengajar di dalam bilik darjah. Akibatnya, secara purata satu hingga tiga orang guru tiada di sekolah pada setiap hari. Rekod sepanjang tahun 2010-2011 menunjukkan pada musim puncak, purata sehingga sepuluh orang guru tiada di sekolah. Isu ini telah sekian lama disedari

oleh warga Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Impian dan sering diperkatakan oleh masyarakat terutama waris dan pihak berwajib.

Satu kaedah perlu difikirkan dan dilaksanakan untuk menangani isu ini. Pembolehubah-pembolehubah yang boleh dikawal perlu dimanipulasi semaksimum mungkin agar hak murid tidak dinafikan. Projek yang diutarakan ini dirancang supaya walaupun guru mata pelajaran tertentu tidak hadir ke sekolah, proses PdP bagi mata pelajaran tersebut tetap dijalankan. Bagi menjayakan projek ini perlu ada dalam kalangan pentadbir, guru-guru, dan murid kesedaran yang tinggi tentang situasi yang berlaku bagi melaksanakan projek ini. Usaha ini sememangnya memerlukan sedikit pengorbanan guru-guru terutama di peringkat penyediaan bahan/modul tetapi sebenarnya memang menjadi tanggungjawab semua guru bahawa prinsip setiap kelas yang ditinggalkan oleh guru yang tidak hadir perlu diganti serta PdP berjalan seperti yang dirancang dalam Rancangan Pelajaran Harian (RPH) guru yang berkenaan.

Objektif pembentangan kertas kerja ini adalah satu perkongsian inovasi yang telah dijalankan di SK Seri Impian selama tiga tahun telah berjaya memelihara masa instruksional secara berkesan. Sebagai pemimpin instruksional perlu memahami tiga dimensi Kepimpinan Instruksional (Halinger & Murphy, 1985) iaitu mendefinisikan misi sekolah, mengurus kurikulum dan mempromosikan iklim pembelajaran sekolah. Melindungi Masa Instruksional (MMI) adalah fungsi penting dalam dimensi mempromosikan iklim pembelajaran sekolah. Sebagai pemimpin sekolah yang bertanggungjawab merealisasikan PPPM 2013-2025 perlulah melihat kertas cadangan ini secara positif.

LATAR BELAKANG

Walaupun mekanisme dan proses menyediakan guru ganti mantap dan proses berjalan dengan lancar pada setiap hari persekolahan, namun masalah utama dalam pengurusan pengisian waktu ganti ialah:

1. Guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat, keluar awal dan hanya sekadar menjenguk atau tidak masuk kelas yang telah ditetapkan.
2. Berlaku pembaziran waktu ketika ketiadaan guru mata pelajaran sekiranya guru ganti tidak mempunyai inisiatif sendiri membuat pengisian waktu dengan aktiviti yang berfaedah terutama bagi kumpulan murid yang motivasi dalamannya rendah.
3. Guru ganti yang bertugas, berasa terbeban untuk memikirkan atau menyediakan bahan atau perancangan bagi pengisian waktu tersebut.
4. Guru ganti hanya masuk dan memastikan murid membuat kerja sendiri tanpa perancangan PdP yang berkesan.
5. Bahan PdP atau bahan kerja murid tidak ada.
6. Proses PdP mata pelajaran berkenaan terputus selama mana guru tersebut tidak hadir.
7. Sukar memantau sama ada guru masuk ke kelas ganti atau tidak.

Bagi mencapai status sekolah berkesan dalam pengurusan waktu ganti semua masalah yang tersenarai di atas perlu diatasi segera. Hasil daripada pemantauan, komen ibu bapa, maklumbalas daripada guru dan murid telah dimasukkan dalam mesyuarat Jawatankuasa (JK) Kurikulum sekolah kali keempat pada 20 Oktober 2010. AhliJawatankuasa (AJK) telah bersetuju untuk menjalankan satu projek yang dinamakan *Do Something (DOS)* atau Jangan Duduk Sahaja (JDS) bagi mengatasi masalah pengisian waktu ganti supaya lebih efisien dan berkesan.

Jadual 1: Analisis Jurang Projek DOS

Status Semasa	Status Yang Hendak Dicapai
Guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat, keluar awal, hanya sekadar menjenguk atau tidak masuk kelas Berlaku pembaziran waktu selama masa ketiadaan guru mata pelajaran. Sekiranya guru ganti tidak mempunyai inisiatif sendiri membuat pengisian waktu dengan aktiviti yang berfaedah terutama bagi kumpulan murid yang motivasi dalamannya rendah.	Adakan satu sistem pemantauan. Adakan bahan untuk kegunaan guru ganti.
Guru ganti yang bertugas berasa terbeban untuk memikirkan atau menyediakan bahan atau perancangan bagi pengisian waktu tersebut.	Adakan prosedur perancangan terancang daripada guru yang tidak hadir.
Guru ganti hanya masuk dan memastikan pelajar membuat kerja sendiri tanpa perancangan PdP.	Adakan prosedur perancangan terancang daripada guru tidak hadir.
Bahan PdP atau bahan kerja murid tidak ada.	Adakan bahan kerja.
Proses PdP mata pelajaran berkenaan terputus selama mana guru tersebut tidak hadir.	Adakan Prosedur PdP terancang.
Sukar memantau semasa guru masuk kelas ganti atau tidak.	Adakan kaedah pemantauan yang berkesan.

INDIKATOR PRESTASI

Bagi memastikan projek berjaan dengan lancar, indikator prestasi dibina bagi tujuan pengawalan, penilaian, dan pencapaian standard projek ini.

Jadual 2:Indikator Prestasi

Bil.	Aktiviti	Indikator Prestasi
1	Mesyuarat sumbangsaran	Semua AJK memberikan pandangan atau idea yang relevan.
2	Penubuhan AJK projek	Semua AJK dapat spesifikasi tugas masing-masing
3	Penyediaan kertas projek	Lengkap dan ikutformat
4	Taklimat kepada PIBG	PIBG menyokong dan bersetuju membantu dari segi kewangan.
5	Mesyuarat AJK projek	Tiga kali setahun /semua AJK hadir
6	Pembelian 40 set buku kerja dan alat bantu mengajar	Empat mata pelajaran teras Tahun 1-6, mata pelajaran wajib dan bimbingan & kaunseling.
7	Penilaian/pemantauan	Guru memahami tanggungjawab dan melaksanakan tugas.
8	Dokumentasi	Lengkap bergambar

Jawankuasa Kerja Projek

Pengerusi:	Guru Besar
Naib Pengerusi I:	Penolong Kanan 1
Naib Pengerusi II:	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
Naib Pengerusi III:	Penolong Kanan Kokurikulum
Setiausaha:	Guru Penyelaras Jadual Waktu

AJK:

- KetuaPanitia
- Guru Pusat Sumber
- Guru Pusat Akses
- Guru Penyelaras Makmal Komputer
- Guru NILAM

Tanggungjawab dan Spesifikasi Tugas

Bagi melicinkan pelaksanaan projek setiap aktiviti diperjelas tanggungjawab dan spesifikasi tugas seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3:Tanggungjawab dan Spesifikasi Tugas

Bil.	Aktiviti	Tanggungjawab	Deskripsi Tugas
1	Penubuhan Jawatankuasa	Guru Besar	Menyediakan senarai AJK
2	Mesyuarat Jawatankuasa	Setiausaha	- Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat - Menyediakan agihan tugas
3	Menyediakan Kertas Projek	Setiausaha	Menyediakan kertas Projek
4	Taklimat kepada PIBG	Guru Besar	Menjelaskan kepada JK PIBG untuk mendapat sokongan dana
5	Menyediakan Sudut Letak Bahan	Penolong Kanan 1	Menyediakan sudut sesuai
6	Pelaksanaan Aktiviti Projek	Setiausaha	Memastikan aktiviti program berjalan lancar
7	Pemantauan dan Penilaian	Guru Besar	- Melaksanakan pemantauan - Mecadangkan Penambahbaikan

INOVASI/AMALAN TERBAIK

Pelaksanaan *Do Something* (DOS) atau Jangan Duduk Sahaja (JDS) dilaksanakan berdasarkan maklumat berikut:

1. Matlamat Projek

Matlamat projek DOS adalah untuk memelihara masa instuksional dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses PdP di SK Seri Impian bagi memastikan aktiviti PdP berjalan secara berterusan walaupun semasa guru mata pelajaran berkursus, cuti, dan sebagainya. Hasilnya, semua murid sekolah SK Seri Impian akan mendapat manfaat secara maksimum sewaktu mereka berada di sekolah.

2. Objektif Projek

Setelah projek ini dilaksanakan, diharapkan perkara-perkara yang berikut akan tercapai:

- Memantapkan pelaksanaan sistem guru ganti yang sememangnya berjalan lancar di peringkat penyediaan dan pengedaran jadual tetapi kurang berkesan di peringkat pelaksanaan oleh guru-guru yang menerima tugas penggantian tersebut.
 - Memastikan masa dimanfaatkan dengan aktiviti pembelajaran yang berfaedah serta mampu menyumbang ke arah memperkembang minda dan menggilap potensi murid walaupun tanpa kehadiran guru mata pelajaran.
 - Membolehkan guru ganti berasa terpacu untuk masuk ke kelas kerana projek ini telah memberikan tumpuan khusus dan dipantau oleh semua pihak termasuk murid-murid kelas berkenaan.
 - Memastikan guru yang tidak hadir kesekolah kerana sesuatu tugas rasmi atau sebab-sebab lain tetap bertanggungjawab merancang dan menyediakan bahan bagi matapelajaran dan kela sberkenaan.
 - Membolehkan guru ganti terdorong untuk melaksanakan PdP setelah masuk ke kelas kerana bahan telah tersedia.
 - Membantu murid mendapat sesuatu input atau faedah semasa ketiadaan guru mata pelajaran tersebut.
 - Membantu mengurangkan kes-kes pelanggaran disiplin walaupun guru mata pelajaran tidak hadir.
- ### 3. Pelaksanaan Program DOS1 (Guru menghadiri kursus mesyuarat, dan aktiviti kokurikulum di luar waktu persekolahan)
- Guru mata pelajaran mendapat surat untuk bertugas di luar/mesyuarat/Cuti berjadual atau aktiviti lain dari JPN/PPD/KPM.

- Guru mata pelajaran boleh membuat proses jual beli jadual waktu dengan rakan guru seterusnya mengisi borang DOS3 untuk tindakan dan makluman PK.
- Sekiranya proses jual beli jadual waktu tidak dapat dilaksanakan guru mata pelajaran perlu mengisi borang DOS1.
- Guru mata pelajaran perlu menyediakan bahan dan modul.
- Guru mata pelajaran menyerahkan borang DOS1serta bahan atau modul kepada PK1.
- PK1 menyerahkan borang DOS1dan arahan kepada guru ganti untuk tindakan apabila tiba waktu.
- Guru ganti menerima borang DOS1dan arahan masuk ke kelas dan menjalankan PdP.
- Guru ganti telah selesai menggantikan kelas serta menyerahkan borang DOS1 kepada PK1 untuk direkod dan menyerahkan bahan atau modul kepada guru mata pelajaran yang berkenaan.
- Guru mata pelajaran perlu menyemak kerja yang diberikan oleh guru ganti.

4. Pelaksanaan Program DOS2 (Guru cuti sakit, cuti kecemasan)

- PK1 menyemak kedatangan guru pada jam 7.30 pagi.
- PK1 menyediakan jadual ganti.
- PK1 menyerahkan borang DOS2 kepada guru ganti bertugas.
- Guru ganti menerima borang DOS2 dan arahan masuk ke kelas serta mengambil bahan dari sudut DOS untuk menjalankan PdP.
- Guru ganti setelah selesai pengajaran akan menyerahkan borang DOS2 kepada PK1 untuk direkod dan menyerahkan bahan atau modul kepada guru mata pelajaran berkenaan.
- Guru ganti menyimpan semula bahan di sudut yang disediakan.
- Guru mata pelajaran perlu menyemak kerja yang diberikan oleh guru ganti.

IMPAK

Projek DOS telah dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Tempoh pelaksanaan projek dilaksanakan mulai tahun 2011. Pihak PIBG telah membantu projek ini dengan menyumbang dana pembelian bahan bantu mengajar, alatulis, kertas A4 serta TV LCD. Program ini telah membantu melaksanakan pengisian waktu ganti secara lebih berkesan dan sistematik. 95% guru memberi respon yang positif dan melaksanakan program ini secara bertanggungjawab. Murid pula mendapati masa ketiadaan guru sebenar mereka dalam kelas telah diisi dengan PdP oleh guru ganti. Cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan program ini ialah bila masa guru tidak menyediakan

bahan PdP walaupun mereka tahu tarikh mereka tiada di sekolah, tidak mengembalikan borang kepada penolong kanan, kekurangan bahan bantu mengajar, guru masih tidak masuk kelas ganti dan jika pada sesuatu masa ramai guru yang tidak hadir ke sekolah menyebabkan seorang guru terpaksa masuk kelas ganti 2-3 kali. Sebagai pemimpin yang mengamalkan kepimpinan instruksional modul Hallinger dan Murphy (1985), semua cabaran ini ditangani dengan melaksanakan beberapa elemen iaitu mengekalkan ketampakan dengan melakukan pemantauan kelas dari masa ke semasa, membudayakan perkembangan profesional dengan mengadakan perjumpaan dengan guru bermasalah serta mengadakan motivasi dalam LDP setiap tiga minggu pada hari khamis. Membuat pemantauan penyeliaan dan penilaian instruksional PdP guru dan menyediakan ganjaran kepada guru seperti pujian, jamuan, lawatan penandaaras serta ganjaran perkhidmatan cemerlang.

Penilaian projek ini juga dinilai dengan cara membanding status pencapaian sebelum dengan selepas projek dijalankan seperti indicator prestasi yang ditetapkan merujuk Jadual 4. Penilaian atas pandangan guru dan komen pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti yang positif telah membantu meningkatkan keberkesanan projek ini.

Jawatankuasa Projek akan berusaha mengadakan penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memanfaatkan program ini kepada semua warga sekolah. Pelaksanaan projek ini diharapkan akan dapat membantu tercapainya visi sekolah iaitu **“SK Seri Impian Terbilang di Pulau Pinang Tahun 2015”**.

Jadual 4: *Penilaian Program*

Status Semasa	Status Yang Hendak Dicapai
Guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat, keluar awal, hanya sekadar menjenguk atau tidak masuk kelas yang telah ditetapkan.	Satu sistem pemantauan telah diwujudkan
Berlaku pembaziran waktu selama masa ketiadaan guru mata pelajaran sekiranya guru ganti tidak mempunyai inisiatif sendiri membuat pengisian waktu dengan aktiviti yang berfaedah terutama bagi kumpulan murid yang motivasinya rendah.	Bahan untuk kegunaan guru ganti sudah tersedia

Guru ganti yang bertugas berasa terbeban untuk memikirkan atau menyediakan bahan atau perancangan bagi pengisian waktu tersebut.

Guru ganti hanya masuk dan memastikan pelajar membuat kerja sendiri tanpa perancangan PdP.
Bahan PdP atau bahan kerja murid tidak ada.
Proses PdP subjek berkenaan terputus selama guru tersebut tidak hadir.
Sukar memantau semasa guru masuk ke kelas ganti atau tidak.

Guru ganti tidak terbeban untuk merancang/menyediakan bahan pengisian ganti

Perancangan terancang disediakan
Bahan kerja sudah tersedia
PdP terancang sudah tersedia
Pemantauan lebih mudah dan berkesan.

CADANGAN

Projek DOS ini merupakan projek penambahbaikan kepada kaedah yang lebih berkesan dalam menyelesaikan isu-isu waktu ganti. Pengurusan waktu ganti merupakan satu cabaran kepada semua pentadbir sekolah. Guru Besar sebagai pemimpin instruksional seharusnya melihat projek ini secara positif bukan suatu idea baharu yang membebankan atau menambah beban tugas pentadbir. Semua guru seharusnya membantu dan menerima idea ini secara positif jika mereka memahami hasrat murni yang akan dilaksanakan oleh pihak sekolah. Cadangan saya bagi menambahbaik dalam melaksanakan projek ini lebih berkesan sekiranya sekolah lain ingin mencontohi perlulah;

- 1. Guru Besar perlu mengamalkan tiga dimensi Kepimpinan Instruksional secara keseluruhan dan memahami serta mengamalkannya dalam pengurusan.
- 2. Guru Besar perlu dinamik dan bersungguh-sungguh melaksanakan program ini.
- 3. Guru Besar harus menggunakan kuasa mutlak (Gaya Kepimpinan Autokrasi) dalam menggerakkan guru-guru terutamanya kumpulan yang merasakan diri mereka selesa dan tidak mahu menerima perubahan ke arah kebaikan.

Harapan saya agar semua sekolah dapat menggunakan projek seumpama ini di sekolah masing-masing. Projek ini telah membantu melaksanakan pengisian waktu ganti, memudahkan guru yang bertugas di luar serta meningkatkan motivasi murid ke arah kecemerlangan akademik.

KESIMPULAN

Program ini bukanlah satu projek yang terbaik tetapi mungkin dapat membantu pihak sekolah mendapatkan idea atau kaedah lain untuk menjadikan waktu ganti lebih berkesan dan dapat dipantau pelaksanaannya dengan mudah. Kesimpulannya,

program ini adalah untuk memastikan pengisian sewaktu kelas ganti memenuhi fokus memelihara masa instruksional yang lebih berkesan. Walau bagaimanapun kemungkinan program ini mempunyai beberapa kelemahan tetapi semua kelemahan itu boleh dibaiki dari semasa ke semasa. Apa yang perlu bagi kita untuk menentukan kejayaan projek ini ialah kesungguhan kita sebagai pemimpin sekolah melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin yang berkesan. Sebagai pemimpin yang berkesan kita perlu melaksanakan dan mengamalkan kepimpinan instruksional dalam keberhasilan pembelajaran murid. Kemahiran pemimpin mewujudkan iklim pembelajaran positif dan mengawal waktu PdP (MMI) menghasilkan sekolah yang cemerlang dan murid yang berkualiti.

RUJUKAN

Akta Pendidikan 1958. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Surat Pekeliling Iktisas Bil.3/1991, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kertas Cadangan Kelas Terancang “Kelas Tanpa Guru Subjek”. Oleh: EnTurin bin Ahmad, Penolong Kanan 1, Kolej Sultan Abdul Hamid: Tarikh: 30 Mei 2002.

Koleksi Projek Berasaskan Sekolah Jilid 1. Terbitan: Institut Aminuddin Baki, Cawangan Utara.

BORANG PROGRAM DOS1
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IMPIAN
14400 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI

Tarikh:	
Masa:	
Kelas:	
Nama Guru Tidak Hadir:	
Mata Pelajaran:	
Nama Guru Ganti	
Aktiviti Yang Perlu Dijalankan:	Komen/Ulasan Guru ganti:
..... (Tandatangan guru mata pelajaran)	
Disemak:.....	
Panduan Pelaksanaan Program DOS: 1. Guru ganti mesti masuk ke kelas yang diganti pada waktu yang ditetapkan. 2. Guru ganti bertanggungjawab sepenuhnya atas kelas tersebut. 3. Guru ganti boleh mengajar & memberikan latihan/modul/bahan yang disediakan kepada murid. 4. Guru mata pelajaran perlu menyemak kerja yang diberikan oleh guru ganti.	

Lampiran 2

Borang DOS2

**BORANG PROGRAM DOS2
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI IMPIAN
14400 BUKIT MERTAJAM, S.PERAI**

Tarikh:	
Masa:	
Kelas:	
Nama Guru Tidak Hadir:	
Mata Pelajaran:	
Nama Guru Ganti:	
Aktiviti yang dijalankan:	
Disemak:.....	
Panduan Pelaksanaan Program DOS: 1. Guru ganti mesti masuk ke kelas yang diganti pada waktu yang ditetapkan. 2. Guru ganti bertanggungjawab sepenuhnya atas kelas tersebut. 3. Guru ganti boleh mengajar dan memberikan latihan/modul/bahan yang disediakan kepada murid. 4. Guru mata pelajaran perlu menyemak kerja yang diberikan oleh guru ganti.	

Lampiran 3

Borang DOS3

**BORANG PROGRAM DOS3
JADUAL JUAL BELI WAKTU**

WAKTU	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12
Tarikh												
Penjual												
Pembeli												
Tarikh												
Penjual												
Pembeli												
Tarikh												
Penjual												
Pembeli												

TINDAKAN GURU

- 1. Isikan dalam kotak tarikh, mata pelajaran dan darjah.
- 2. Guna dakwat merah untuk guru yang menjual
- 3. Guna dakwat biru untuk guru pembeli
- 4. Sila serahkan borang DOS3 sehari sebelum tarikh jual beli

t.t

.....

Guru Penjual Guru Pembeli Penolong Kanan

Tarikh:

Borang Soal Selidik Projek DOS Penilaian Guru

Guru Mata Pelajaran: _____ Tahun: _____

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Agak setuju	Bersetuju	Amat bersetuju
1	Program ini membantu saya supaya lebih bertanggungjawab semasa penggantian merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1981.						
2	Perancangan PdP awal saya sebelum bercuti/kursus membantu murid saya.						
3	Saya rasa bersalah jika tidak dapat menyediakan rancangan PdP sebelum saya bercuti dan berkursus.						
4	Pengisian borang membantu saya menjalankan PdP sewaktu penggantian.						
5	Bahan & ABM yang disediakan memudahkan saya merancang PdP waktu ganti.						

6	Sudut tempat meletak bahan mudah untuk saya akses.						
7	Borang-borang yang disediakan mesra pelanggan.						

Syor saya untuk penambahbaikan program ini:

Borang Soal Selidik Projek DOS Penilaian Penolong Kanan

Guru Penolong Kanan: _____

Bil	Item	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Kurang setuju	Agak setuju	Bersetuju	Amat Bersetuju
1	Program ini membantu saya supaya lebih bertanggungjawab semasa penggantian merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/1981.						
2	Perancangan PdP awal Guru sebelum bercuti/kursus membantu guru ganti.						
3	Pengisian borang membantu saya menyediakan jadual ganti yang lebih mudah.						
4	Bahan & ABM yang disediakan memudahkan guru merancang PdP waktu ganti.						
5	Sudut tempat meletak bahan mudah bagi guru untuk mengakses.						
6	Borang-borang yang disediakan mesra pelanggan.						

Syor saya untuk penambahbaikan program ini:

PROJEK INOVASI *OPEN BOOK TEST*

Ibrahim bin Isha
Guru Penolong Kanan
SMK Sultan Yahya Petra 1, Kelantan

Abstrak

Pengurusan kurikulum yang berkesan merupakan perkara pokok dalam mengukuhkan kualiti pendidikan dan memastikan pengendalian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah berjalan lancar ialah guru subjek mahupun guru ganti mesti masuk kelas dan pengajaran-pembelajaran berkesan. Justeru, guru mestilah memainkan peranan utama mewujudkan situasi pembelajaran yang menyeronokkan pelajar melalui kepelbagaian pedagogi. Komitmen dan kerjasama semua guru amat diperlukan bagi memastikan kemenjadian pelajar dalam bidang akademik. Sumber tenaga guru yang komited, rajin dan berpengalaman yang dimiliki oleh sekolah harus diambil peluang oleh pentadbir untuk diguna pakai dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program bagi memastikan pencapaian KPI. Sebagai pentadbir sekolah, teras utama ialah memastikan pencapaian akademik terus meningkat sama ada dari segi peratus kelulusan keseluruhan mahupun gred purata sekolah (GPS). Walau bagaimanapun pengalaman mengurus dan memimpin sekolah, pentadbir tidak dapat mengelak dari isu ‘guru tiada di sekolah’ dan ‘guru tidak masuk kelas’ atas sebab-sebab urusan rasmi atau sengaja. Maka bagi mengatasi masalah ini, pelbagai program telah dirancang termasuk Open Book Test (Ujian Buka Buku) atau OBT.

Kata kunci: *Open Book Test*, kepelbagaian pedagogi, kemenjadian murid

PENGENALAN

Melindungi Masa Instruksional (MMI) bermaksud untuk mengurangkan gangguan bagi mengelakkan kelas tidak berlangsung seperti yang dirancang dan memastikan kualiti masa instruksional yang menjamin pelajar-pelajar dapat menikmati masa yang berkualiti sepanjang waktu persekolahan. Isu ketiadaan guru mata pelajaran atau tidak hadir ke sekolah atas sebab-sebab seperti cuti sakit, cuti rehat kakitangan, menghadiri tugas rasmi di luar sekolah seperti mesyuarat, kursus dan aktiviti-aktiviti kokurikulum merupakan satu isu yang tidak dapat dielakkan oleh sesebuah sekolah.

Walaupun bagaimanapun, pengurus dan pemimpin sekolah harus bijak merancang sesuatu bagi mengatasi isu dan permasalahan ini dan harus meletakkan kepimpinan instruksional sebagai keutamaan dalam pengurusan kurikulum di sekolah. Kepimpinan Instruksional ialah segala usaha yang dilakukan oleh pemimpin sekolah untuk menyediakan inovasi kurikulum dan memperkembangkan proses pengajaran dan pembelajaran dengan tujuan menjayakan matlamat sekolah (Hussein, 1993).

Isu pengisian PdP guru ganti perlu diambil perhatian kerana sepanjang pemerhatian saya di sekolah, sebahagian guru ganti masuk kelas sekadar mengarahkan pelajar buat kerja sendiri dan ada juga yang sengaja tidak masuk kelas ganti. Ini disebabkan guru ganti yang terlibat adalah guru bukan opsyen mata pelajaran berkenaan, tiada alternatif dan bahan sokongan yang boleh membantu dan memudahkan guru ganti untuk masuk kelas dan melaksanakan pembelajaran dan pengajaran (PdP) secara berkualiti dan berkesan.

Fokus program OBT yang dilaksanakan di sekolah ini ialah untuk MMI bagi mengatasi isu yang timbul. Di samping itu, secara tidak langsung program ini dapat memupuk budaya kerja cemerlang dalam kalangan warga pendidik di sekolah.

LATAR BELAKANG SEKOLAH

SMK Sultan Yahya Petra (1) adalah sebuah sekolah premier dalam kategori sekolah harian yang terletak dalam kawasan seluas 13 ekar 800 depa dekat Bandar Kuala Krai, Kelantan. Sekolah ini bermula dengan 40 orang pelajar tingkatan satu dan 35 orang pelajar peralihan pada awal 1951 dikenali sebagai The Government English School di Jalan Kemahkotaan, Kuala Krai.

Pada tahun 1958, nama sekolah ini ditukar kepada Yahya Petra School (YPS). Pada tahun 1964 pula nama sekolah ditukar kepada Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra. Pada tahun 1965, peperiksaan SC/MCE aliran sains yang pertama. Pada tahun 1981 sekolah ini menubuhkan tingkatan enam yang pertama. Sehingga tahun 1998 sekali lagi nama sekolah ini ditukar kepada SMK Sultan Yahya Petra (1). Sekolah ini mempunyai 1479 orang pelajar yang terdiri dari pelbagai kaum.

Sehingga kini, SMK Sultan Yahya Petra (1) menjadi sekolah tarikan masyarakat ‘Magnet School’ kerana telah ramai melahirkan tokoh-tokoh alumni yang berjaya dan banyak mencapai kejayaan dalam bidang akademik dan kokurikulum hingga ke persada antarabangsa. Pencapaian gred purata sekolah terkini dalam bidang kurikulum SPM 2013 SMK Sultan Yahya Petra (1) menduduki tangga yang ke 32 dari 149 sekolah menengah di negeri Kelantan.

AMALAN MELINDUNGI MASA INSTRUKSIONAL (MMI)

Nama Projek

Projek ini dikenali sebagai Projek Inovasi *Open Book Test* (OBT)

Rasional

Projek inovasi OBT ini dicetuskan untuk mewujudkan suatu aktiviti sokongan akademik secara sistematik dan seragam untuk semua pelajar dan guru bagi membantu

melengkapkan dan melancarkan perjalanan pelaksanaan PdP di bilik darjah secara formal oleh guru ganti semasa ketiadaan guru subjek atau digunakan oleh guru subjek sebagai sebahagian pedagogi PdP semasa mengajar di kelas-kelas yang pelajarannya aras sederhana dan lemah.

Pernyataan isu

Apabila menjawat Penolong Kanan Pentadbiran mulai April 2011, saya meneliti rekod ketidakhadiran guru tahun 2010-2011 menunjukkan pada musim puncak guru subjek tidak hadir ke sekolah atas sebab-sebab tertentu dengan purata 10 orang. Ketidakhadiran guru ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- 1. Tugas rasmi di luar sekolah seperti mesyuarat, aktiviti kokurikulum dan lain-lain.
- 2. Guru cuti sakit atau cuti rehat.

Ketidakhadiran guru subjek biasanya sekolah menggunakan mekanisma guru ganti sebagai alternatif dan penyelesaian melaksanakan PdP dalam bilik darjah berkenaan. Walau bagaimanapun melalui pemerhatian dan pemantauan saya di sekolah, terdapat beberapa kekangan dan masalah dalam memastikan pengisian masa gantian itu digunakan secara berkualiti untuk pelajar-pelajar oleh guru ganti. Kebanyakan guru ganti mengambil tindakan tidak melaksanakan PdP tetapi sekadar mengarahkan pelajar-pelajar melaksanakan dan menyiapkan kerja rumah atau latihan yang belum diselesaikan.

Dari isu dan permasalahan ini, tercetus idea saya untuk merangka suatu projek inovasi memperkasakan usaha MMI iaitu OBT selaras dengan *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1981* bertajuk penggunaan waktu tidak mengajar / waktu luang (free period) oleh guru bagi menggantikan guru yang tidak hadir.

Jadual 1: Analisis Jurang Projek OBT

Status Semasa	Status Yang Hendak Dicapai
Guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat, keluar awal,hanya sekadar menjenguk atau tidak masuk kelas ganti.	Adakan satu sistem pemantauan.
Berlaku pembaziran waktu semasa tiada guru subjek. Jika guru ganti tidak mempunyai inisiatif sendiri mengoptimakan pengisian waktu bagi memenuhi hak pelajar.	Adakan bahan untuk kegunaan guru ganti.
Guru ganti berasa terbeban untuk merancang dan menyediakan bahan	Adakan prosedur perancangan terancang daripada guru yang tidak hadir.

Guru ganti hanya masuk dan mengarahkan pelajar buat kerja sendiri.	Adakan bahan untuk kegunaan guru ganti.
Bahan PdP dan bahan kerja murid tidak disediakan oleh guru subjek yang tidak hadir.	Adakan bahan kerja khusus.
Proses PdP subjek berkenaan tidak berjalan langsung dan pengisian waktu PdP berlalu begitu sahaja.	Adakan prosedur PdP terancang beserta bahan.
Kekangan masa memantau guru ganti masuk kelas atau tidak, melaksanakan aktiviti PdP atau tidak.	Adakan prosedur perancangan terancang (dokumentasi), bahan khusus dan skrip pelajar.

Cadangan Tindakan/Penyelesaian:

Dalam usaha memberi pendidikan berkualiti kepada pelajar-pelajar secara adil dan saksama, maka salah satu **Program Juara Akademik Sekolah (PROJAS)** yang dirangka peringkat sekolah SMK Sultan Yahya Petra 1 ialah Projek **OBT** iaitu suatu langkah bagi menyelesaikan beberapa masalah dan kekangan dalam pelaksanaan PdP semasa ketiadaan guru mata pelajaran dalam kelas atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.Ketidakhadiran gurumungkin disebabkan oleh guru cuti sakit, cuti rehat atau menghadiri tugas rasmi di luar sekolah seperti mesyuarat, aktiviti kokurikulum dan lain-lain. Melalui penggunaan Buku OBT,pelajar-pelajar dapat menjawab soalan subjek berkenaan dengan cara membuka buku teks dan membuat carian jawapan dalam buku teks mengikut arahan kata kunci jawapan yang diberikan dengan bimbingan dan kawalan guru ganti. Projek inovasi OBT ini akan dilaksanakan di peringkat menengah rendah (Tingkatan 1 hingga 3) mulai bulan Jun persekolahan 2011.

Matlamat Projek

Matlamat projek OBT adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan proses PdP di SMK SultanYahya Petra (1) secara berterusan walaupun semasa guru mata pelajaran tiada.Impaknya semua pelajar mendapat manfaat maksimum memenuhi hak merekasepanjang waktu persekolahan. Di samping itu, pelaksanaan OBT juga dipercayai dapat memperkayakan PdP guru-guru sebagai bahan bantuan mengajar. Sebagai permulaan sebanyak 150 naskah buku OBT akan disediakan hasil sumbangan soalan guru-guru subjek menengah rendah (tingkatan 1 hingga 3).

Objektif Projek

- 1. Memantapkan pelaksanaan sistem guru ganti dan melindungi masa instruksional, di mana buku OBT boleh digunakan oleh guru ganti sewaktu ketiadaan guru mata pelajaran di bilik darjah.
- 2. Menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan buku teks secara optima.

- 3. Membantu pelajar-pelajar mempelajari salah satu kaedah belajar secara berkesan tanpa bimbingan guru secara lansung, tetapi hanya berpandukan buku teks.
- 4. Buku OBT juga boleh digunakan oleh guru mata pelajaran sebagai salah satu kaedah semasa PdP.
- 5. Guru mata pelajaran boleh menggunakan buku OBT untuk mengulangkaji.
- 6. Buku OBT sebagai alat berkesan untuk memandu pelajar-pelajar sederhana dan lemah untuk mentelaah pelajaran dengan merujuk kepada buku teks.
- 7. Memotivasikan guru ganti untuk melaksanakan PdP setelah masuk ke kelas kerana bahan terancang telah sedia ada.

Format Kandungan OBT

Soalan Objektif

Kumpulan manakah yang dikelaskan sebagai aset semasa dalam perakaunan?

- A. Bank, tunai dan penghutang
- B. Perabot,tanah dan premis
- C. Alat tulis,kadar bayaran dan insurans
- D. Pemiutang,sewa terakru dan gaji terakru

(ms42,p3,b5&6)


Soalan Struktur

Liabiliti merupakanperniagaan kepada pihak luar.

(ms43,p1,b1)

Soalan bentuk peta minda

Lengkapkan sebab-sebab perbezaan baki buku tunai dengan penyata bank dalam gambar rajah di bawah :



(ms284,p2)

Soalan bentuk menghitung

Maklumat berikut dipetik dari buku-buku perniagaan Atiqah Trading pada

31 Disember 2011 :

Kos tetap	RM20000
Kos berubah seunit	RM2.00
Harga seunit	RM6.00

Hitngkan titik pulang modal dalam unit.

(Jawapan: 5000 unit)

Formula :

$$\begin{aligned} \text{Titik pulang modal} &= \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\ &= \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Harga seunit} - \text{Kos berubah seunit}} \end{aligned}$$

Untuk soalan menghitung, guru juga boleh memberi soalan contoh dan jawapan sebelum pelajar menjawab soalan yang diberi.

Nota kunci jawapan:

Ms = muka surat

p = perenggan

b = baris (jika perlu)

Indikator Prestasi

Untuk memastikan projek berjalan dengan lancar, indikator prestasi dibina bagi tujuan pengawalan,penilaian dan pencapaian standard projek OBT.

Jadual 2: Indikator Prestasi

Bil	Aktiviti	Indikator Prestasi
1	Mesyuarat sumbang saran dan pemurnian idea OBT.	Semua AJK memberi padangan dan idea yang relevan.
2	Penubuhan AJK projek OBT	Semua AJK diberi spesifikasi tugas masing-masing.
3	Penyediaan kertas projek	Lengkap dan ikut format
4	Taklimat kepada PIBG	AJK PIBG bersetuju dan menyokong
5	Mesyuarat AJK projek	Tiga kali setahun
6	Pembelian kertas A4 dan dakwat dan stansel mesin riso.	Semua atau 8 mata pelajaran teras menengah rendah tingkatan 1 hingga 3.
7	Penilaian / pemantauan/ pebangunan kapasiti	Guru memahami tanggungjawab dan melaksanakan tugas.
8	Dokumentasi	Penghasilan buku OBT, gambar-gambar,borang-borang dan minit mesyuarat.

Jadual 3: Jawatankuasa Kerja Projek OBT

Penasihat	Tn. Hj. Komarudin Abdullah (Pengetua)
Pengerusi	En. Ibrahim Isha (PK Pentadbiran)
Naib Pengerusi	Tn. Hj. Mohd Azam Omar (PK HEM)
	En. Mohd Shukri Abdullah (PK Koku)
	En. Ibrahim Yakob (PK T6)
Penyelaras	Pn. Rohani Abdullah (GK SS)
Setiausaha	En. Mohd Qamarul Sadiq Othman
AJK	Pn. Che Hasiah Yusoff (GK Bahasa)
	Pn. Hjh Siti Fatimah Muhammad (GK TV)
	Pn. Nor Bila Hussein (GK SM)
	Pn. Norhayati Abdullah (SU Kurikulum)
	En.Wan Nor Azaha Wan Ali
	SU Kecemerlangan PMR
	Semua Ketua Panitia
	Semua Kaunselor
	Pn. Noor Azila Abdullah (SPBT)
	En. Rofee Mat (PAR – Cetakan)
	En. Sarul Alam Jaafar (PAR – Cetakan)

Jadual 4: Panel penggubal item mengikut matapelajaran

Matapelajaran	Nama penggubal	Tingkatan
GEOGRAFI	W.Nor Azaha W.Ali	1
	Siti Noor Ab Wahab	2
	W.Ismail W. Mamat	3
PENDIDIKAN ISLAM	Zulkifli Ahmad	1
	Rohani Kasim	2
	Mohd Nordin Mat Haron	3
SAINS	Zuhardi Omar	1
	Marini M. Sahimin	2
	Siti Norfazlin M. Tahit	3
K. HIDUP	Hairi / Nurul Izati	1
	Yusrirani/ Hasifah	2
	Nik Sin/ Nor Hawati	3
MATEMATIK	Nik Latifah Omar	1
	Nik Zubaidah Zakaria	2
	Norizan Jusoh	3

B.MELAYU	Nik Azrina Ahmad	1
	Hasmuna Ab Wahab	2
	Azrah Dollah	3
B.INGGERIS	Noor Azila Abdullah	1
	Fadiha Abd Ghani	2
	Chua Soo Chun	3
SEJARAH	Marinah Abdullah	1
	Yusri Abdul Hamid	2
	Norhayati Abdullah	3

Jadual 5: Tanggungjawab dan spesifikasi tugas

Bil	Aktiviti	Tanggungjawab	Deskripsi Tugas
1	Pembentangan kepada Tuan Pengetua tentang proposal projek OBT yang dirancang dilaksana mulai 2011	Penolong Kanan Pentadbiran	Bentang proposal Bentang rasional Bentang format OBT Bentang Teknik Penggunaan OBT
2	Penubuhan Jawatankuasa OBT	Penyelaras Setiausaha	Menyediakan senarai AJK dan panel penggubal
3	Melengkapkan kertas projek OBT	Setiausaha	Mengemaskini dan melengkapkan proposal OBT daripada PKP
4	Mesyuarat Jawatankuasa dan panel penggubal OBT	Setiausaha	Menyediakan surat panggilan mesyuarat OBT Menyediakan agihan tugas
5	Taklimat kepada AJK PIBG	Pengetua PKP	Taklimat projek Permohonan sokongan dana
6	Menetapkan sudut letak buku OBT	Penolong Kanan Pentadbiran	Menetapkan lobi bilik guru kanan sebagai sudut simpanan buku OBT
7	Pelaksanaan Aktiviti Projek	Penyelaras Setiausaha	Memastikan aktiviti penggunaan buku OBT berjalan lancar
8	Pemantauan dan penilaian	Pengetua PKP	Melaksanakan pemantauan. Mencadangkan penambahbaikan Sijil Penghargaan

Pelaksanaan Projek OBT

- Pelaksanaan projek OBT dilakukan apabila guru subjek tidak hadir ke sekolah dalam dua situasi berikut:
- Borang OBT (Apabila guru menghadiri kursus, mesyuarat dan aktiviti kokurikulum di luar sekolah) :
 - Guru subjek mendapat surat untuk bertugas di luar.
 - Guru subjek berkenaan mengisi borang OBT dan lengkapkan muka surat cadangan penggunaan OBT.
 - Kembalikan borang OBT kepada PK Pentadbiran.
 - PK Pentadbiran akan menyerahkan borang OBT dan arahan kepada guru ganti untuk tindakan apabila tiba waktu.
 - Guru ganti menerima borang OBT, mesti masuk kelas dan laksanakan PdP.
 - Apabila selesai kelas ganti, guru ganti mengembalikan OBT ke bilik guru kanan,manakala skrip jawapan pelajar dan borang OBT dikembalikan kepada PKP.
 - PK Pentadbiran akan menyerahkan skrip jawapan pelajar kepada guru subjek untuk disemak.
 - Borang OBT (Guru cuti sakit, cuti kecemasan):
 - PKP menyemak kedatangan guru pada jam 7.30 pagi.
 - PKP mengisi borang OBT sebagai jadual guru ganti.
 - PKP menyerahkan borang OBT kepada guru ganti.
 - Guru ganti menerima borang OBT dan arahan masuk ke kelas ganti serta buku OBT.
 - Bincang dengan pelajar muka surat OBT yang belum dibuat, arahkan pelajar jawab dan kawal
 - Apabila selesai kelas ganti, guru ganti mengembalikan OBT ke bilik guru kanan,manakala skrip jawapan pelajar dan borang OBT dikembalikan kepada PKP.
 - PK Pentadbiran akan menyerahkan skrip jawapan pelajar kepada guru subjek untuk disemak.

Impak Projek

Jadual 6: Pencapaian PMR 2010 hingga 2013

PMR	Peratus Lulus	Gred Purata Sekolah
2010	74.20%	2.52
Selepas projek inovasi OBT		
2011	78.36%	2.42
2012	79.85%	2.57
2013	78.50%	2.51

Jadual 7: Peratus Perubahan Pelaksanaan Kelas Ganti Tingkatan 1,2 dan 3

Status Guru Ganti	%Sebelum Projek	% Selepas Projek
Masuk kelas laksana PdP	20%	80%
Masuk kelas tiada PdP	60%	20%
Tidak masuk kelas	20%	0%

Penilaian

Sepanjang pemantauan penggunaan buku OBT ini dari tahun 2011 hingga 2013, saya dapati ia banyak memberi kemudahan kepada guru-guru ganti malah meningkatkan *kapasiti dan instruksi* guru-guru ganti untuk memanfaatkan waktu PdP ganti. Impaknya, pelajar-pelajar juga mendapat hak dan kualiti masa pembelajaran secara optima.

Jadual 8: Penilaian Program

Status Semasa	Status yang hendak dicapai (KPI)
Guru ganti mempunyai kecenderungan untuk masuk lewat,keluar awal,sekadar menjenguk atau tidak masuk kelas.	Satu sistem pemantauan diwujudkan
Berlaku pembaziran waktu selama masa ketiadaan guru subjek jika guru ganti tiada inisiatif sendiri.	Bahan untuk kegunaan guru ganti sudah tersedia.
Guru ganti berasa terbeban untuk memikirkan atau menyediakan bahan.	Guru ganti tidak terbeban untuk penyediaan bahan.
Guru ganti hanya masuk dan memastikan pelajar membuat kerja sendiri tanpa perancangan PdP	Perancangan terancang disediakan.
Tiada bahan PdP atau kerja murid yang khusus.	Bahan kerja (OBT) sudah tersedia.

Proses PdP terputus selama guru subjek tidak hadir.	PdP terancang sudah tersedia.
Sukar memantau semasa guru ganti masuk ke kelas ganti atau tidak.	Pemantauan lebih mudah dan berkesan.
Penambahan nilai untuk memberi pujian dan penghargaan kepada guru-guru yang terlibat dengan kelas ganti sepanjang tahun.	Guru-guru berkenaan diberi sijil penghargaan sekolah dalam Majlis Graduasi Petra setiap tahun.

PENILAIAN, CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Seramai 20% guru ganti yang masih mengamalkan masuk kelas tetapi tiada PdP beranggapan sukar dan memakan masa untuk mengambil dan menghantar buku OBT di Bilik Guru Kanan kerana blok tingkatan 1 dan 2 agak jauh dengan bilik guru kanan. Hasil perbincangan saya dengan Tuan Pengetua, beliau bersetuju untuk memindahkan lokasi kelas tingkatan 1 hingga 3 di Blok D dan E iaitu berhampiran bilik guru kanan di blok E bermula tahun 2013.

- Setelah berbincang dengan tuan pengetua berhubung penambahbaikan program OBT ini, beberapa cadangan dan penambahbaikan perlu dibuat seperti :
- Melebarkan pelaksanaan program OBT ke peringkat menengah atas bermula Jun 2014.
 - Meningkatkan mutu item dalam modul OBT edisi akan datang.
 - Menguatkuasakan borang pelaksanaan OBT sebagai jadual guru ganti dari semasa ke semasa.
 - Memastikan guru ganti masuk kelas dan tepat pada waktu.
 - Pengetua dan pentadbir sentiasa membuat rodan kelas.
 - Bercadang menjadikan satu mata pelajaran satu modul OBT.
 - OBT boleh juga dalam bentuk buku kerja.

KESIMPULAN

Pelaksanaan program OBT ini adalah salah satu usaha yang boleh membantu memperkasakan amalan MMI yang sekarang ini mula diberi fokus oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program OBT seperti ini dilihat boleh mendorong dan menyenangkan guru ganti untuk mengendalikan PdP kelas ganti walaupun bukan opsyen guru berkenaan. Usaha ini juga dapat meningkatkan kapasiti guru ganti untuk melaksanakan kelas ganti. Di samping itu, usaha ini juga dapat membantu membangunkan instruksi.

Dari satu sudut yang lain pula, program OBT ini boleh menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan dan memanfaatkan kemudahan pinjaman buku teks. Usaha murni ini merupakan satu kaedah pembelajaran berkesan dalam kalangan pelajar tanpa guru subjek. Sejak pelaksanaan projek OBT ini, peratus kelulusan PMR meningkat tidak

kurang dari 78% berbanding 74.20% tahun 2010 sebelum pelaksanaan projek. Diharapkan usaha ini dapat membantu memperkasakan amalan MMI waktu persekolahan dan memenuhi aspirasi kementerian.

RUJUKAN

Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan keberkesanan sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2011). *Akta Pendidikan 1958*, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2011).*Surat Pekeliling Iktisas*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Turin Ahmad (2002). *Kertas Cadangan Kelas Terancang: Kelas Tanpa Guru Subjek*. Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara. *Koleksi Projek Berasaskan Sekolah*, Jilid 1. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki.



TARIKH DAN HARI										
MASA										
TINGKATAN										
NAMA GURU TIDAK HADIR										
MATA PELAJARAN										
NAMA GURU GANTI										
Komen/ Ulasan guru ganti : (TT Guru Ganti)	Aktiviti yang dijalankan : a) Penggunaan buku OBT : <table><tr><td>Tandakan /</td><td>Muka surat</td><td>Bilangan</td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td></tr></table> b) PdP tanpa buku OBT : (Nyatakan tajuk PdP)	Tandakan /	Muka surat	Bilangan						
Tandakan /	Muka surat	Bilangan								

Disemak (Pengetua/PKP) : cop
Panduan Pelaksanaan Projek OBT: 1. Guru ganti mesti masuk kelas yang diarahkan pada waktu yang ditetapkan. 2. Guru ganti bertanggungjawab sepenuhnya atas kelas tersebut. 3. Guru ganti boleh mengajar atau menggunakan buku OBT yang disediakan. 4. Guru subjek perlu menyemak kerja yang diberikan oleh guru ganti. 5. Kembalikan borang ini dan skrip jawapan pelajar kepada PKP selepas kelas ganti.

SEMAKAN SKRIP JAWAPAN OPEN BOOK TEST

Nama Guru Subjek : Subjek :
 Tarikh Guru Subjek Tiada : Waktu : Ting :
 Nama Guru Ganti :
 Rekod Penggunaan OBT : Muka surat Hingga
 Tarikh terima skrip : Tarikh Serah Borang OBT2:

[illegible]

(TT Guru Subjek) (TT Pengetua/PKP)

- *Sila kembalikan borang OBT2 yang lengkap kepada PKP dalam tempoh 5 hari selepas skrip OBT diterima.*



**SMK SULTAN YAHYA PETRA 1
PELAKSANAAN PROGRAM OPEN BOOK TEST**



**GURU GANTI SEDANG MENGENDALIKAN PENGGUNAAN
OPEN BOOK TEST DALAM BILIK DARJAH**



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN YAHYA PETRA 1

18000 KUALA KRAI,

KELANTAN.

smksyp1.05/07/003 (1)

Ruj Tuan :
Ruj Kami :

Tarikh : 13 Jun 2011

Semua Penolong Kanan,
Semua Guru Kanan,
Semua Ketua Panitia dan
Guru-guru AJK Program OBT.

Tuan/puan,

MESYUARAT PELAKSANAAN PROGRAM OPEN BOOK TEST (OBT)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa mesyuarat berhubung pelaksanaan Program Open Book Test tahun 2011 akan diadakan seperti ketetapan berikut :

Tarikh : 15 Jun 2011 (Rabu)
Masa : 2.10 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat, Jubli Emas

3. Sehubungan dengan ini, tuan/puan dijemput hadir bersama-sama bagi membincangkan konseptual pelaksanaan program tersebut.

5. Kerjasama tuan/puan dialu-alukan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

**“GURU PENJANA TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang menurut perintah,

(HJ. KOMARUDIN BIN ABDULLAH)
Pengetua.

PROJEK *TEACH TO TEACH*

Siti Aminah binti Ibrahim
Pengetua
SMK Pulau Nyior, Jitra, Kedah

ABSTRAK

Pendidikan masa kini menuntut keutamaan dalam peningkatan kualiti pembelajaran murid. Usaha meningkatkan kualiti pembelajaran murid mempunyai kaitan rapat dengan keupayaan pemimpin sekolah melindungi masa instruksional murid dalam bilik darjah sepanjang sesi persekolahan dijalankan. Melindungi masa instruksional murid adalah salah satu komponen fungsi pemimpin instruksional yang terbukti telah dapat membentuk iklim sekolah yang positif. Bagi membolehkan seseorang pemimpin instruksional itu memainkan fungsi ini secara berkesan, pemimpin sebenar seharusnya menguasai aspek pengetahuan asas, memahami bidang tugas dan menguasai kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, adalah mudah untuknya membimbing dan menjadi contoh ikutan (*role model*) yang boleh diteladani oleh guru-gurunya. Kertas pembentangan ini akan membincangkan isu berkaitan masa instruksional yang terjejas disebabkan beberapa faktor berkaitan guru itu sendiri. Melindungi masa instruksional memberi penekanan kepada usaha guru untuk memaksimumkan masa pengajarannya sewaktu di dalam bilik darjah. Sekiranya guru yang bermasalah, maka guru tadi haruslah dibantu memandangkan satu daripada peranan pemimpin instruksional adalah untuk membangunkan kompetensi guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sahsiah. Oleh itu, satu bentuk inisiatif telah diambil bagi menangani isu ini iaitu dengan menjalankan Program *Teach To Teach*. Program ini telah menunjukkan impak positif bukan saja kepada guru tetapi juga kepada peningkatan kualiti pembelajaran pelajar-pelajar yang dapat dilihat berdasarkan keputusan peperiksaan awam yang diduduki.

Kata kunci: Pemimpin Instruksional, Iklim sekolah yang positif, Melindungi Masa Instruksional (MMI)

PENGENALAN

Pendidikan masa kini menuntut keutamaan dalam peningkatan kualiti pembelajaran murid. Gagne (1965) menyatakan bahawa pembelajaran merupakan satu proses menjana perubahan tingkah laku pada murid yang dapat dilihat dari sudut perkembangan ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap. Usaha meningkatkan kualiti pembelajaran murid mempunyai kaitan rapat dengan keupayaan pemimpin sekolah melindungi masa instruksional murid dalam bilik darjah sepanjang sesi persekolahan dijalankan. Oleh itu, pemimpin-pemimpin sekolah perlu memastikan PdP dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan bagi mencapai keberhasilan pembelajaran murid yang merupakan fokus utama dalam semua program dan rancangan yang dirangka oleh KPM.

Melindungi Masa Instruksional murid adalah salah satu fungsi pemimpin instruksional yang terbukti telah dapat membentuk iklim sekolah yang positif ke arah membangunkan modal insan yang kritis, kreatif dan inovatif. Sebagai pemimpin instruksional, pemimpin-pemimpin sekolah haruslah berperanan memberi tumpuan dan tunjuk ajar, berkongsi bersama dalam membuat keputusan, memelihara dan mempertahankan perkara-perkara asas (*basics*), memanfaatkan dan mengoptimumkan masa PdP dengan melaksanakan aktiviti yang tidak menjejaskan proses PdP dan sentiasa tampak di sekolah. Di samping itu, pemimpin-pemimpin sekolah juga harus boleh mengenal pasti keperluan guru untuk keluar sama ada menjalankan urusan rasmi atau urusan peribadi serta memastikan guru ganti memaksimumkan PdP dalam bilik darjah.

Bagi membolehkan seseorang pemimpin instruksional itu memainkan fungsi ini secara berkesan, pemimpin sebenar seharusnya menguasai aspek pengetahuan asas, memahami bidang tugas dan menguasai kemahiran-kemahiran yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan itu, adalah mudah untuknya membimbing dan menjadi contoh ikutan (*role model*) yang boleh diteladani oleh guru-gurunya kerana guru juga merupakan agen utama pelaksana dasar kerajaan pada peringkat akar umbi. Kepentingan peranan guru di sekolah disebut secara jelas dalam laporan kajian perbandingan sistem pendidikan beberapa negara di dunia yang telah dijalankan oleh Kinsey and Company (2007), yang menyebut:

“The quality of an education system cannot exceed the quality of its teachers”.

Dalam kajian antarabangsa *Teaching and Learning International Survey* (TALIS) pemimpin sekolah melaporkan faktor guru datang lewat, ketidakhadiran, dan kurang persediaan pedagogi merupakan faktor mengganggu masa pembelajaran murid (OECD, 2010). Peratusan guru tidak bersedia dari segi pedagogi melampaui data purata TALIS yang menyumbang kepada gangguan masa instruksional sekolah, seterusnya mengurangkan keberhasilan pembelajaran murid di sekolah. Sebaliknya, pemimpin sekolah yang mempunyai ciri kepimpinan instruksional dalam komponen melindungi masa instruksional mempunyai hubungan positif dengan peningkatan pencapaian akademik murid.

Sehubungan dengan itu, kertas pembentangan ini akan membincangkan isu berkaitan masa instruksional yang terjejas disebabkan beberapa faktor berkaitan guru itu sendiri. Melindungi masa instruksional memberi penekanan kepada usaha guru untuk memaksimumkan masa pengajarannya sewaktu di dalam bilik darjah. Oleh itu, satu bentuk inisiatif telah diambil bagi menangani isu ini iaitu dengan menjalankan Projek *Teach To Teach*. Program ini juga menekankan kepada konsep perkongsian kepimpinan pengetua dan pengupayaan guru untuk keberhasilan murid.

LATAR BELAKANG

SMK Bandar Bukit Kayu Hitam (SMKBBKH) ialah sekolah luar bandar yang terletak 1.5km daripada sempadan Malaysia-Thailand. Sekolah ini mempunyai dua blok bangunan untuk kegunaan pentadbiran dan 12 bilik darjah, sebuah makmal KHB, sebuah

makmal komputer, surau dan kantin. Persekitaran sekolah bersih, mendamaikan dan terkawal. Enrolmen murid adalah sekitar 260 orang setiap tahun dengan 29 orang guru termasuk pengetua dan 6 orang staf sokongan. Kebanyakan guru tinggal berdekatan sekolah kecuali Pengetua dan dua orang Guru Penolong Kanan. 95% murid adalah bumiputera dan 5% adalah berketurunan Siam, Iban dan Bajau. Dari segi pekerjaan waris pula, 80% adalah penoreh getah dan hanya 20% yang bekerja dengan kerajaan. Murid-murid sekolah ini mempunyai latar belakang dan pencapaian akademik yang agak rendah terutama dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Pada tahun 2010, sekolah ini telah tersenarai dalam “School Improvement Programme” anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana berada pada Band 6 dengan skor komposit NKRA 48.02%. Sekolah ini telah menduduki tempat ke-22 daripada 22 buah sekolah menengah dalam daerah Kubang Pasu, dalam peperiksaan awam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun tersebut. Sekolah juga langsung tidak menonjol dalam bidang kokurikulum dan penglibatan adalah sekadar penyertaan.

PROJEK TEACH TO TEACH

Pengenalan

Dimensi ketiga model kepimpinan instruksional yang diutarakan oleh Hallinger dan Murphy (1985) memberi penekanan kepada membentuk iklim sekolah yang positif. Antara tugas utama dimensi ini ialah Melindungi Masa Instruksional (MMI) bagi memastikan tempoh masa untuk pembelajaran secara berkesan berlaku tanpa halangan. Pengetua perlu mengekalkan visibiliti yang tinggi di samping mewujudkan suatu sistem ganjaran yang memberi pengukuhan pada pencapaian akademik. Dimensi ini juga mencadangkan pemimpin instruksional mempromosikan pembangunan profesional guru melalui strategi Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) ke arah penambahbaikan pengajaran yang berkesan.

Menurut Biggs (2004) konsep mengajar ada tiga pengertian :

- Mengajar sebagai satu proses pemindahan pengetahuan. Maka guru perlu menyampaikan dengan sebaiknya.
- Kemampuan mengajar secara efisien. Dengan ini guru perlu adaptasikan pelbagai kaedah dan teknik mengajar.
- Mengajar adalah usaha memberi rangsangan bimbingan dan dorongan agar terjadi proses pembelajaran.

Berdasarkan pengertian ini, kemampuan yang harus dimiliki oleh guru dalam melaksanakan pengajaran ialah memotivasikan murid untuk belajar, memastikan objektif pengajaran tercapai, menggunakan kaedah pengajaran dan alat bantu mengajar yang sesuai, berkomunikasi dengan murid dan menilai hasil pembelajaran. Dengan ini, barulah seorang guru menjadi komited dan kreatif dalam tugasnya kerana merasakan *teaching is a work of heart*.

Rasional

Program *Teach To Teach* dilaksanakan adalah berlandaskan prinsip bahawa:

The mediocre teacher tells (Guru biasa memberitahu),
The good teacher explains (Guru bagus memberi penerangan),
The superior teacher demonstrates (Guru hebat memberi tunjuk ajar),
The great teacher inspires (Guru unggul memberi ilham).

Justeru, pengetua sebagai pemimpin instruksional di sekolah semestinya membimbing guru-guru di bawah pentadbirannya supaya berkemampuan dan yakin pada diri dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan.

Matlamat

Guru mengenal pasti masalah pengajaran. Pengetua membantu menganalisis masalah pengajaran.

Objektif

1. Pengetua dan guru terlibat dengan tugas mengajar secara kerja berpasukan.
2. Membimbing guru dan murid untuk mencapai standard (piawaian) dan kualiti PdP yang ditetapkan.
3. Membantu mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh guru dengan murid.
4. Memberi inspirasi kepada guru dari segi perubahan sikap, kemahiran dan pengetahuan (ilmu) untuk menjadi guru yang berkesan.
5. Meningkatkan kualiti PdP guru dengan mencari alternatif pengajaran yang lebih berkesan.

Strategi Pelaksanaan

Program *Teach To Teach* memerlukan pengetua sebagai pemimpin instruksional menjadi *role model* dalam pengajaran. Strategi pelaksanaannya adalah seperti berikut:

1. Guru yang menghadapi masalah pengajaran, kemajuan murid atau masalah murid tidak memberi tumpuan semasa PdP dikenal pasti melalui:
 - Dapatan analisis item semasa post mortem ujian atau peperiksaan
 - Penyeliaan atau pencerapan pengajaran guru
 - Pemantauan “Learning Walk”
 - Gangguan MMI
 - Laporan pentadbir dalam mesyuarat pengurusan

- 2. Pengetua berjumpa dengan guru bertanya khabar dan berbincang .
- 3. Guru mengisi borang “Teach to Teach”.
- 4. Menetapkan tarikh, hari, masa, topik dan memberi bahan pengajaran yang perlu (jika ada) kepada pengetua.
- 5. Pengetua melaksanakan pengajaran seperti yang dirancang oleh guru dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPT) dan diperhatikan oleh guru.
- 6. Pengetua memberi maklum balas kepada guru berkaitan pengajaran yang perlu diberi nilai tambah.
- 7. Dalam perjumpaan guru, pengetua berkongsi amalan pengajaran dan menegur kebiasaan yang ditemui semasa pengajarannya.

IMPAK

Sekolah berada pada kedudukan ke-22 dalam daerah Kubang Pasu. Apabila dianalisa didapati banyak soalan dalam peperiksaan murid tidak menjawab kerana guru tidak sempat mengajar, guru mengajar tidak sempat habiskan sukatan pelajaran, guru tinggalkan tajuk-tajuk tertentu dan sebagainya. Semua berpunca daripada guru. Program ini telah menunjukkan impak positif bukan saja kepada guru tetapi juga kepada peningkatan kualiti pembelajaran pelajar-pelajar yang cukup membanggakan yang dapat dilihat berdasarkan keputusan peperiksaan awam yang diduduki.

Jadual 1: Keputusan PMR dan SPM 2009 – 2013

Tahun	PMR		SPM		Calon “Straight A’s”
	GPK	% Lulus	GPK	% Lulus	
2009	3.32	42.65	6.69	33.3	-
2010	3.39	42.03	6.68	28.0	-
2011	3.09	60.29	5.94	51.16	-
2012	3.01	55.50	6.46	35.81	PMR 8A
2013			5.33	50.00	-

Jadual 2: Kemenjadian murid dalam peperiksaan PMR dan SPM berbanding keputusan UPSR masing-masing


Nama	UPSR			PMR			SPM	
	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2012	2013
Siti Haslina bt Putih	2A			4A			6A	
Anis Sabariah bt Abdullah	1A			3B			5A	
Fathulah Suhaimi A Shukri	5A			4B			4A	
Abdul Rahman b A Kadir		3A			7A			-
Nur Afifah bt Saidin		3A			7A			-
Mohd Amirul Jazzril		2A			7A			-
Norain bt Ahmad Jais		2A			6A			-

Mohd Amiruddin b Ahmad	2B	1A	6A
Ku Aida Nabilah bt Ahmad	5A	8A	
Fatihin Syahmi b A Shukri	3A	7A	
Khairunnisa bt Mohd Rais	3A	7A	

Kemuncak kepada kemenjadian murid dalam kurikulum ialah keputusan peperiksaan awam. Keputusan PMR 2011 menunjukkan peningkatan sebanyak 18.26% dengan GPK 3.09, walaupun calon “Straight A’s” belum ada. PMR 2011 berjaya melahirkan seorang murid “Straight A’s”. Begitu juga, keputusan SPM 2011 dan SPM 2013 menunjukkan peningkatan sebanyak 23.16% dan 14.19% dengan GPK 5.94 dan GPK 5.33 masing-masing, juga masih belum ada calon “Straight A’s”.

Sungguhpun begitu, keputusan tetap membanggakan guru-guru kerana murid yang tiada gred A dalam UPSR mendapat 6A dalam SPM. Manakala murid yang hanya dapat 1A dalam UPSR berjaya mendapat 4A dalam PMR dan 6A dalam SPM.

Sebagai pemimpin instruksional, kejayaan harus ditunjukkan dalam mata pelajaran yang diajar oleh pengetua. Matematik Tambahan telah menunjukkan peningkatan hingga mengekalkan kelulusan 100% selama tiga tahun berturut-turut.



Rajah 1: Pencapaian Matematik Tambahan dalam SPM 2009 – 2013

Keputusan SPM 2013 juga menunjukkan kejayaan apabila semua mata pelajaran elektif yang lain seperti Sains Tambahan, PSV, ICT, Prinsip Akaun, Perdagangan, Kesusasteraan Melayu, Tasawur Islam dan Pendidikan Moral turut mendapat kelulusan 100% .

Kemenjadian murid dalam peperiksaan awam telah memberi impak kepada pencapaian institusi. Pencapaian dikongsi bersama apabila sekolah mendapat Anugerah Pencapaian Cemerlang SPM (Sekolah Terbaik Harian) dan Sijil Penghargaan SPM 2011 Peningkatan Gred Purata melebihi 0.5 (0.732). Sekolah juga menerima Anugerah

Pencapaian Akademik Cemerlang Peningkatan Terbaik PMR 2011 dan PMR 2012 semasa Hari Guru Peringkat daerah Kubang Pasu.

Bila ilmu penuh di dada, *self esteem* murid meningkat. Murid SMKBBKH sudah mula untuk ke depan dalam pertandingan dan mendapat tempat sebagai Johan dan Naib Johan dalam Pesta Pantun, Karnival Satera, pidato dan bahas. Murid-murid tidak lagi kekok bertanding dengan sekolah *established* seperti sekolah berasrama penuh dan sekolah kluster. Terkini, SMKBBKH muncul Naib Johan dalam Pertandingan Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah Negeri Kedah.

Waima sekolah yang bermula dengan Band 6 telah berubah ke Band 5 apabila skor komposit NKRA meningkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: *Perbezaan skor komposit dan band sekolah 2009 – 2012*

Tahun	Skor Komposit	Band
2009	48.75	6
2010	50.44	5
2011	51.71	5
2012	52.00	5

Komponen sekolah yang lain seperti infrastruktur dan sistem pentadbiran juga mengalami transformasi dalam usaha melengkapkan dan memupuk sistem sekolah dengan suasana pembelajaran yang unggul.

CADANGAN

Sebagai pemimpin instruksional, pengetua harus mengajar dan menjadi *role model* dalam penulisan buku rekod sebagai persediaan mengajar, menyampaikan pengajaran yang berkesan, Melindungi Masa Instruksional, mengenal pasti murid yang lemah serta mengambil tindakan pemulihan yang sesuai dan membuat semakan buku murid. Dengan kemahiran bercorak *hands-on* dalam mengendalikan bilik darjah, pemimpin instruksional akan menjadi contoh yang dapat diteladani oleh guru-guru.

KESIMPULAN

Peranan pemimpin dalam kepimpinan instruksional adalah penting kerana mereka menentukan hala tuju dan kelancaran pelaksanaan proses PdP di sekolah. Murid sebagai *input* akan melalui pemprosesan dalam pelbagai cara dan bentuk sepanjang tempoh mereka berada di sekolah. Keberhasilan murid dalam pencapaian akademik adalah *output* yang diukur selepas melalui pemprosesan tersebut. Baik atau buruk pencapaian akademik (*output*) seorang murid menggambarkan keberkesanan proses-proses yang dilaluinya di sekolah. Justeru, faktor penentu kecekapan dan kejayaan sesebuah sekolah bukanlah tempoh masa atau pengalaman berkhidmat pemimpin instruksional, tetapi sejauh mana pemimpin instruksional itu memiliki sikap dan pengetahuan serta mampu memainkan peranannya.

Di samping itu, pemimpin instruksional di semua lapisan seharusnya membudayakan MMI sepenuhnya secara konsisten dan mematuhi prosedur sedia ada bagi mencapai elemen kualiti dan memenuhi aspirasi sistem pendidikan Malaysia. Keprihatinan untuk tidak mengganggu masa instruksional di sekolah memungkinkan semua murid mendapat pendidikan yang sempurna. Penyediaan pendidikan yang berkualiti akan melahirkan modal insan yang berpotensi untuk memajukan ekonomi, sosial, dan kesejahteraan negara pada masa akan datang. Ini sudah pasti dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pencapaian matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 dan hasrat kerajaan untuk mentransformasikan pendidikan negara dapat dicapai khususnya berada dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa menjelang 2028.

RUJUKAN

Alimuddin Hj Mohd Dom (2006). *Kepimpinan instruksional*. Putrajaya: Jemaah Nazir Sekolah, KPM.

Gagne, R. M. (1965). *The conditions of learning*. USA: Holt, Rinehart & Winston.

James Ang Jit Eng & Balasandran A. Ramiah (2009). *Kepimpinan instruksional: Satu panduan praktikal*. Kuala Lumpur: PTS Professional.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Melindungi Masa Instruksional – Kembali kepada yang asas: Pemimpin instruksional, guru mengajar dan murid belajar*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Panduan pelaksanaan Melindungi Masa Instruksional (MMI)*. Putrajaya: Sektor Operasi Pendidikan, KPM.

McKinsey & Company. (2007). *How the world's best performing school systems come out on top*.

OECD. (2010). *Creating effective teaching and learning environments: First results from TALIS*.

PROGRAM “TEACH TO TEACH”

NAMA GURU: _____ OPSYEN: _____

MATA PELAJARAN: _____ TINGKATAN: _____

PERNYATAAN MASALAH PENGAJARAN & PEMBELAJARAN:

Tandatangan guru:_____

Tarikh:_____

PENETAPAN TARIKH PENGAJARAN PENGETUA:

TARIKH: _____ HARI: _____ MASA: _____

TOPIK: _____ TEMPAT: _____

BAHAN PENGAJARAN YANG DISEDIAKAN:

MAKLUM BALAS PENGAJARAN & PEMBELAJARAN:

A. SEBELUM P&P PENGETUA:

ULASAN MURID:

ULASAN PENGETUA :

B. SELEPAS P&P PENGETUA

:

ULASAN GURU :

ULASAN MURID:

CADANGAN PENGETUA:

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KE ARAH SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI

Rusli bin Md. Tahir
Guru Besar
SK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah

Dr. Premavathy a/p Ponnusamy
Pensyarah Kanan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

ABSTRAK

Kejayaan sekolah banyak bergantung kepada kepimpinan sekolah. Kepimpinan adalah kebolehan seseorang mempengaruhi, memotivasi dan mendorong pekerja untuk menyumbang ke arah kejayaan dan keberkesanan organisasi yang dianggotainya. Malahan keberkesanan pengurusan sesebuah sekolah sangat berkait rapat dengan gaya kepimpinan Pengetua dan Guru Besar serta tahap profesionalisme yang dimiliki oleh pemimpin. Malahan, keberkesanan kepimpinan sekolah merupakan faktor yang menentukan kepuasan kerja guru samaada ianya berada di tahap tinggi atau rendah. Perkara asas kepada kecemerlangan sekolah terletak kepada kepimpinan instruksional Pengetua dan Guru Besar yang profesional sebab amalan instruksional sekolah yang berkesan adalah perkara asas dalam proses operasi sesebuah organisasi sekolah. Ini bermakna kecemerlangan sekolah lebih berfokus kepada kebolehan pemimpinnya merancang, melaksana dan membimbing orang bawahan dalam pembangunan profesionalisme guru-guru dalam proses PdP untuk membangunkan sekolah ke arah yang lebih cemerlang. Oleh itu kertas ini membincangkan tentang amalan-amalan Guru Besar SK Ibrahim yang membantu pembangunan profesionalisme guru terutamanya dalam kemahiran pedagogi, pengetahuan guru dalam subjek yang diajar dan hal-hal berkaitan waktu instruksional seperti pengurusan kelas yang membawa sekolah ini ke arah pencapaian tahap Sekolah Berprestasi Tinggi.

Kata kunci: Kepimpinan Instruksional, pengurusan pembangunan profesionalisme, kemahiran pedagogi, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT)

PENGENALAN

Kepimpinan melibatkan satu proses mempengaruhi orang bawahan untuk mencapai matlamat organisasi. Kejayaan kepimpinan instruksional dalam pengurusan pembangunan profesionalisme guru dan staf sekolah sangat membantu bagi mencapai matlamat sekolah terutama mencapai tahap Sekolah Berprestasi Tinggi di Malaysia. Berdasarkan kajian kepimpinan instruksional dikaitkan dengan keupayaan pemimpin untuk memastikan peningkatan masa instruksional yang berkesan di sekolah bagi merealisasikan matlamat pendidikan KPM melalui amalan-amalan terbaik contohnya yang berkaitan dengan usaha untuk melindungi masa instruksional (MMI). Berasaskan faktor di atas, kepimpinan di Sekolah Kebangsaan Ibrahim, Sungai Petani, Kedah banyak

menumpukan kepada kepimpinan instruksional dalam memperkemaskan pengurusan pembangunan profesionalisme guru dan staf dalam melonjak kecemerlangan sekolah ke tahap Sekolah Berprestasi Tinggi. Oleh itu kertas kerja ini akan meneliti bagaimana kepimpinan instruksional boleh memainkan peranan yang penting dalam mengurus atau menggalakkan pembangunan profesionalisme guru dan staf sekolah SK Ibrahim bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 terutamanya dalam anjakan kelapan iaitu ‘Transformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian pendidikan’.

LATAR BELAKANG SEKOLAH.

Sekolah Kebangsaan Ibrahim, Sungai Petani, Kedah masih mengekalkan tradisi sejak penubuhan pada tahun 1919. Pelajar Sekolah Kebangsaan Ibrahim yang terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina, India dan kaum-kaum lain. Uniknyanya sekolah ini ialah semua murid Sekolah Kebangsaan Ibrahim terdiri daripada murid lelaki. Keunggulan sekolah berdasarkan pencapaian yang cemerlang setiap kali peperiksaan UPSR di daerah Kuala Muda Yan dan pernah ditabalkan sekolah terbaik pencapaian di peringkat negeri Kedah. Di bawah kepimpinan sekarang kejayaan tertinggi sekolah ialah mencapai taraf Sekolah Berprestasi Tinggi Kohot 3 Kementerian Pendidikan Malaysia dan telah menerima empat tahun berturut-turut Anugerah Tawaran Baru Guru Besar. Selain gemilang dalam bidang kurikulum, Sekolah Kebangsaan Ibrahim juga mengungguli pencapaian dalam bidang kokurikulum hingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebenarnya, di bawah kepimpinan Guru Besar sekarang, keunggulan semangat dedikasi bekerja dalam pasukan serta komitmen dalam setiap program sekolah adalah wadah warga sekolah ini. Hal ini memastikan Sekolah Kebangsaan Ibrahim dalam kumpulan Sekolah Berprestasi Tinggi dan mampu mengekalkan tahap kecemerlangannya secara berterusan. Semangat kerja berpasukan yang jitu dan bersatu padu sering digilap oleh pemimpin sekolah ini melalui kebolehan dan kekuatan individu warga sekolah. Di samping itu pencetusan kreativiti, inovatif menjadi penetapan kualiti penghasilan kerja guru dan staf di Sekolah Kebangsaan Ibrahim.

Cogan kata sekolah ini ialah, ”Finis Coronat Opus” yang membawa maksud Usaha Tangga Kejayaan. Manakala semua warga sekolah berpegang kepada moto “We Are The Best”. Tambahan lagi pemimpin sekolah sentiasa memastikan warga sekolah sentiasa mengamalkan prinsip “Kamilah Yang Terbaik” dalam semua bidang bagi melonjak kegemilangan sekolah bertaraf antarabangsa. Budaya sekolah yang berwatak dengan guru dan staf yang begitu komitmen terhadap tugas menghasilkan kecemerlangan sekolah dalam semua bidang. Walaupun mempunyai murid yang berbilang kaum tetapi semangat interaksi perpaduan antara kaum dan sahsiah cemerlang yang ditunjukkan dengan menghormati budaya dan adat resam ke arah mengamalkan konsep belajar bersama-sama, bermain bersama-sama dan makan bersama-sama digarap seluruh warga di sekolah ini. Kepimpinan yang sentiasa menjaga kebajikan guru dan pelajar sering menjadi asas untuk mendapat sokongan padu dalam setiap usaha dan tindakan yang diambil oleh pemimpin. Jelas lagi kesungguhan pemimpin dalam merancang dan melaksanakan aktiviti untuk perkembangan profesionalisme guru memberi hasil yang lumayan dalam bentuk pencapaian sekolah yang saban tahun meningkat.

AMALAN TERBAIK DALAM PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU

Mengurus sumber tenaga dan kepakaran secara adil dan teratur

Guru dan staf adalah aset utama yang perlu digabungkan dalam pembangunan profesionalisme. Kerjasama secara kolaboratif penting bagi menjangka matlamat jangka pendek dan jangka panjang yang hendak dicapai sekolah dan menyediakan alam psikologikal yang sesuai bagi mencapai matlamat yang terancang. Sehubungan ini pihak pengurusan wajar dapat mengurus secara adil dan teratur sumber tenaga dan kepakaran yang sedia ada. Di samping mempertimbangkan dengan wajar tentang kekuatan dan kelemahannya serta mengambil peluang "advantage" yang wujud dalam kalangan warga sekolah.

Bijaknya pemimpin dalam melahirkan guru yang profesional hendaklah sentiasa mempamerkan ciri-ciri kekuatan ilmu dan bertingkah-laku dengan keluhuran etika kerja serta menuntut kefahaman yang jelas dan mendalam, kesungguhan dan komitmen yang tinggi kepada penyempurnaan tugasnya di sekolah setiap masa dan waktu. Pemimpin haruslah mengenalpasti kekuatan yang ada pada semua guru untuk digembeling secara saksama. Penggunaan kepakaran guru terutama guru cemerlang dan guru yang mahir dan berminat untuk melaksanakan aktiviti mengikut kepakaran adalah satu usaha terbaik dalam menghasilkan kejayaan sesuatu program. Guru-guru perlu diagihkan kepada kelompok-kelompok mengikut panitia matapelajaran untuk merancang dan melaksanakan aktiviti mengikut keutamaan dan yang memberi impak yang berkesan terhadap pencapaian murid.

Motivasi dan ganjaran berterusan

Motivasi berterusan dan ganjaran yang setimpal perlu diusahakan agar dapat menyuntik semangat untuk terus menyumbang bakti tanpa mengira tenaga, masa, kepakaran dan wang ringgit. Dalam hal ini peranan kepimpinan instruksioanal perlu diterjemahkan sepenuhnya dalam merealisasikan pembangunan profesional di kalangan warga sekolah.

Latihan dalam perkhidmatan adalah satu proses yang realistik kearah pembagunan profesionalisme guru. Antara matlamat latihan ialah mendedahkan guru kepada inovasi yang terkini dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Selain itu melalui latihan juga berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dan mewujudkan sistem nilai dan amalan yang mantap. Oleh itu setiap sekolah telah mewajibkan semua guru dan staf menjalani latihan ini untuk sekurangnya tujuh hari dalam setahun.

Kepimpinan melalui teladan

Konsep kepimpinan melalui teladan adalah konsep asas yang perlu diberi perhatian dalam mengurus organisasi. Kepakaran Pengetua dan Guru Besar dalam memberi motivasi dan tunjuk ajar yang berkaitan bidang pendidikan perlu diberi penekanan. Perkongsian kepakaran oleh Pengetua dan Guru Besar sendiri terutama dalam memberi

kursus yang berkaitan ICT akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara utama yang diberi penekanan semasa memulakan tugas disetiap sekolah yang baru ialah Guru Besar sendiri yang memberi kursus ICT yang berkaitan penggunaan program EXCEL. Ini ada kerana program ini amat berguna untuk guru dalam pengiraan yang melibatkan sistem pemarkahan terutama "headcount". Kepakaran yang dimiliki oleh guru akan meningkatkan tahap profesionalisme guru itu dalam memudah dan mempercepatkan kerja perkeranian yang ditanggung oleh setiap guru. Melalui program ini juga analisis data mudah dicapai dan senang untuk diurus.

Amalan Komuniti Pembangunan Profesional (PLC)

Pembangunan profesionalisme juga boleh dibangunkan dengan amalan Komuniti Pembangunan Profesional (PLC) terutamanya melalui perkongsian antara guru melalui program "Lesson Study". Ini akan dapat menghasilkan modul pengajaran yang terbaik hasil daripada perbincangan, luahan pandangan, kritikan dalam usaha menghasilkan satu model pengajaran yang terbaik yang boleh diikuti oleh semua guru ketika pengajaran dan pembelajaran. Program ini hendaklah dijalankan secara berterusan bagi setiap matapelajaran dan dijadikan amalan setiap tahun bagi semua panitia di sekolah.

Tanggungjawab mendidik adalah tanggungjawab bersama. Setiap guru mempunyai kepakaran dan kebolehan masing-masing. Guru-guru perlu berkongsi kepakaran untuk kemajuan sekolah. Antara program yang dijalankan ialah pertukaran guru bagi setiap aliran terutama ketika program teknik menjawab soalan. Setiap tahun diadakan pertukaran guru antara aliran. Guru-guru matapelajaran yang mengajar Tahun 6 akan diberi tanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar teknik menjawab soalan kepada murid Tahun 4, manakala guru-guru matapelajaran Tahun 5 diberi tanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar kepada murid Tahun 6 dan guru-guru matapelajaran Tahun 4 diberi tanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar kepada murid Tahun 5. Perkongsian antara aliran ini memberi satu tanggungjawab kepada semua guru secara saksama dan tidak bertumpu pada satu aliran sahaja bahkan semua guru perlu menguasai isi kandungan serta teknik menjawab bagi semua aliran.

Kekurangan guru cemerlang bukanlah alasan menyekat pencapaian cemerlang, tetapi penggunaan kepakaran guru secara sistematik dan berkesan serta menyeluruh boleh memberi sumbangan yang besar terhadap pencapaian sekolah. Kepakaran guru cemerlang biasanya digunakan untuk membimbing dalam kumpulan yang kecil secara berkesan dan berterusan terutama dalam menyediakan modul, bahan pengajaran dan teknik-teknik yang berkesan sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Kepakaran ini biasanya dilaksanakan ketika latihan dalam perkhidmatan, mesyuarat kurikulum dan mesyuarat panitia.

"Berat sama dijunjung, ringan sama dijinjing" itulah konsep guru ketika berkongsi bahan pengajaran. Kita sering mendengar guru merungut bebanan ketika menyediakan bahan pengajaran. Perkara ini timbul jika bahan yang disediakan secara bersendirian dan tidak mahu berkongsi dengan orang lain. Sekiranya setiap guru berfikiran terbuka, bahan pengajaran yang dibina akan dikongsi bersama atau bertukar-tukar bahan menjadi satu tradisi yang diamalkan di sekolah.

Menjalankan Kajian Tindakan

Mengkaji sesuatu isu atau masalah yang berkaitan dan mencari jalan penyelesaian adalah kaedah kajian tindakan yang dijalankan di sekolah. Terdapat beberapa kajian tindakan yang dijalankan di sekolah memberi impak yang besar terhadap kemajuan murid. Salah satu contoh kajian tindakan yang dijalankan ialah mengapa murid kelas terakhir yang kita kategorikan sebagai lemah, gagal dalam setiap kali ujian. Dalam kajian tindakan yang dijalankan guru mendapati suasana pembelajaran yang membeban dan membosankan murid menyebabkan mereka tidak berminat untuk belajar. Setelah kajian dijalankan satu program yang dinamakan program “I See You” dijalankan terhadap murid kategori lemah ini. Suasana pembelajaran mereka diubah. Di dalam kelas guru-guru mengubah suasana pembelajaran. Murid diberi kebebasan seperti mereka boleh belajar di lantai secara “berniarap”, duduk di lantai, kumpulan perbincangan kecil dan memberi mereka peluang untuk lebih berinteraksi antara rakan dan guru dalam membina keyakinan diri. Pelajar ini sering dibawa keluar belajar di seluruh kawasan sekolah mengikut tema isi kandungan dengan panduan guru untuk memberi keseronokan dan berminat terhadap isi pelajaran.

Program berasaskan kajian tindakan yang memberi kesan yang baik terhadap disiplin sekolah ialah program gerabak keretapi. Konsep keretapi yang bergerak secara sebaris dan berterusan diguna pakai. Ianya bertujuan untuk mengawal pergerakan murid ketika bergerak. Kanak-kanak sangat aktif, suka berlari dan melompat. Arahan berbaris dalam barisan semasa mereka hendak mula bergerak dan mestilah berpegangan tangan sebelum dan semasa mereka berjalan secara berpasangan sehingga ke tempat tujuan. Murid akan bergerak secara teratur dan kemas. Murid tidak akan memotong barisan. Murid juga tidak akan berlari untuk cepat sampai kerana mereka berpegangan tangan secara berpasang.

Program Kolaboratif dengan Pihak Luar

Pemantapan profesionalisme guru bukan terhad di dalam kawasan sekolah sahaja, tetapi melibatkan perkongsian dengan pihak luar. Setiap tahun pihak sekolah akan mengadakan perkongsian pintar antara guru dengan guru sekolah lain dan antara murid dengan murid sekolah lain. Program ini berjalan secara berterusan. Melalui program kelas tambahan semasa cuti sekolah, pertukaran guru untuk mengajar dijalankan. Contohnya guru Sekolah Kebangsaan Ibrahim diminta untuk mengajar murid di Sekolah Kebangsaan Convent dan sebaliknya. Semasa program ini dijalankan sebahagian daripada murid juga terlibat dengan pertukaran ini. Semasa program dijalankan perkongsian atau pertukaran bahan pengajaran juga diadakan, terutama penukaran modul latihan. Program ini memberi impak yang besar terhadap guru dan murid terutama dalam meningkatkan tahap profesionalisme guru.

Penandaarasan ialah satu proses mencari amalan terbaik yang diamalkan oleh organisasi lain. Pemantapan profesionalisme guru digarap melalui lawatan penandaarasan ke sekolah yang lebih cemerlang dalam mengambil peluang dari kekuatan orang lain untuk diamalkan di sekolah sendiri. Sekolah-sekolah yang berprestasi baik perlu dicontohi dan menjadi amalan sekolah untuk dipraktikkan. Sehubungan itu setiap tahun

dijalankan program penandaarasan guru dan staf ke beberapa buah sekolah yang terpilih untuk mencari rahsia kejayaan.

Menuntut ilmu adalah salah satu faktor kearah pembangunan profesionalisme guru. Peningkatan ilmu dalam pelbagai bidang sering menjadi dorongan kepada guru untuk menambah ilmu. Sebahagian besar guru meliputi 95peratus adalah guru siswazah dan dan segelintir guru mempunyai pengajian peringkat sarjana dalam pelbagai bidang. Pihak pengurusan sering menggalakkan semua guru dan staf meningkatkan tahap ilmu tanpa mengira usia. Dorongan dan motivasi diri sering ditonjolkan semasa mesyuarat dan perbincangan dalam usaha memujuk guru dan staf memajukan diri sendiri.

GAYA KEPIMPINAN TERSENDIRI

Gaya kepimpinan seseorang pemimpin sekolah juga akan mempengaruhi pembangunan profesionalisma guru terutamanya dari segi mempamerkan amalan-amalan baik kepada pengikutnya. Menurut A. Ramaiah (1993) Pengetua dan Guru Besar perlu bertingkah laku bukan sahaja sebagai seorang pentadbir atau pengurus sekolah, tetapi juga sebagai seorang pemimpin profesional kepada guru-guru dan juga pelajar-pelajar di sekolahnya. Hasilnya, tidak ada sekolah yang akan menjadi maju dan cemerlang sekiranya kepimpinan pengetuanya adalah lemah (Gary, 1990). Sebaliknya sekolah yang lemah boleh bertukar menjadi sekolah yang berkesan dan berjaya dengan adanya kepimpinan Pengetua yang berkualiti (Hellinger dan Hack, 1998). Manakala Gray (1990) menyatakan bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa sekolah berkesan diterajui oleh kepimpinan yang lemah. Malah pendapat Wan Mohd Zahid (1993), Abdul Shukur (1994) dan Hassan (2000) menyatakan bahawa sekolah yang kurang berjaya boleh bertukar menjadi berjaya sekiranya mempunyai kepimpinan yang berkualiti. Hasilnya dapat dilihat melalui kejayaan Sekolah Kebangsaan Ibrahim merangkul status Sekolah Berprestasi Tinggi dan Anugerah Tawaran Baru tanpa memperolehi apa-apa kejayaan peringkat kebangsaan sebelum ini seperti Sekolah Kluster, Sekolah Harapan Negara dan Anugerah Sekolah Cemerlang.

Kepimpinan Penyertaan

Di Sekolah Kebangsaan Ibrahim gaya kepimpinan Guru Besar adalah menjurus kepada gaya kepimpinan penyertaan dalam membimbing dan membangunkan guru-guru dalam profesionalisme mereka terutamanya dalam bidang instruksional atau pengajaran dan pembelajaran. Gaya kepimpinan ini paling disenangi dan memberikan kepuasan kerja yang tinggi di kalangan guru-guru. Guru Besar yang mengamalkan gaya kepimpinan ini akan sentiasa melibatkan diri dalam segala aktiviti termasuk perancangan, menyusun, mengawal, menyelaras aktiviti di bawah sumber kawalannya. Guru Besar akan terlibat secara langsung dalam proses perancangan dan penilaian program. Segala perancangan mestilah dibuat mengikut masa yang ditetapkan sama ada perancangan jangka pendek atau perancangan jangka panjang. Kunci dalam memilih tempoh perancangan yang sesuai terkandung dalam prinsip komitmen, perancangan yang logik dan melibatkan satu tempoh masa.

Di antara ciri kepimpinan penyertaan ialah sikap mesra dan merendah diri yang ditunjukkan oleh Guru Besar membuatkan guru-guru tidak merasa diri mereka dipandang rendah oleh pihak pengurusan. Inilah yang menjadikan gaya kepimpinan ini disenangi oleh para guru. Guru Besar perlu memainkan peranannya sebagai pemimpin dengan berusaha melibatkan diri dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh pihak guru, staf, pelajar dan komuniti. Hal ini akan menyebabkan warga sekolah dan pihak waris akan merasa “segan dan malu alah” dengan sikap dan peranan Guru Besar yang sentiasa memberi perhatian kepada mereka dan sanggup bersama mereka menjalankan aktiviti walaupun mereka tahu betapa sibuknya Guru Besar dalam urusan mentadbir sekolah.

Gaya kepimpinan penyertaan ini juga akan lebih memberi kesan yang mendalam sekiranya sesuatu aktiviti itu dimulai oleh Guru Besar itu sendiri dengan menunjukkan contoh teladan yang baik untuk diikuti oleh warga sekolah. Sikap mesra serta tidak lokek ilmu dan “turun padang” yang diamalkan serta mudah menerima idea dari guru dan staf memberikan satu motivasi ke arah kerja yang lebih cemerlang. Antara contoh Kepimpinan Penyertaan di sekolah ialah Guru Besar memulakan aktiviti Program Pagi Tahun 6 bermula jam 7.00 pagi pada tahun keduanya (2007) di sekolah secara bersendirian tanpa melibatkan guru-guru.

Memimpin dengan Menjadi Pelapor Sesuatu Program di Sekolah

Akhirnya guru-guru dengan sukarela menjalankan program ini di tahun seterusnya tanpa arahan daripada Guru Besar. Walau bagaimanapun pihak Guru Besar masih bersama-sama guru menjalankan aktiviti ini hingga sekarang dengan melibatkan diri sepenuhnya selama dua bulan iaitu bulan Januari dan Februari setiap tahun. Keadaan ini wujud ekoran penyelesaian kerja guru dan sekaligus melahirkan kepuasan kerja mereka apabila kepimpinan sekolah yang bersama-sama dan tidak memberi paksaan kepada mereka untuk melakukan kerja tambahan yang memberi faedah kepada murid dan sekolah.

Kehebatan Sekolah Kebangsaan Ibrahim bukan hanya terletak dalam bidang kurikulum dan akademik sahaja, tetapi merangkumi kehebatan dalam bidang sahsiah dan kokurikulum diperingkat kebangsaan malahan hingga ke peringkat antarabangsa. Pemimpin sekolah percaya pembangunan profesionalisme guru dalam bidang bukan akademik secara tidak langsung akan membantu guru dan pelajar mencapai kejayaan dalam bidam kurikulum nanti. Sebagai Guru Besar peranan memantau status pelaksanaan perancangan sekolah sering kali diberi perhatian. Guru Besar sering bertanya guru yang terlibat secara tidak langsung terhadap aktiviti dan program yang telah dijalankan dari masa ke semasa, menyediakan laporan status kejayaan perancangan strategik sekolah mengikut bidang dan perlu dimaklumkan dalam mesyuarat kurikulum, HEM dan kokurikulum; Segala laporan suku pertama, pertengahan dan akhir tahun hendaklah dibuat dan disemak sendiri oleh Guru Besar.

Kepimpinan Mempunyai Matlamat Yang Jelas dan Dikongsi Bersama

Dengan ini Guru Besar berjaya membentuk budaya kerja yang cemerlang dalam kalangan guru dan staf dengan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan kerja berpasukan. Ini

berkait rapat dengan gaya kepimpinan Guru Besar yang mempunyai matlamat yang jelas dan dikongsi bersama oleh semua guru. Malahan kejayaan sekolah adalah hasil daripada kerja keras dan usaha yang dilakukan oleh semua pihak terutama para guru yang menjadi tenaga penggerak ke atas kejayaan sekolah ini terutamanya dalam pencapaian kurikulum sekolah yang berasaskan kepada prestasi guru dalam bilik darjah.

Semangat kerja guru yang tinggi dan kecenderungan guru untuk bekerja secara berpasukan sentiasa wujud. Malahan mereka sedar dan tahu apa yang sepatutnya mereka kena lakukan tanpa arahan. Oleh itu kerja buat guru juga perlulah mempunyai strategik yang mantap. Pembentukan sahsiah murid ke arah sahsiah cemerlang begitu ketara walaupun murid terdiri daripada berbilang kaum. Murid selesa bergaul antara kaum bagi mewujudkan perpaduan yang jitu sejak di bangku sekolah lagi dengan penggunaan satu bahasa, satu bangsa Malaysia. Pengawalan disiplin yang cemerlang akan memberi kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam menghasilkan kecemerlangan sekolah.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Pembangunan profesionalisme guru adalah satu usaha yang berterusan. Usaha ini kebiasannya mempunyai beberapa halangan dan rintangan. Masa adalah faktor penghalang utama. Tugas guru yang banyak digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran menyebabkan guru terdesak dalam pembahagian masa untuk pembagunan diri.

Oleh itu tanpa kesediaan guru untuk menerima perubahan akan menyebabkan kegagalan dalam bidang profesionalisme. Guru akan berhadapan dengan pelbagai bentuk perubahan sama ada di dalam atau di luar profesionnya. Dalam hal ini guru-guru harus bersedia menerima perubahan ini untuk kebaikan diri dan profesion keguruan. Pihak kementerian dan pihak sekolah perlu merancang satu program yang bersesuaian dengan masa, bebanan dan faktor kekeluarga dalam menjamin kelangsungan pembagunan profesionalisme guru. Oleh itu corak latihan dan program yang dirancang hendaklah bersesuaian dalam menuju kearah membangunkan profesionalisme guru.

KESIMPULAN

Kemahiran kepimpinan adalah teras kepada kejayaan sekolah. Kecekapan kepimpinan merancang dan mengurus pembangunan profesionalisme di sekolah amatlah penting semasa membuat perancangan matlamat untuk sesebuah sekolah yang berkesan, serta menitikberatkan pengawalan dan penilaian terhadap perancangan tersebut. Perancangan yang teliti terhadap pembangunan profesionalisme di Sekolah Kebangsaan Ibrahim sentiasa di beri fokus untuk menghasilkan dan melonjakkan pencapaian sekolah dalam semua bidang ke arah pencapaian visi, misi dan matlamat sekolah khasnya matlamat untuk mencapai Sekolah Berprestasi Tinggi.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2000). *Wawasan dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Shukur Abdullah. (1994). Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah. *Prosiding Seminar Nasional ke-4 Pengurusan Pendidikan*. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki.
- Abdul Shukor Abdullah. (1998). *Fokus Pengurusan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Samad Sulaiman. (2006). *Persepsi Guru Tentang Kriteria dan Amalan Perancangan Strategik di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Semporna*. Tesis Sarjana. Universiti Malaysia Sabah.
- Bass, B. M. (1995). *Leadership and Performance beyond Expectation*. New York : Free Press.
- Burns, J. M. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Caldwell, B. J. & Spinks, J. M. (1988). *The Self Managing School*. London: Falmer Press.
- Cheng, Y. C. (1993). Profiles of Organizational Culture and Effective Schools. *School Effectiveness and School Improvement*. 4 (2), 85-110.
- Cheng, Y. C. (1994). Teacher Leadership Style: A Classroom Level Study. *Journal of Educational Administration*. 32 (3), 54-71.
- Griffith, W. (2003). Relation of Principal Transformational to School Staff Job Satisfaction, Staff Turnover and School Performance. *Journal of Education*, 42(3), 333-356.
- Harris, D. J. & Davies, B. L. I. (1981). Corporate Planning as a Control System in U.K. Nationalised Industries. *Long Range Planning*. 14(1), 15-22.
- Hussien Mahmood. (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Baru. (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kamaruddin Mansor. (1997). *Kepimpinan Pendidikan dan Orientasi Sumber Manusia*: Kajian kes di MRSM. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramaiah, A. (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Thompson, J. D. (1990). *Organization in Action*. New York: McGraw-Hill Book Co.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin. (1993). *Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Yulk, G. (2010). *Leadership in Organizations*, 7th Ed. New Jersey, NJ: Pearson Education.
- Zainal Abidin Mohamed. (1999). *Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan*. Selangor Darul Ehsan, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

KEBERKESANAN KAJIAN TINDAKAN MELALUI LDP: PENGALAMAN SMK BANDAR SUNGAI PETANI

Hafsah binti L.Hussin
Pengetua
SMK Bandar Sungai Petani, Sungai Petani, Kedah

ABSTRAK

Pengajian Tingkatan Enam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar bermula semenjak tahun 2001. Walau bagaimanapun pencapaian peratus lulus STPM pada tahun 2012 ialah 90% agak kurang memberangsangkan khususnya bagi subjek ekonomi hanya 49.6% sedangkan subjek ini amat penting kepada pelajar kerana mempunyai nilai kebolehpasaran kerja yang luas dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti. Sebagai pemimpin Instruksional pengetua telah mengambil inisiatif melalui Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) bagi mengenal pasti strategi-strategi untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru. Hasilnya pihak pengurusan dan guru-guru Tingkatan Enam telah bersetuju untuk meningkatkan profesionalisme dengan meminta setiap guru subjek membuat inovasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran melalui Kajian Tindakan. Jadi tujuan kertas kerja ini adalah untuk berkongsi pengalaman panitia ekonomi melaksanakan penambahbaikan dalam pengajaran subjek ekonomi melalui kajian tindakan. Hasilnya pada tahun 2013 menunjukkan peningkatan yang cemerlang dan meningkatkan peratus lulus keputusan STPM (Ekonomi) iaitu sebanyak 68.3%, manakala keputusan STPM 2013 meningkat ke 95.33%. Kesimpulannya usaha-usaha meningkatkan pembangunan profesionalisme guru menjadi faktor utama dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran guru di dalam bilik darjah dan seterusnya mempengaruhi prestasi pencapaian setiap pelajar

Kata kunci: Pembangunan Profesionalisme Guru, Kajian Tindakan, Pencapaian Murid

PENGENALAN

Sebagai usaha meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam peperiksaan awam, maka faktor utama yang perlu diberi perhatian ialah fokus terhadap pembelajaran murid dan pengajaran guru di dalam bilik darjah. Guru dan pemimpin sekolah ialah penggerak yang paling penting di peringkat sekolah untuk keberhasilan murid. Kajian ulung yang dijalankan di Tennessee, Amerika Syarikat pada pertengahan 1990-an menunjukkan bahawa secara relatif, guru berprestasi tinggi dapat meningkatkan pencapaian murid sehingga 50 poin persentil dalam tempoh 3 tahun berbanding guru berprestasi rendah.

Sejak memulakan tugas sebagai pengetua di SMK Bandar Sungai Petani pada bulan November 2006, pengetua telah memberi keutamaan kepada pengajaran guru

di dalam bilik darjah. Tajuk ceramah pertama pengetua kepada guru dalam program pembangunan professional guru ialah Penghayatan Hijrah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah. Tajuk ceramah ini bertujuan meningkatkan motivasi dan kesedaran kepada guru-guru untuk melakukan transformasi ke arah pengajaran yang berkesan di samping mengamalkan sikap dedikasi, amanah, sedia menerima perubahan dan membuat penambahbaikan serta bertindak merancang bagi menghasilkan pengajaran yang menyeronokkan.

Sebagai pemimpin instruksional, pengetua telah berusaha mengamalkan tindakan berikut bagi mencapai visi dan misi sekolah. Antara tindakan yang dibuat ialah:

1. Memfokuskan tahap pembelajaran murid yang tinggi.
2. Menyediakan sumber berupa masa dan bahan
3. Menggunakan data pencapaian murid bagi pemantapan program.
4. Mengiktiraf pencapaian guru dan murid
5. Memantau dan memberi maklum balas tentang pengajaran guru.
6. Menghormati kewibawaan guru.
7. Melindungi masa pembelajaran
8. Menyokong usaha tambahan guru
9. Menyediakan peluang dan aktiviti pembangunan professional guru..
10. Memudahkan perbincangan tentang isu-isu instruksional
11. Menjadi contoh teladan
12. Memantau kemajuan murid dan melaporkan dapatan
13. Mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan

Kesemua amalan di atas mempunyai pertalian yang rapat bagi membangunkan proses pengajaran yang berkualiti dan berkesan. Oleh sebab guru merupakan sumber dan faktor utama bagi dalam pengajaran, maka usaha-usaha meningkat pembangunan professional guru menjadi satu pilihan utama bagi menyelesaikan masalah pembelajaran di dalam bilik darjah. Pengetua sebagai pemimpin instruksional bertanggungjawab melaksanakan program Pembangunan Profesionalisme di sekolah yang dipimpinnya. Terdapat tiga model utama kerangka kepimpinan instruksional iaitu Model Hallinger dan Murphy (1985), Model Murphy (1990) dan Model Weber (1996). Ketiga-tiga Model Kepimpinan Instruksional menekankan aspek mempromosi pembangunan professional. Selain itu, kajian-kajian lain turut menunjukkan terdapat hubungan langsung antara program pembangunan professional dengan peningkatan dalam pembelajaran murid (Guskey, 2000). Ada juga yang mengatakan, syarat terpenting untuk sekolah berfungsi dengan berkesan adalah dengan mengadakan program-program pembangunan profesion untuk guru (Dreen, 1999).

Program Pembangunan Profesional Guru di SMK Bandar Sungai Petani dijalankan berasaskan Sekolah. Antara tajuk latihan dalam perkhidmatan yang dijalankan di SMK Bandar ialah Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kajian Tindakan yang telah dijalankan pada tahun 2012. Pemilihan tajuk berkaitan Kajian Tindakan diharap dapat membantu guru dalam menjalankan penyelidikan. Penyelidikan akan menggerakkan guru melakukan pengubahsuaian secara terancang dan sistematik mengikut keperluan di dalam pengajaran dan pembelajaran mereka. Objektif pelaksanaan

Latihan Pembangunan Profesionalisme Guru melalui LDP diharap akan menghasilkan beberapa kebaikan kepada pelajar dan guru. Antaranya:

- 1- Meningkatkan keberkesanan pengajaran guru.
- 2- Meningkatkan prestasi pencapaian murid
- 3- Mengatasi masalah pembelajaran dalam menguasai kemahiran dalam sesuatu subjek.
- 4- Dapat merancang huraian mata pelajaran dengan lebih berkesan.
- 5- Membantu murid mencapai tahap cemerlang dalam satu-satu mata pelajaran.

Selain bertujuan untuk menangani masalah pembelajaran khususnya yang berkaitan dengan pencapaian rendah dalam kalangan murid. LDP juga boleh dijadikan strategi untuk memperbaiki lagi pencapaian murid yang berada pada tahap baik kepada cemerlang. Maka hasil dari kursus yang diperolehi, diharap guru dapat menggunakan kajian tindakan dalam memperbaiki pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Pengetua sebagai pemimpin instruksional telah melaksanakan pencerapan, pemantauan laporan prestasi pelajar, serta menyelia pembelajaran pelajar. Dapatan yang diperolehi telah memberi peluang kepada pengetua untuk memfokuskan kajian tindakan kepada semua guru Tingkatan Enam dalam usaha meningkatkan prestasi peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia.

LATAR BELAKANG

SMK Bandar Sungai Petani mula beroperasi pada tahun 1984 dan dikenali dengan nama SMK Khir Johari 2. Jumlah pelajar ialah 337 orang dan 16 orang guru. Pada 8 September 1993 nama SMK Khir Johari 2 telah bertukar nama menjadi SMK Bandar Sungai Petani dan telah berpindah ke Jalan Pahlawan bersebelahan dengan SK Tasek Apong, Sungai Petani berdekatan dengan Hotel Swiss Inn pada tahun 2002. Sekolah ini terletak berhampiran dengan Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Muda/Yan dan Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa. Kedudukannya juga berhampiran dengan kawasan perniagaan dan pusat membeli belah serta taman perumahan.

SMK Bandar Sungai Petani menerima murid-murid dari sekolah rendah berdekatan seperti SK Tasek Apong, SK Taman Ria, SK Sungai Petani, SRJK Tamil Mahajothy dan SRJK (C) Sing Kwang. Pada tahun 2012 komposisi pelajar terdiri daripada pelajar melayu (60%), pelajar India (20%), pelajar Cina (19%) dan kaum lain (1%). Terdapat seramai 150 orang guru dan 13 staf sokongan. Kesemua penolong kanan berada pada gred DG 48 hakiki dan empat orang guru kanan berada pada gred DG 48 (KUP), terdapat 30% guru berada di gred DG 48, 50% di gred DG 44 dan 20% di gred DG 41. Satu dari keistimewaan SMK Bandar Sungai Petani ialah mempunyai 6 kelas untuk pelajar Tingkatan Enam dan 15 orang guru Tingkatan Enam. Dari segi pengurusan dibantu oleh seorang penolong kanan yang berada di gred DG 44, 3 orang guru berada di gred DG 48 dan 10 orang di gred DG 44 dan seorang di gred DG 52 (KUP). Kebanyakan pelajar Tingkatan Enam adalah dari SMK Taman Ria Sungai Petani, SMK Aman Jaya, SMK Khir Johari, SMK Bukit Selambau dan SMK Bandar Sungai

Petani. Antara mata pelajaran yang diajar di Tingkatan Enam ialah Pengajian Am, Sastera, Sejarah, Bahasa Melayu, Ekonomi, Akaun dan MUET.

Dari segi prasarana sekolah, terdapat 38 bilik darjah yang dikongsi antara pelajar pagi dan petang. Pelajar Tingkatan satu dan dua berada di sesi petang, manakala tingkatan tiga, empat, lima dan enam berada di sesi pagi. Sejak kehadiran saya ke sekolah ini mulai November 2006 sehingga April 2014, terdapat pelbagai kemudahan telah diadakan dan dinaik taraf.

Pusat sumber Tingkatan Enam Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sungai Petani merupakan tempat pengumpulan pelbagai ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan pendidikan Pra-Universiti dimana setiap pelajar atau kumpulan pelajar dan para pendidik boleh mencari dan memperkayakan ilmu pengetahuan, pengajian dan pengalaman mereka. Oleh itu, adalah amat penting bagi pihak pentadbir untuk sentiasa melakukan penghijrahan dalam erti kata lain ialah penambahbaikan Pusat sumber Tingkatan enam dalam memangkin anjakan paradigma pelajar tingkatan Enam ke arah suasana pembelajaran seumpama di Institut Pengajian Tinggi Awam mahupun Swasta selaras dengan aspirasi penubuhannya.

SMK Bandar Sungai Petani dihiasi dengan kata-kata motivasi yang berkait rapat dengan visi dan misi sekolah seperti 'Nobody Fails', 'Nobody Left Behind', 'Together We Strive For Excellence', 'Fokus Pencapaian Individu', 'Pengajaran Yang Berkualiti', 'Tumpuan Dalam Kelas', 'Kesanggupan Untuk Belajar', 'Kesanggupan Menerima Perubahan', 'Kesanggupan Untuk Diajar', 'Serlah Potensi Diri' dan diikuti dengan rangkaian doa – doa rajin, doa untuk terang hati, doa hilang stress serta kata-kata motivasi untuk membangun potensi diri, budaya merebut peluang. Selain dari terdapat mural-mural dan papan-papan berkatan nilai-nilai murni. Terdapat laluan PIBG yang menyatakan pesanan ibu, bapa, guru, rakan, menteri pelajaran yang diberi tajuk 'Berpesan-pesanlah'. 'Profesion Keguruan Jutawan Akhirat' di paparkan di dinding bangunan hadapan sekolah dengan tujuan memotivasi guru dalam menunaikan tanggungjawab.

Dari segi pencapaian akademik PMR dan SPM menunjuk peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2013, keputusan STPM berada pada tahap paling terbaik dan berjaya menerima penghargaan dari Jabatan Pelajaran Negeri Kedah.

PENGENALAN INOVASI

Sepanjang menjadi pengetua di SMK Bandar Sungai Petani, program pembangunan profesionalisme guru menjadi keutamaan dan fokus saya. Justeru pelbagai latihan yang telah diberi kepada guru-guru melalui Latihan Dalam Perkhidmatan dengan harapan mereka dapat memperbaiki dan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Antara latihan yang telah dilaksanakan ialah Kursus Pemahaman Masalah Sosial Remaja Masa kini, Bengkel Pembelajaran Masteri dan KBKK, Inovatif Strategi To Promote Reading In The Classroom, Kursus Kajian Tindakan kali pertama dilaksanakan pada tahun 2009 tetapi dimantap pula pada tahun 2012. Kursus Pengurusan Fail dan Integriti dalam Perkhidmatan Pendidikan. Kursus Jadual

Spesifikasi Item, Kursus Protokol dan Etiket Sosial, Kursus Edu Web TV dan Photoshop, Kursus Virtual Learning Environment (VLE) and FROG/APDM, Bengkel Program Inovasi Panitia Geografi ‘ Program Tangkas Peta dan Tangkas Rajah’. Di sini saya ingin berkongsi pengalaman dalam satu kajian tindakan yang dilaksanakan untuk meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar tingkatan enam khususnya. Kajian Tindakan tersebut dilakukan ke atas Program Pembangunan Profesional Guru dan berjaya membantu mengenal pasti dua komponen utama yang menjadi pilihan dan kehendak guru-guru untuk dipertingkatkan dan ditambahbaik. Dua komponen tersebut ialah kemahiran pengajaran dan kemahiran pembelajaran murid. Kaedah Kajian Tindakan menjadi pilihan dalam LDP guru di SMK Bandar Sungai Petani pada tahun 2012 adalah bertitik tolak daripada peranan pengetua sebagai pemimpinan instruksional ketika menjalankan tugas dan membuat keputusan dengan mengambil kira perkara-perkara berikut;

1. Hasil pemantauan pengetua terhadap proses pengajaran guru di dalam bilik darjah dan proses pembelajaran murid, didapati sejumlah besar guru mengajar kurang memberi perhatian kepada gaya pembelajaran murid. Oleh yang demikian, penting bagi seseorang guru menyedari dan seterusnya mengenal pasti kecenderungan murid-muridnya supaya mereka mampu menggunakan pelbagai strategi mengajar bagi memenuhi keperluan gaya pembelajaran murid seterusnya dapat meningkatkan prestasi akademik. Maka sewajarnya guru menjalankan kajian tindakan terhadap pengajarannya di dalam bilik darjah, supaya dapat membuat penambahbaikan dalam pengajaran dengan mengambilkira gaya pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Guru mesti mengenal pasti model pengajarannya adakah berasaskan orientasi behavioris atau yang lain. Terdapat empat model bagi orientasi ini, iaitu model kuliah, model latih tubi, model pembelajaran masteri dan model simulasi. Guru juga boleh menggunakan model pengajaran berasaskan orientasi memproses maklumat seperti model penyusunan maklumat awal, model penghafalan, model synectics, model latihan inkuiri dan model pemerolehan konsep. Selain dari orientasi yang dinyatakan maka guru juga boleh menggunakan model pengajaran berasaskan orientasi interaksi sosial. Antara model yang boleh digunakan ialah model inkuiri jurisprudential, model main peranan dan model koperatif. Terdapat juga pengajaran berasaskan orientasi sumber sendiri. Antara model pengajaran ini ialah model pengajaran tanpa arah dan model pembelajaran akses sendiri. Apabila guru melaksanakan kajian tindakan maka guru akan membuat rujukan, soal selidik dan bertindak merancang strategi pengajaran yang lebih berkesan. Untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar, maka guru mestilah membuat kajian tindakan terhadap proses pengajarannya dan gaya pembelajaran berasaskan model yang dinyatakan.
2. Laporan daripada survey yang telah dilakukan ke atas guru-guru melalui ‘Instrument Pengenalpastian Keutamaan, didapati seramai 10 daripada 13 orang guru Tingkatan Enam telah berada di tahap skala rendah bagi komponen kemahiran pengajaran dan komponen kemahiran pembelajaran murid. Sepatutnya sebagai guru mestilah menguasai keenam-enam komponen kemahiran iaitu kemahiran pengajaran, kemahiran pembelajaran murid, kemahiran pembelajaran sosial murid, bidang pengurusan, kemahiran komunikasi dan hubungan serta kemahiran penilaian dan

pentaksiran. Maka kedua-dua komponen ini diberi keutamaan dengan tajuk yang sesuai untuk fahami dan diamalkan oleh guru dalam pengajaran di bilik darjah.

3. Sebagai Pengetua instruksional saya sentiasa melakukan pemantauan ke atas data-data keputusan peperiksaan dalaman dan ujian-ujian bulanan terutama bagi pelajar Tingkatan Enam, didapati prestasi mata pelajaran ekonomi menunjukkan peratus gagal lebih tinggi berbanding dengan subjek lain di Tingkatan Enam. Melalui perbincangan formal antara pengetua dengan guru mata pelajaran ekonomi, didapati pelajar sukar memahami tajuk penting dalam subjek tersebut dan kajian harus dilaku bagi membantu pelajar mudah memahami tajuk tersebut seterusnya dapat meningkatkan prestasi pencapaian dalam peperiksaan.
4. Kemudahan fizikal yang telah dilaksanakan oleh saya, seperti menubuhkan pusat sumber tingkatan 6 pada tahun 2010 telah memberi galakan dan kemudahan pada guru untuk melaksanakan kajian tindakan. Kemudahan-kemudahan asas disediakan termasuk peruntukan kewangan bagi pembelian buku-buku rujukan pelajar dan guru Tingkatan Enam. Saya juga berusaha menyediakan kemudahan ICT yang lengkap dan pemasangan internet di pusat sumber Tingkatan Enam untuk memberi kemudahan kepada guru dan pelajar untuk mendapat maklumat.
5. Saya juga telah menetapkan masa pembelajaran pelajar Tingkatan Enam telah dipanjangkan sehingga ke petang, Semua pelajar tingkatan enam akan pulang jam 4.00 petang. Jadual kelas tambahan telah ditetapkan ini memudahkan guru membuat kajian dalam sesi pembelajaran pada waktu di luar darjah.

Berdasarkan perkara yang dinyatakan di atas maka diharapkan kajian tindakan dapat membantu guru dalam meningkatkan prestasi pencapaian pelajar. Kajian tindakan dipilih sebagai tajuk kursus. adalah amat bertepatan sekali kerana pendedahan teknik menjalankan kajian tindakan telah memberi peluang untuk guru bertindak memperbaiki pengajaran mereka.

AMALAN TERBAIK YANG DILAKSANAKAN (KAJIAN TINDAKAN)

Dari segi definisi, kajian ialah kegiatan atau usaha dan proses mengkaji sesuatu isu berdasarkan data, maklumat dan sebagainya dengan terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu manakala tindakan pula ialah usaha-usaha yang dijalankan bagi menyelesaikan isu tersebut. Sesuatu kajian atau penyelidikan mempunyai ciri-ciri berikut:


1. Kegiatan mencari maklumat atau data dengan menggunakan kaedah tertentu seperti membuat rujukan, temu ramah, soalselidik dan sebagainya yang sesuai dengan topik.
2. Membuat analisis menggunakan maklumat atau data yang diperolehi dengan kaedah yang sesuai.
3. Membuat kesimpulan dan cadangan
4. Kajian yang dihasilkan ialah usaha sendiri, atau asli iaitu tidak meniru atau menyalin hasil orang lain sebelumnya. dan membuat kesimpulan baharu termasuklah dalam hasil usaha sendiri.

Merujuk perkara di atas, kajian tindakan yang dijalankan oleh guru-guru Tingkatan Enam berjaya menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan meningkatkan peratus pencapaian sekolah.

Satu Kajian Tindakan rintis telah dilakukan ke atas mata pelajaran ekonomi bertujuan untuk memperbaiki amalan pengajaran guru dan minat serta penguasaan pelajar dalam topik teknik menghitung, pelbagai jenis kos pengeluaran jangka pendek melalui jadual, dan gambar rajah. Tinjauan awal menunjukkan terdapat ramai pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar tidak dapat menguasai konsep, teori, gambar rajah dan menghitung kos-kos pengeluaran firma jangka masa pendek. Masalah ini boleh menjejaskan serta mempengaruhi pencapaian pelajar dalam peperiksaan STPM iaitu mata pelajaran Mikroekonomi. Hal demikian kerana teori kos juga berkaitan dengan topik Struktur Pasaran iaitu topik terpenting dalam kertas Mikroekonomi. Kajian ini dijalankan ke atas 9 orang pelajar Tingkatan Enam Atas 1 dan 28 orang pelajar 6 Atas 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Sungai Petani, Kedah. Penyelidik telah menggunakan kaedah pembelajaran secara *masteri serta* kaedah pembelajaran *koperatif model STAD*. Usaha penambahbaikan dibuat berasaskan maklum balas daripada pelajar semasa PdP dan juga melalui semakan latihan di dalam buku latihan serta perubahan sikap terhadap subjek ekonomi (ujian pra dan pasca). Hasil kajian ini menunjukkan pemahaman, penguasaan, minat dan pencapaian dalam ujian pasca telah meningkat berbanding dengan pencapaian mereka sebelum kajian dijalankan.

Jadual 1: *Peratus Lulus Mata Pelajaran Ekonomi STPM 2007 hingga 2013*

TAHUN	BILANGAN CALON	PERATUS LULUS
2007	87	44.6
2008	68	35.3
2009	52	57.3
2010	66	31.11
2011	48	60.87
2012	53	49.06
2013	71	68.3



Rajah 1: Peratus Lulus Mata Pelajaran Ekonomi STPM 2007 Hingga 2013

Pelaksanaan Kajian Tindakan telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan telah berjaya mencapai peningkatan dalam mata pelajaran ekonomi.

IMPAK LDP MELALUI KAJIAN TINDAKAN

Kajian Tindakan yang didedahkan kepada guru-guru tingkatan enam SMK bandar melalui Latihan Dalam Perkhidmatan telah memberi impak yang besar kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Keberkesanan ini dapat dilihat dengan tercapainya KPI sekolah iaitu peningkatan peratus pencapaian keputusan peperiksaan awam STPM. Malah pendedahan ini juga turut dikongsi bersama oleh pelajar-pelajar tingkatan enam khususnya di mana mereka juga melaksanakan Kajian Tindakan dalam meningkatkan kefahaman mereka terhadap mata pelajaran yang diajar.

Matlamat Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Kajian Tindakan yang hendak dicapai ialah untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dengan merujuk kepada gred purata yang ingin dicapai dalam STPM 2012. Antara matlamatnya ialah:

- 1. Meningkatkan kemahiran instruksional para guru Tingkatan Enam
- 2. Meningkatkan keterampilan dan kepakaran guru dalam bidang masing-masing.
- 3. Meningkatkan pemahaman dan keterampilan guru dalam pengurusan bilik darjah.
- 4. Meningkatkan keterampilan guru dalam penggunaan alatan dan perisian teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran.
- 5. Memenuhi keperluan murid sama ada secara individu mahu pun berkumpulan
- 6. Sentiasa peka pada idea pendidikan semasa bagi mengekalkan dan membina amalan kerja yang baik.

Jawatankuasa Program Pembangunan Profesional sekolah telah menetapkan dasar program yang mesti patuhi bagi semua program yang akan dilaksanakan. Contoh dasar yang telah dibuat seperti berikut:

- Apakah jenis program yang dijalankan - kursus, bengkel, kumpulan perbincangan, kursus dalam sekolah.
- Apakah kriteria pemilihan penceramah- seorang yang pakar, cara penyampain untuk PdP kumpulan andragogi
- Bilakah program akan dilaksanakan supaya menjejaskan waktu PdP guru-guru
- Apakah guru bersedia untuk hadir dan faham objekifnya
- Sumber kewangan untuk bayaran penceramah, cetakan bahan untuk edaran.

Selain daripada perkara di atas, aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan mesti diberi perhatian. Beberapa aktiviti yang boleh dijalankan seperti berikut:

1. Pendengaran aktif
2. Teknik kepimpinan Delphi.
3. Latihan asertif
4. Pembelajaran koperatif
5. Buzz groups
6. Kumpulan penyelesaian masalah
7. Analisis kajian kes yang kritikal.

AMALAN PENGURUSAN POLC

Di mana pengetua mengamalkan proses-proses asas pengurusan iaitu proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal (POLC – Planning, Organizing, Leading and Controlling) Ini bermakna setiap aktiviti dalam program pembangunan professional mesti melalui proses perancangan yang rapi (contohnya menentukan objektif, menentukan sasaran, memilih strategi, melaksanakan program) disusuli dengan aktiviti-aktiviti yang sesuai dalam rangka pengelolaannya (contohnya cara pelaksanaan, penetapan dan agihan tugas). Di samping itu menunjuk arah, berkomunikasi dan memotivasi kepada segala aktiviti berlangsung di samping meletakkan langkah kawalan (contohnya menilai pencapaian, mengenalpasi masalah, mengambil tindakan memperbaiki) bagi memastikan aktiviti yang dirancang tidak terkeluar dari landasan yang dikehendaki.

Kejayaan menerapkan kajian tindakan di dalam bilik darjah

Kajian tindakan yang telah dilaksanakan oleh guru-guru Tingkatan Enam telah memberikan kesan yang terbaik melalui pelaksanaan kajian tindakan terhadap proses pengajaran mereka di dalam bilik darjah . Setiap guru yakin bahawa Kajian Tindakan mampu menghasilkan output kepada guru dan pelajar. Iaitu :

- Meningkatkan keberkesanan pengajaran guru
- Meningkatkan prestasi pencapaian pelajar.

- Mengatasi masalah pembelajaran dalam menguasai kemahiran dalam sesuatu subjek
- Dapat merancang huraian mata pelajaran dengan lebih berkesan

PENUTUP

Amalan yang dijalankan merupakan salah satu usaha meningkatkan pembangunan profesionalisme guru. Peningkatan dalam profesionalisme guru akan meningkatkan kualiti pengajaran guru di dalam bilik darjah dan seterusnya mempengaruhi prestasi pencapaian murid-muridnya.

RUJUKAN

Azhar Rodzi (2009). Menulis Cadangan Penyelidikan untuk Pelajar Tingkatan Enam. Dalam www.cikguazharrodzi.blogspot.com. Dimuat turun pada 9 September 2009.

Hew Yook Fong & Md Zyadi Md Tahir (2008). *Miroekonomi*. Kuala Lumpur: Pearson Publications.

Portal Pendidikan Utusan Malaysia (2009). Dalam www.utusan.net. Dimuat turun pada 11 September 2008.

Sabariah Ali (2012). *Mikroekonomi*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Elliot, J. (1991). *Action research for educational change*. Buckingham: University Press.

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME GURU KE ARAH PENDIDIKAN BERKUALITI

Liong Shou Chuan
Pegawai SIP+
PPD Sarikei, Sarawak

ABSTRAK

Kualiti pendidikan sesebuah sekolah adalah bersamaan dengan kualiti guru-gurunya. Justeru, usaha pembangunan profesionalisme guru perlu menjadi agenda utama dalam kepimpinan instruksional yang berkesan. Pengalaman dari ketiga-tiga buah sekolah yang diterajui menunjukkan pembangunan profesionalisme guru boleh dilaksanakan melalui pelbagai dimensi. Dimensi pertama iaitu kualiti kepimpinan guru (*teacher leadership*), dibangunkan melalui penyerapan guru-guru terpilih ke dalam Pasukan Pengurusan Kanan Sekolah. Pendedahan profesionalisme untuk jangka masa panjang membentuk kematangan pemikiran guru-guru tersebut dan seterusnya mengembangkan pengaruh kepimpinan sekolah melalui pengupayaan kumpulan guru ini. Dimensi yang kedua ialah peningkatan kualiti pembelajaran dan pengajaran (PdP) melalui “Program Basket Of Guru Cemerlang”. Program ini menuntut guru-guru memenuhi kriteria-kriteria penaziran yang profesional demi kemajuan kerjaya mereka. Bimbingan dan dorongan diberikan melalui PdP berkualiti dan sepuluh folio telah diwujudkan bagi pendokumentasian yang sesuai dengan kehendak kriteria kecemerlangan. Dimensi ketiga iaitu Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dibangunkan bagi mewujudkan kejelekitan dan semangat sepasukan guru-guru dalam melaksana tugas secara profesional. Lima strategi PLC telah dilaksanakan dan telah mempamerkan keberkesannya melalui prestasi pencapaian akademik dalam peperiksaan PMR, SPM, sukan permainan, kokurikulum, kemenjadian murid dan anugerah-anugerah atau sijil-sijil pengiktirafan sekolah. Impaknya, keputusan PMR telah meningkat dari GPS 2.56 (2010) ke 2.13 (2013), manakala GPS SPM pula bertambah baik dari 3.91 ke 3.05. Prestasi pencapaian kokurikulum khususnya dalam bidang sukan pula telah menonjol sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Untuk tempoh 2008 – 2013, seramai 41 orang guru telah dinaikkan pangkat menjadi Guru Cemerlang, 32 orang menjadi Guru Akademik Tingkatan Enam, 4 orang menjadi Penolong Kanan DG48, dan 2 orang menjadi Pengetua DG52.

Kata kunci: pembangunan profesionalisme guru, PLC, Kepimpinan Instruksional

PENGENALAN

Pembangunan profesionalisme guru di sekolah merupakan agenda utama dalam usaha penambahbaikan sekolah ke arah pendidikan berkualiti. Agenda ini adalah signifikan dan relevan agar guru-guru menguasai kandungan mata pelajaran atau bidang pengkhususan dan kepakarannya; boleh menjadi pakar rujuk pengajaran dan pembelajaran, bijak mengurus masa, bahan sumber, alat pengajaran; mampu mengenal pasti keperluan dan masalah pembelajaran pelajar; bijak menyediakan program tindakan susulan; serta

berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu, guru yang mempamerkan tahap profesionalisme yang tinggi adalah guru yang beretika, berintegriti, bertanggungjawab, amanah, jujur, mesra, penyayang, penuh komitmen, rajin dan sentiasa bersedia untuk membantu. Dengan pasukan guru yang mempunyai kualiti profesionalisme dan peribadi yang disanjung ini, seseorang pemimpin sekolah dapat menggembeling segala sumber sekolah bagi menghasilkan *outcome* yang maksimum.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan realiti faktor penentu kejayaan sekolah ini adalah cabaran kepada pemimpinnya. Pemimpin sekolah sentiasa didatangi dengan masalah guru yang mempunyai salah padanan dari segi opsyen mata pelajaran. Ini menimbulkan masalah kepakaran dari segi pengetahuan isi kandungan serta pedagogi yang diamalkan walaupun guru-guru ini adalah guru-guru terlatih. Isu ini menjadi semakin rumit apabila kualiti peribadi guru-guru tersebut tidak sesuai dengan kerjaya guru, seperti bersifat introvert, dan tidak mampu menguruskan pelajar-pelajar serta bilik darjah dengan baik. Adalah menjadi tugas pemimpin sekolah untuk membimbing guru-guru berkenaan dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan logik yang situasional.

Hopkins menyatakan kepimpinan instruksional perlu berfokus kepada tiga domain utama (Hopkins, 2001, ch.7) iaitu mendefinisi nilai dan tujuan sekolah, mengurus program pengajaran dan kurikulum dan mewujudkan sekolah sebagai komuniti pembelajaran profesional. Ketiga-tiga domain ini menuntut para pemimpin sekolah untuk membangunkan profesionalisme guru-gurunya. Pembangunan profesionalisme ini berfokus kepada instruksional bagi meningkatkan *outcome* pelajar. Bagi menentukan kejayaan sekolah, pelbagai langkah perlu diadakan untuk pembangunan profesionalisme guru ini dan ianya amat bergantung kepada situasi dan keperluan organisasi masing-masing. Pengalaman selama sepuluh tahun sebagai Penolong Kanan dan lapan tahun menerajui tiga buah sekolah telah membuktikan bahawa program pembangunan kepimpinan guru (*teacher leadership*), Program Basket Of GC dan pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional boleh meningkatkan *outcome* pelajar dan meningkatkan prestasi pencapaian sekolah secara keseluruhannya.

LATAR BELAKANG

Kehebatan bekas pengetua memimpin MT Sarikei telah menjadi cabaran yang amat besar bagi saya kerana kebolehan dan kemampuan beliau melakukan kerja telah meninggalkan legasi yang menjadi buah mulut orang ramai.

Tinjauan awal menunjukkan bahawa 85% daripada jumlah 1023 orang pelajar sekolah ini adalah dari kawasan luar bandar dengan pendapatan isi rumah yang kurang daripada RM1,000 sebulan. Separuh daripada jumlah pelajar menggunakan pengangkutan awam yang boleh dikira perkhidmatannya tidak tentu selepas pukul 3:30 petang. Analisis data telah menunjukkan bahawa sekolah ini dibekalkan dengan 45 -49% pelajar lulus penuh dalam UPSR dari Sekolah Jenis Kebangsaan pada setiap tahun. Secara puratanya, terdapat 45% daripada pelajar tersebut layak ke Tingkatan Satu dan bakinya di Tingkatan

Peralihan. Di antara kelemahan utama pelajar-pelajar sekolah ini adalah kegagalan dalam menguasai Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Kajian literatur menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai status sosial ekonomi yang rendah dihubungkan dengan prestasi pencapaian akademik yang lemah. Penguasaan bahasa pembelajaran yang lemah turut mempengaruhi pembelajaran mata pelajaran utama yang lain.

Semasa ketibaan, terdapat 30% daripada guru mengajar subjek yang berbeza daripada opsyen pengkhususan. Selain itu hanya terdapat empat orang guru Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk 34 kelas. Guru-guru barisan utama untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia, Geografi, dan Sejarah pula telah berpindah dan ada yang bersara. Persoalan yang timbul ialah bagaimana saya akan menguruskan pengajaran dan program kurikulum berkesan dengan keadaan sedemikian?

Para pelajar menunjukkan tahap disiplin yang baik tetapi kemenjadian yang sederhana sahaja. Kawalan disiplin telah diuruskan sepenuhnya oleh bekas pengetua. Semua program utama seperti kurikulum, hal ehwal murid, kokurikulum, penyelenggaraan fizikal, pengurusan sumber manusia, dan hubungan komuniti juga ditadbir oleh pengetua. Fokus guru hanyalah kepada pengajaran dan pembelajaran serta kegiatan kokurikulum yang terpilih sahaja. Tinjauan awalan menunjukkan hanya terdapat 37 daripada jumlah 63 orang guru menunjukkan prestasi pengajaran dan pembelajaran pada tahap memuaskan, baik dan cemerlang. Kesemua mereka ditugaskan untuk mengajar kelas peperiksaan awam PMR dan SPM. Hubungan dan interaksi profesional guru adalah pada tahap minima. Kajian World Class Schools oleh David et al (2002), menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah berkesan mempunyai hubungan profesional dan program pembangunan profesional yang mantap.

AMALAN TERBAIK

Kepimpinan Guru (*Teacher Leadership*)

Sebagai langkah permulaan ke arah peningkatan prestasi sekolah, Pasukan Pengurusan Kanan Sekolah telah ditubuhkan. Kesemua Guru Penolong Kanan, Ketua Bidang, Penyelaras Pusat Sumber Sekolah, Ketua Guru Bimbingan dan Kaunselor, Guru Data, Guru ICT, Ketua Pembantu Tadbir diminta untuk menyertai pasukan ini. Pasukan ini bertanggungjawab untuk mengkaji semula visi dan misi sekolah. Selain itu, pasukan ini juga menetapkan dasar kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, kewangan, pengurusan sumber manusia, hubungan komuniti yang selaras dengan dasar-dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dan surat-surat pekeliling telah ditetapkan dan menjadi garis panduan kepada semua warga sekolah. Agihan tugas juga telah diselaraskan untuk keseimbangan dalam bidang pentadbiran dan kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan tugas-tugas khas berdasarkan konsep “*the right person for the right job at the right time*”. Penjelasan dan perkongsian profesional tentang dasar, agihan tugas dan garis panduan tugas kepada semua warga sekolah juga diadakan. Usaha-usaha positif ini diadakan selari dengan kajian Leithwood et al. (2011) yang mengatakan bahawa pemimpin sekolah mempengaruhi pembelajaran melalui empat laluan iaitu laluan emosi, rasional, organisasi dan keluarga.

Penetapan dasar-dasar telah mencorakkan suatu budaya kerja di sekolah di samping membangunkan tahap profesionalisme guru mengikut standard dan piawaian yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Program Taklimat Pagi yang telah dijalankan pada setiap pagi hari persekolahan telah memainkan peranan signifikan untuk menggerakkan dan menyampaikan amalan terbaik bagi setiap dasar itu secara beransur-ansur. Kemahiran berkomunikasi mengikut situasi dan secara inspirasi adalah daya magnetik utama bagi menarik perhatian dan kolaborasi semua warga sekolah. Pujian dan pengiktirafan telah diberi dari semasa ke semasa bagi amalan baik yang menepati dasar yang telah ditetapkan. Agenda taklimat pagi berfokus kepada amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran serta program kurikulum, program hal ehwal murid, pemupukan budaya “higher tower personality”, serta penglibatan total dalam kegiatan kokurikulum, sukan dan permainan. Di samping itu, kebajikan guru seperti perkhidmatan, permohonan kenaikan pangkat, laluan kerjaya, kenaikan gaji, rekod perkhidmata, dan cuti juga diselitkan di dalam perkongsian pagi. Secara tidak langsung, taklimat ini memberi latihan dalam perkhidmatan yang memotivasikan kepada warga sekolah ke arah pencapaian visi dan misi sekolah. Sesungguhnya, kenyataan pemimpin sekolah dan fokus seseorang pengetua akan menentukan amalan dan budaya kerja para guru.

Kejayaan penubuhan Pasukan Pengurusan Kanan Sekolah dan pelbagai ahli jawatankuasa di sekolah juga dipengaruhi oleh kualiti profesionalisme dan peribadi seseorang pengetua. Kesanggupan, kesesuaian dan darjah pengupayaan kepada para guru bukan sahaja menentukan kejayaan memupuk kepimpinan guru (*teacher leadership*) tetapi juga mempamerkan dimensi kepimpinan distributif. Mengikut Scibner et. Al (2007) dalam Harris (2011), kepimpinan distributif ini bukan sahaja menjadi seseorang pemimpin lebih berjaya dari segi fungsi, tetapi juga memberikan corak interaksi dan pengaruh yang baru di sekolah. Dengan itu, kualiti profesionalisme dan peribadi seseorang pemimpin perlu berkongsi kuasa melalui penurunan kuasa. Contohnya, dengan garis panduan yang dipersetujui dalam Ahli Jawatankuasa Kurikulum, semua Ketua Panitia Mata Pelajaran diberi kuasa untuk merancang, melaksana, memantau, menilai dan menambak program kurikulum yang diadakan. Kepimpinan distributif dalam kalangan guru-guru yang mengetuai setiap ahli jawatankuasa di sekolah akan memantapkan dan mempercepatkan pelaksanaan segala program di peringkat sekolah, misalnya Ketua Guru Penasihat diberi autonomi untuk mengadakan pelbagai program kegiatan kokurikulum, sukan dan permainan untuk mengharumkan nama sekolah. Dengan ini, kecekapan dan keberkesanan di semua peringkat dapat ditingkatkan. Gelombang perubahan boleh dirasai walaupun *mentoring* dan *Coaching* semua ahli jawatankuasa ini diperlukan. Dalam usaha ini, budaya perkongsian autonomi bukan secara teori sahaja tetapi proses dan tindak-tanduk pemimpin sekolah mempamerkan hasrat berkenaan.

Selain itu, kepimpinan sekolah haruslah bersifat imperatif moral (*moral purpose*). Pemimpin perlu mementingkan proses dan *outcome*. Program Pembangunan Karakter Pelajar yang dilaksanakan contohnya mestilah mementingkan aktiviti-aktiviti latihan yang diadakan, cara-cara implementasi supaya dapat menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai “*high towering personality*” di samping mempamerkan kualiti kepimpinan yang diinginkan. Yin (1996) menyifatkan ini sebagai Model Proses dalam

menilai keberkesanan sesebuah sekolah manakala Paul dalam Bush (2011) beranggapan ini adalah kepimpinan yang berimperatif moral.

Amalan melalui menubuhkan Pasukan Pengurusan Kanan Sekolah ini memang merupakan suatu amalan biasa di semua sekolah tetapi cara ianya berfungsi membawa kesan yang berbeza. Di SMK Tinggi Sarikei Pasukan Pengurusan Kanan telah menjadikan amalan ini sebagai instrumen bagi mewujudkan barisan pemimpin guru bersatu padu walaupun dalam keadaan yang diversiti. Perpaduan ini telah menjadikan sekolah mempunyai kekuatan untuk menuju ke hadapan. Justerus, pemantapan kepimpinan distributif ini telah menggerakkan sekolah ke arah sekolah berkesan.

Program Basket of GC (Guru Cemerlang)

Dalam usaha memimpin pembangunan profesionalisme guru, saya memegang kepada prinsip bahawa pemimpin perlu menjaga kesejahteraan guru, kebahagiaan keluarga dan kemajuan kerjaya guru untuk menghasilkan sekolah yang cemerlang. Oleh itu, dengan peluang dan ruang yang sedia ada, *Program Basket Of Guru Cemerlang* diadakan demi perkembangan profesionalisme guru, dan pada masa yang sama memanfaatkan kemajuan kerjaya rakan-rakan guru.

Langkah utama dalam menghasilkan Guru Cemerlang ialah membimbing guru-guru berkenaan tentang sistem dokumentasi. Keperincian sistem dokumentasi telah menjadi panduan untuk para guru bergerak ke arah mencapai cita-cita mereka. Sebagai asas, sepuluh (10) fail telah diwujudkan. Di antaranya fail rancangan mengajar (input), bahan pengajaran dan bahan pembelajaran (proses), hasil pelajar (output), media pengajaran (BBM), penilaian dan pentaksiran, fail hal ehwal murid, fail kokurikulum, fail kajian tindakan, penyelidikan dan inovasi, fail latihan dalam perkhidmatan, dan fail sumbangan luar dan sijil pengiktirafan. Di samping itu, sistem fail setiap unit di sekolah telah dimantapkan melalui bimbingan khas. Kesemua bahan ini telah menjadi bukti kualiti perkhidmatan cemerlang semasa penilaian dan pemantauan Jemaah Nazir. Ianya suatu proses dan mengambil sekurang-sekurang satu tahun dan ditambahbaik melalui masa. Pembaharuan bahan amat digalakkan.

Mengikut pengalaman, kesemua bahan yang digariskan dalam setiap fail ini memenuhi kriteria-kriteria pemantauan Guru Cemerlang oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. Sebagai pemimpin instruksional, kita perlu menyediakan persekitaran sekolah dan iklim ke arah itu. Kepimpinan distributif yang diamalkan dapat mempercepatkan proses pembangunan profesionalisme guru melalui kepercayaan dan amanah yang diberikan. Dengan memahami kepentingan setiap elemen dalam memenuhi kriteria kecemerlangan, pihak sekolah telah menyediakan pelbagai kemudahan dan sumber untuk memudahkan guru-guru menyediakan fail-fail tersebut. Kemudahan komputer dan LCD, penggunaan kertas, fotostat, pembelian bahan bantu mengajar dan bantuan secara langsung kepada guru-guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran telah diadakan dari semasa ke semasa secara intensif.

Untuk memantapkan iklim yang positif ke arah Guru Cemerlang, pihak sekolah mestilah mempunyai sistem penilaian dan pentaksiran yang mantap. Amalan pengiraan Headcount yang berdasarkan TOV, OTI, ETR dilaksanakan sepenuhnya. Instrumen pengujian dan peperiksaan mestilah mempunyai kualiti kebolehppercayaan dan kesahan yang tinggi. Jadual spesifikasi ujian dan item analisis juga dipraktikan. Hasil dari itu, penilaian sebagai pembelajaran, penilaian untuk pembelajaran dan penilaian terhadap pembelajaran telah menjadikan budaya di sekolah ini. Usaha-usaha ini telah mendorong guru-guru mengambil tindakan susulan dan aktiviti intervensi untuk memperbaiki prestasi pencapaian pelajar. Perkongsian amalan pengajaran dan pembelajaran pula sentiasa ditekankan dalam taklimat pagi. Oleh itu, persekitaran dapat memperkukuh dan menjamin kualiti pengajaran dan pembelajaran yang semakin meningkat.

Selaras dengan tuntutan kurikulum kebangsaan, guru-guru juga perlu melaksanakan kegiatan kokurikulum. Perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan penambahbaikan aktiviti kokurikulum juga diadakan di bawah budaya yang memberangsangkan di sekolah ini. Usaha ini telah melengkapkan guru-guru dalam bidang kepakarannya demi kemajuan kerjaya dan pada masa yang sama mengharumkan nama baik sekolah. Dasar penglibatan total, program sukan pembangunan dan elit, dan perluasan tapak untuk kegiatan kokurikulum, sukan dan permainan yang bersesuaian dengan kehendak para pelajar dan guru merupakan pemangkin kepada kejayaan kokurikulum sekolah ini. Kejayaan ini telah menyemarakkan semangat kerjasama dan suasana yang seronok di sekolah. Justeru, perpaduan dan komitmen dalam kalangan guru dan pelajar serta ibu bapa terus menyerlah.

Pelaksanaan tanggungjawab asas ini bertambah hebat apabila guru-guru meningkatkan kualiti latihan dalam perkhidmatan (LDP) untuk meningkatkan kualiti pengetahuan, amalan terbaik dan etika mereka. Tidak kurang daripada 40 kursus, bengkel, seminar dan ceramah telah dilaksanakan selepas kajian keperluan diadakan pada setiap tahun. Yang uniknyanya, sumber kepakaran penceramah, perkongsian adalah terdiri daripada kalangan guru-guru dalaman. Suasana ini menggalakkan semakin ramai guru cuba berkongsi peluang untuk mengendalikan LDP di peringkat sekolah. Keadaan ini boleh berlaku kerana pemimpin memberikan peluang kepada hampir setiap orang guru berkursus di luar, dan akan mengendalikan ‘*in-house training*’ setelah balik dari berkursus.

Program Kajian Tindakan dan Inovasi turut diadakan untuk meningkatkan kebolehan dan kepakaran guru dalam penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Kebolehan pemimpin memilih sekumpulan guru dari setiap panitia mata pelajaran yang berbolehan dan diberi latihan telah menjayakan program ini. Setiap guru yang terlatih ini menjadi pemangkin kepada setiap panitia mata pelajaran. Walaupun tidak semua guru mampu menghasilkan kajian tindakan dan inovasi, setakat ini sebanyak 30 kajian tindakan dan sepuluh inovasi telah dihasilkan. Berikutan daripada itu, dua buah buku kajian tindakan dan inovasi telah diterbitkan.

Program Komuniti Pembelajaran Profesional

Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) telah dilaksanakan di peringkat sekolah ini sejak tahun 2012. Walaupun PLC ini mempunyai lima strategi utama, sekolah ini hanya melaksanakan *Lesson Study* dan Kritikan Video sebagai permulaan. Sambutan dalam kalangan guru amat baik. Hal ini disebabkan semua guru telah terlibat sama dalam membuat keputusan bahawa pelaksanaannya diintegrasikan sebagai pencerapan dan latihan dalam perkhidmatan (LDP). Ini mencapai situasi menang-menang bagi semua pihak. Kerelaan dan kesudian guru melibatkan diri dalam PLC telah membuahkan hasil yang di luar jangkaan. Kejelekitan guru dan hubungan professional memang dipuji. Kualiti pengajaran dan pembelajaran telah bertambah baik. Sepintas lalu, memek muka guru yang menggambarkan keadaan stres telah berkurangan. Luahan hati para guru yang mengatakan pencerapan pihak pengurusan yang membawa unsur penilaian sesuatu yang membebaskan telah diberi perhatian oleh pemimpin sekolah. Penggantian proses tersebut dengan *lesson study* dan kritikan video telah membawa keseronokan kepada mereka. Tambahan pula dengan cara yang sedemikian masa diijamatkan untuk LDP.

Dalam fasa kedua, strategi jelajah pembelajaran, perkongsian guru dan bimbingan instruksi (*peer coaching*) telah dilaksanakan. Pendekatan yang sama telah digunakan. Jelajah pembelajaran ini telah menjadikan semua guru lebih positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru yang menjelajah itu bukan sahaja dapat mempelajari amalan-amalan yang positif tetapi juga membawa kesan ‘kawalan disiplin’ secara tidak langsung. Keselamatan sekolah juga ditingkatkan. Ini adalah faedah samping yang diperoleh. Pada dasarnya strategi perkongsian guru hanya berfokus kepada amalan terbaik pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kelonggaran boleh diberikan untuk menerima sebarang bentuk perkongsian amalan terbaik seperti sistem fail, pendekatan kejurulatihan, kepegawaian, dan pengelolaan aktiviti yang berkesan. Pendapat ini adalah berasaskan konsep pembangunan profesionalisme guru merentasi aktiviti sekolah. Indikator kejayaannya amat jelas. Guru-guru menggunakan masa “*free period*” untuk melaksanakan perkongsian guru ini. Suasana organisasi pembelajaran dalam kalangan guru amat menggalakkan. Keseronokan kerja guru dan kepuasan kerja telah kelihatan. Ini juga merupakan sumber motivasi guru.

Bimbingan instruksi hanya diamalkan untuk Program Pembangunan Guru Baharu dan dua orang guru berprestasi rendah sahaja. Impaknya amat baik untuk guru baharu bukan sahaja dari segi pembangunan profesionalisme tetapi juga dari segi sosiologi dan psikologinya. Bagi guru berprestasi rendah pula, strategi *lesson study* lebih berkesan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran jika berbanding dengan bimbingan instruksi kerana perasaan inferioriti.

Secara ringkasnya, Komuniti pembelajaran profesional memang merupakan salah satu strategi yang membawa imperatif moral (*moral purpose*) kepada peningkatan tahap profesionalisme perguruan dengan persekitaran yang sesuai. Suasana yang kondusif bagi kemajuan kejaya guru ditambah dengan pelbagai pengiktirafan telah terbukti dapat menggembelingkan semua tenaga sekolah bagi mencapai kejayaan demi kejayaan.

Persijilan, Pengiktirafan dan Perbincangan Sasaran Kerja Tahunan

Teori Keperluan Maslow telah menyatakan bahawa “*self-actualisation*” atau pengiktirafan merupakan tahap keperluan yang tertinggi. Pengintegrasian teori ini dalam menggerakkan sesebuah sekolah amatlah diperlukan. Menurut kajian, tidak semua guru menginginkan pulangan kewangan dalam melakukan kerja. Ada yang lebih kepada pengiktirafan dari segi persijilan dan kepuasan serta keseronokan bekerja. Contohnya, kajian menunjukkan bahawa guru-guru di negara Russia mementingkan pengiktirafan, kepuasan kerja jika berbanding dengan guru-guru negara Cina yang mementingkan pulangan kewangan. Ini adalah disebabkan guru yang mempunyai latar belakang yang berbeza memerlukan dorongan yang berbeza. Berpanduan keadaan itu, pemimpin instrusional yang mahir menguruskan sumber manusia perlu menyesuaikan keadaan.

Persijilan di SMK Tinggi Sarikei merupakan praktis yang baru. Sijil-sijil kecemerlangan telah dianugerahkan kepada guru-guru yang mempunyai prestasi pencapaian berikut:

- Meningkatkan prestasi pencapaian akademik dalam peperiksaan awam. Semua guru dalam panitia mata pelajaran terlibat;
- Mencapai kedudukan sekurang-kurangnya tempat Johan, Naib Johan, dan Tempat Ketiga dalam sebarang pertandingan di peringkat Daerah dan ke atas;
- Memantapkan sistem pengurusan setiap unit, contohnya data sekolah, aset alih kerajaan, kewangan, makmal dan bengkel, ICT, pusat sumber sekolah, BOSS;
- Menghasilkan kajian tindakan, penyelidikan, inovasi; dan
- Melaksanakan lima strategi PLC sepenuhnya.

Di samping itu, Piala dan Sijil juga dianugerahkan kepada tiga orang guru “*all-rounder*” pada setiap tahun. Guru-guru dan kakitangan sokongan yang telah berkhidmat lebih daripada 15 tahun di sekolah akan diberi sijil dan piala penghargaan secara bergilir-gilir; iaitu tiga orang setiap tahun. Kesemua sijil ini disampaikan semasa Majlis Perayaan Hari Guru dan Majlis Jasamu Dikenang pada hujung tahun. Tetamu kehormat dijemput untuk menyampaikannya. Selain itu, selaras dengan keperluan kenaikan pangkat Time Based Berasaskan Kecemerlangan, sijil-sijil pengiktirafan melaksanakan tugas setiap tahun juga disampaikan kepada semua guru dan staf sokongan. Persijilan ini merupakan satu sentuhan hati bagi menjaga kemajuan kerjaya semua warga sekolah.

Kesemua ini dapat dicapai tujuannya dengan perbincangan profesional atau kajian pertengahan sasaran kerja tahunan dengan semua guru dan staf sokongan pada Bulan Julai. Laporan Nilai Prestasi Tahunan bukanlah satu senjata untuk mengawal guru dan kakitangan sekolah, tetapi satu instrument untuk membangunkan kerjaya staf sekolah. Perbincangan secara profesional dan bimbingan perlu dilakukan pada setiap pertengahan tahun. Markah LNPT perlu dimaklumkan kepada guru-guru dan AKS kita secara terus terang. Justeru itu, perkongsian langkah-langkah dan usaha-usaha untuk meningkatkan prestasi perlu diadakan demi keadilan dan kesaksamaan. Sebab itu, setiap

sekolah memerlukan Guru Besar atau Pengetua untuk mengetuai pasukan untuk mencapai visi dan misi masing-masing.

IMPAK KEPADA OUTCOME MURID

Berikutan daripada pengukuhan sistem pentadbiran melalui Kepimpinan Guru (Teacher Leadership) dan kepimpinan distributif, SMK Tinggi Sarikei telah menunjukkan kemajuan yang mendadak. Ini adalah selaras dengan kajian yang mengatakan kepimpinan guru dan kepimpinan distributif membawa impak yang tinggi kepada pembangunan profesionalisme guru dan setrusnya meningkatkan prestasi pencapaian akademik, kokurikulum dan kemenjadian murid.

Dari segi prestasi akademik. Keputusan PMR telah meningkat dari GPS 2.56 (2010) ke 2.43 (2011), 2.33 (2012) dan 2.13 (2013). Peratusan kelulusan pula telah meningkat dari 75% (2010) ke 89.08% (2013). Prestasi pencapaian ini telah memperbaharui rekod daerah dan menjadikan kedudukan sekolah bertambah baik dari 33 (2010) ke tangga 15 pada tahun 2013 di peringkat Negeri Sarawak.

Di samping itu, GPS SPM juga bertambah baik dari 3.91(2010) ke 3.47(2011), 3,41(2012) dan 3.05 (2013). Peratusan pelajar lulus dalam semua mata pelajaran adalah di sekitar 84% manakala yang layak ke Tingkatan Enam adalah dalam lingkungan 74 – 78%. Indikator ini melambangkan kejayaan besar bagi sesebuah sekolah luar bandar. Kedudukan sekolah di Sarawak turut meningkat dari tangga 15 (2010) ke 11 (2011), 7(2012) dan tangga 6 pada Tahun 2013. Kedudukan ini adalah di belakang dua buah sekolah menengah sains, dan dua buah lagi sekolah berasrama penuh dan sebuah sekolah perempuan. Sijil pengiktirafan kecemerlangan dan usaha gigih telah disampaikan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Dari segi kokurikulum pula, SMK Tinggi Sarikei telah banyak mengecapi kejayaan baik di peringkat antarabangsa (olahraga) ataupun kebangsaan (badminton, bola jaring, ping pong, BBSM). Kemenangan di peringkat daerah dan negeri amat menonjol. Berikutan itu sekolah ini telah menerima Sijil Kecemerlangan Kokurikulum dari Jabatan Pendidikan Sarawak secara berturut-turut pada tahun 2010-2013.

Selain itu, kemenjadian murid boleh terbukti dengan kadar kehadiran yang meningkat dari 92% ke 98.5% secara puratanya dalam tiga tahun kebelakangan. Kadar keciciran turut menurun dari 4% ke 0.5%. Salah laku pelajar hanya sekadar kesalahan dari aspek kekemasan pelajar sahaja. Kesalahan berat dan sederhana boleh dikatakan hampir sifar. Iklim hormat-menghormati, tolong-menolong, keseronokan telah terdapat di muka anak-anak murid. Aduan ibu bapa pula amat berkurangan. Budaya bermusuhan telah bertukar kepada menghulurkan bantuan dan sokongan moral kepada pihak sekolah. Kesemua ini telah membolehkan sekolah ini menerima anugerah-anugerah berikut:

- Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak 2013 – Kategori Sekolah Menengah Cemerlang;
- Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak – PIBG Terbaik;

- Anugerah Kecemerlangan PIBG 2012-2013 (Pusingan Akhir) KPM;
- Puteri Sukan 2013
- Pusat Latihan Daerah Terbaik 2013 dari Jabatan Pendidikan Sarawak,
- Johan Pertandingan Kebersihan Kantin Peringkat Sarawak oleh Jabatan Kesihatan Sarawak;
- PTJ Terbaik (2011) dan Naziran Bersih Jabatan Akauntan Negara (Cawangan Sarikei)
- Johan Guru Inovasi 2013 (Cikgu Chien Hui Siong);
- Tempat Ketiga Pertandingan Toray Peringkat Kebangsaan.

Di samping itu, saya telah menghasilkan 30 orang Guru Cemerlang pelbagai gred di sekolah lama dan 11 orang guru DG 44 di SMK Tinggi Sarikei dengan pengalaman yang sama. Seramai 32 orang guru juga dinaik pangkat menjadi Guru Akademik Tingkatan Enam di sekolah yang lau dan menghasilkan dua orang pengetua dan empat orang penolong kanan baru. Sehingga sekarang tiga buah terbitan kajian tindakan, sebuah buku penyelidikan dan sebuah buku inovasi telah diterbitkan. Kejayaan ini menggambarkan betapa pentingnya pembangunan profesional guru.

CADANGAN ASPEK YANG PERLU PENAMBAHBAIKAN UNTUK MENCAPAI OUTCOME ORGANISASI

Walaupun sekolah-sekolah yang dipimpin telah menunjukkan kejayaan yang menggalakkan, banyak aspek lagi masih perlu ditambahbaik untuk menjadi sekolah lebih berkesan. Di antaranya ialah pelaksanaan:

- Program kurikulum untuk pelajar-pelajar yang lemah;
- Program kokurikulum untuk pelajar yang tidak berminat;
- Program kebajikan murid bagi pelajar-pelajar yang kurang berada;
- Program 5S untuk menjadi suasana lagi impresif;
- Jalinan dan jaringan sekolah;
- Tambahan bangunan untuk pusat sumber sekolah dan bilik guru;
- Meningkatkan lagi prestasi dalam bidang kebitaraan sukan olahraga dan akademik (Matematik);
- Memantapkan lagi budaya kerja dan pembelajaran sekolah; dan
- Pembangunan Profesionalisme Guru secara berterusan.

Kesemua ini diharap akan dapat dilaksanakan untuk mencapai visi Sekolah Kluster Kecemerlangan pada Tahun 2015.

KESIMPULAN

Pembangunan profesionalisme guru perlu menjadi agenda sentral untuk kemajuan sesebuah sekolah. Kualiti pendidikan yang disediakan adalah selari dengan kualiti guru yang sedia ada di sekolah. Ini bermakna kualiti profesionalisme meningkat akan mendatangkan *outcome* pelajar yang semakin meningkat.

Usaha pembangunan profesionalisme guru bukanlah sesuatu perkara yang berasingan. Langkah-langkah pembangunan profesionalisme adalah berintegrasi dengan semua program sekolah dan merentasi kesemua sembilan bidang kepengetuaan, dan bidang kebitaraan sekolah. Dalam erti kata lain, guru-guru perlu dibangunkan secara *multi-tasking* dan *multi-skilling*; merangkumi kemahiran dan pengetahuan dalam hal hala tuju dan kepimpinan sekolah, kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, pengurusan pejabat, kewangan dan aset alih kerajaan, hubungan komuniti, pengurusan sumber manusia, dan penyelenggaraan fizikal dan kawasan. Walau bagaimanapun, pemimpin instruksional juga perlu bijak membangunkan guru berdasarkan bidang kepakaran dan kebolehan guru masing-masing berdasarkan situasi.

RUJUKAN

- Alma Harris, Christopher, Mark Hadfield, David Hopkins, Andy Hargreaves and Christoper Chapman (2003) *Effective Leadership for School Improvement*. London: Routledge Falmer.
- David Reynolds, Bert Creemers, Sam Stringfield, Charles Teddlie and Gene Schaffer (2002) *World Class Schools: International Perspectives On School Effectiveness*. London: Routledge Falmer.
- Tony Bush (2011) *Theories of Educational Leadership & Management*. Singapore: SAGE.
- Tony Bush and David Middlewood. *Leading and Managing People in Education*. Singapore: SAGE
- Tony Bush (2010). *The Principles of Educational Leadership & Management*. Singapore: SAGE.
- Yin Cheong Cheng (1996). *School Effectives and School-based Management: A Mechanism for Development*. London: Routledge Falmer

PEMERKASAAN SISTEM RUMAH KE ARAH MEMBENTUK IKLIM YANG POSITIF

Dr. Norisah binti Suhaili
Pengetua
SM Sains Kuching Utara, Sarawak

ABSTRAK

Sistem Rumah merupakan salah satu sistem yang telah lama diamalkan di Sekolah Berasrama Penuh (kumpulan premier) namun pada 2004, sistem ini dilaksanakan sepenuhnya di semua Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Pada dasarnya sistem ini diperkenalkan untuk melahirkan modal insan secara holistik bagi menyahut cabaran era globalisasi. Pelaksanaan Sistem Rumah di Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA) bermula sejak ia mula beroperasi pada 1 Januari 2013. Sebagai sebuah sekolah baharu, Sistem Rumah merupakan satu sistem yang banyak membantu memantapkan pelbagai aspek pengurusan sekolah. Pelaksanaan dan pemeraksanaan Sistem Rumah telah membantu memantapkan iklim dan budaya sekolah yang positif. Semangat sepunya (*sense of belonging*) serta persaingan secara sihat merupakan antara kesan positif Sistem Rumah. Kekuatan Sistem Rumah ialah pelaksanaannya merangkumi elemen utama dalam pendidikan iaitu; (i) Akademik; (ii) Kokurikulum; (iii) Sahsiah dan (iv) 3K (Keselamatan, Kebersihan dan Keceriaan). Di Sekolah Menengah Sains Kuching Utara, pembahagian aktiviti utama, penentuan *dorm*, penjadualan tugas serta penetapan zon dibuat berdasarkan rumah. Malah pemantauan prestasi murid dilaksana berdasarkan Sistem Rumah. Kertas kerja ini akan membincangkan pelaksanaan Sistem Rumah yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh SAKURA untuk membentuk iklim sekolah sekaligus merealisasikan visi sekolah.

Kata kunci: Iklim sekolah, Sistem Rumah, prestasi murid

PENGENALAN

Sistem Rumah merupakan satu sistem yang diamalkan di semua sekolah berasrama penuh (SBP) bertujuan untuk membantu melahirkan pelajar yang cemerlang dan menyeluruh di samping memantapkan pelbagai aspek pengurusan sekolah. Melalui sistem ini, setiap SBP mewujudkan antara empat hingga enam buah rumah bagi menempatkan semua muridnya dalam rumah-rumah tersebut. Sistem Rumah merupakan antara strategi yang digunakan untuk pembangunan sekolah berdasarkan empat aspek utama iaitu kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan 3K (Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan). Fokus utama kertas kerja ini ialah membincangkan pelaksanaan Sistem Rumah yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh SAKURA dalam membentuk iklim sekolah yang positif sekaligus merealisasikan visi sekolah.

LATAR BELAKANG

Sekolah Menengah Sains Kuching Utara (SAKURA) telah memulakan operasi mulai 1 Januari 2013 dengan pengambilan murid Tingkatan 1, 2 dan 4. SAKURA merupakan salah sebuah SBP yang ditubuhkan untuk menyediakan suasana persekolahan dan pembelajaran yang terancang, terkawal dan sempurna bagi memupuk serta mengembangkan potensi murid yang cemerlang sebagai warganegara yang seimbang dan bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara. SBP juga ialah wadah terbaik dalam menjana insan yang mempunyai kecemerlangan ilmu, kemapanan sahsiah, kesejagatan kepemimpinan dan kejituan patriotisme bagi melahirkan ahli sains, teknokrat dan profesional yang dapat memenuhi aspirasi negara (Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, 2009).


Setelah setahun lebih beroperasi SAKURA kini mempunyai 468 orang murid dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5, 53 orang guru serta 9 orang pegawai kumpulan pelaksana. Sekolah ini mempunyai beberapa kemudahan seperti bilik darjah, 3 buah makmal komputer, 2 buah makmal bahasa, studio rekacipta, pelbagai bilik khas, gelanggang permainan, bangunan pusat sumber, 12 buah makmal sains, bilik muzik, bilik pengawas, surau, asrama, dewan, dewan makan, sebuah van, sebuah bas dan sebagainya. Moto SAKURA ialah Ilmu, Integriti, Iltizam.

AMALAN TERBAIK

Sebagai sebuah sekolah baharu, antara bidang yang diutamakan ialah membentuk iklim dan seterusnya budaya sekolah yang positif. Iklim sekolah yang positif amat perlu untuk memastikan prestasi yang cemerlang. Antara dimensi yang boleh mempengaruhi iklim sesebuah sekolah ialah seperti perhubungan sosial, fizikal sekolah, pencapaian dan seumpamanya. Dalam konteks SAKURA, Sistem Rumah bukan sahaja digunakan sebagai strategi membentuk iklim yang positif malah turut bertindak sebagai alat pemantauan perkembangan murid.


Pemarkahan Sistem Rumah

Dari sudut pengurusan, kekuatan utama Sistem Rumah ialah ia merangkumi empat bidang utama iaitu kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan 3K.



Rajah 1: Sistem Rumah dan bidang-bidang utamanya

Bagi memudahkan sekolah-sekolah menentukan markah dan kedudukan semasa rumah-rumah, perisian *Integrated Student Information System (ISIS)* digunakan untuk tujuan ini. Sistem ini bertindak sebagai pengkalan data yang mengandungi semua maklumat berkaitan Sistem Rumah sesebuah sekolah. Pemantauan menggunakan sistem ini memudahkan pengurusan sekolah dan Jawatankuasa Sistem Rumah mengesan sebarang permasalahan, kemajuan dan seterusnya usaha penambahbaikan boleh dilakukan.



Rajah 2: Integrated Student Information System

Empat aspek penilaian untuk tujuan pemarkahan dalam Sistem Rumah ialah;

Akademik

Pencapaian murid-murid dalam bidang akademik akan menyumbangkan markah kepada Rumah dan juga dirinya. Markah akan diberi berdasarkan kepada Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperolehi murid tersebut berdasarkan Jadual 1 dan 2:

Jadual 1: Markah berdasarkan PNGK peringkat Menengah Atas

PNG Keseluruhan	Mata
4.0	+50
3.75-3.99	+40
3.50-3.74	+35
3.00-3.49	+30
2.75-2.99	+20
2.50- 2.74	+10
2.00 - 2.49	0
1.50 – 1.99	-10
0- 1.49	-20

Jadual 2: Markah berdasarkan PNGK peringkat Menengah Rendah

PNG Keseluruhan	Mata
4.0	+50
3.75-3.99	+40
3.50-3.74	+30
3.00-3.49	+20
2.75-2.99	+5
2.50- 2.74	0
2.00 - 2.49	-10
1.50 – 1.99	-20
0- 1.49	-30

Kokurikulum

Tiga aspek kokurikulum akan menyumbangkan markah kepada Sistem Rumah iaitu:

- penglibatan murid dalam unit-unit kokurikulum iaitu persatuan/kelab, badan beruniform dan sukan/permainan
- pencapaian murid dalam unit-unit kokurikulum iaitu persatuan/kelab, badan beruniform dan sukan/permainan, dan
- penglibatan murid dalam sesuatu acara seperti merentas desa, kejohanan olahraga dan sukan antara

Jadual 3: Markah penglibatan mengikut peringkat

Peringkat	Markah
Sekolah	3
Zon/Daerah/SBP (Zon)	5
Negeri / SBP (Kebangsaan)	10
Kebangsaan	15
Antarabangsa	20

Jadual 4: Markah pencapaian mengikut peringkat dan kedudukan

Peringkat	Johan	Naib Johan	Ketiga
Sekolah	3	2	1
Zon/Daerah/SBP (Zon)	5	4	3
Negeri / SBP (Kebangsaan)	10	8	6
Kebangsaan	15	13	11
Antarabangsa	20	18	16

Sahsiah

Aspek sahsiah yang menyumbangkan markah kepada Sistem Rumah adalah:

Salah laku (Demerit)

Markah negatif (demerit) akan dikenakan kepada semua salahlaku disiplin mengikut kategori seperti yang dinyatakan dalam **Surat Pekeliling Iktisas Bil. KP(BS)8591/Jld. XV11(7)** bertarikh **29 Oktober 2003**.

Jadual 5: Markah demerit mengikut kategori kesalahan

Kategori salahlaku	Markah
Berat	-30
Sederhana	-10
Ringan	-3

Kepimpinan (Jawatan yang disandang)

Markah untuk kepimpinan murid akan diberi berdasarkan kepada peringkat jawatan yang disandang iaitu:

- Peringkat Tinggi
- Peringkat Sederhana dan
- Peringkat Biasa

Jadual 6: Markah kepimpinan mengikut jawatan di setiap peringkat

Jawatan	Markah
PERINGKAT TINGGI	
Ketua Pengawas	50
Penolong Ketua Pengawas	40
Kapten Rumah	35
(Kapten Rumah mesti dilantik dari kalangan pengawas)	
Setiausaha Pengawas	30
Bendahari Pengawas	25
PERINGKAT SEDERHANA	
Pengawas biasa	20
Ketua-ketua Badan Kepimpinan murid yang lain	20
Ketua Imam	20
PERINGKAT BIASA	
AJK Badan Kepimpinan murid	10
Imam/Bilal	10
Naqib/Naqibah	7
Ketua Kelas/Ketua Dorm/Ketua Blok	7

(Nota: Sekiranya seseorang murid memegang lebih dari satu jawatan, hanya markah dari jawatan yang paling tinggi akan diambil kira)

Khidmat bakti dan “Special Talent”

Khidmat bakti

Penglibatan murid dalam khidmat bakti di dalam dan luar sekolah juga akan diberi pengiktirafan dalam Sistem Rumah. Markah-markah akan diberikan berdasarkan kepada peringkat penglibatan murid-murid dalam khidmat bakti iaitu:

Peringkat sekolah

Khidmat bakti yang dianjurkan di dalam atau luar kawasan sekolah oleh sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau mana-mana institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara contoh aktiviti khidmat bakti di peringkat sekolah adalah;

Terlibat sebagai AJK acara rasmi sekolah seperti Pendaftaran Murid Baru, Kejohanan Olahraga Tahunan, Kejohanan Merentas Desa, Sambutan Hari Guru, Hari Kecemerlangan Sekolah dan sebagainya.

Khidmat Bakti Peringkat Masyarakat

Khidmat bakti yang dianjurkan di dalam atau luar kawasan sekolah oleh institusi atau badan-badan selain dari institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Peringkat luar sekolah

Antara contoh khidmat bakti di peringkat luar sekolah adalah menghulurkan bantuan perkhidmatan sosial kepada masyarakat luar sekolah yang dibenarkan seperti:

- mengambil bahagian dalam aktiviti gotong royong membersihkan kubur
- memberi bantuan di rumah orang-orang tua.
- memberi bantuan di rumah /pusat orang-orang cacat
- mewakili kumpulan koir untuk sesuatu acara yang dianjurkan Majlis Daerah.
- mengambil bahagian dalam malam kebudayaan anjuran Persatuan Murid-murid Tua.

Jadual 7: Markah Khidmat Bakti mengikut peringkat penglibatan

Peringkat penglibatan	Markah
Sekolah	2
Luar Sekolah / Masyarakat	4

“Special Talent”

Markah akan diberi kepada murid dan rumah sebagai mengiktiraf kebolehan seseorang murid dalam bidang-bidang tertentu seperti bermain piano, melukis, menulis perisian

komputer dan sebagainya yang tiada pertandingan khusus anjuran Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, SBP atau Kementerian Pendidikan Malaysia. Markah tidak diberi kepada penglibatan tetapi hanya ke atas pencapaian murid dalam sesuatu pertandingan seperti di bawah:

Jadual 8: Markah pencapaian murid dalam pertandingan mengikut peringkat dan kedudukan

	Negeri	Kebangsaan	Antarabangsa
Johan	10	15	20
Naib Johan	8	13	18
Ketiga	6	11	16

Kebersihan, Keselamatan dan Keceriaan (3K)

Markah akan diberi kepada rumah dan individu yang menganggotai kelas dan *dorm* yang berjaya melepasi tahap piawai. Kelas atau kamar yang berjaya melepasi tahap piawai minimum akan diberi markah manakala kelas atau kamar yang gagal melepasi piawai ini akan ditolak markah.

Jadual 9: Markah 3K untuk kelas

	Melepasi piawai (> 70 %)	Zon selesa	Tidak melepasi piawai	
		61 %- 70 %	50 % - 60%	0 – 49 %
Markah untuk individu	Johan : + 5 Naib Johan : +3 Ketiga : + 2 Lain-lain : +1	0	-2	-3

Jadual 10: Markah 3K untuk Asrama

	Melepasi piawai (> 70 %)	Zon selesa	Tidak melepasi piawai	
		61 % - 70 %	50 % - 60%	0 – 49 %
Markah untuk Rumah	Johan : + 50 Naib Johan : +30 Ketiga : + 20 Lain-lain : +10	0	-20	-30

Pelaksanaan Sistem Rumah di SAKURA

Sejak beroperasi pada tahun 2013, SAKURA telah memperkenalkan empat buah rumah, iaitu;

- 1. Rumah Aero (Kuning)
- 2. Rumah Aqua (Biru)
- 3. Rumah Ignis (Merah)
- 4. Rumah Terra (Hijau)



Jawatankuasa Sistem Rumah digerakkan sepenuhnya untuk memastikan sistem ini dapat berfungsi dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sebagai sebuah sekolah baharu, Sistem Rumah yang mantap merupakan asas utama yang akan mempengaruhi iklim sekolah.

Logo, lagu sorak rumah serta semua aspek yang berkaitan dengan identiti rumah adalah hasil usaha murid sendiri. Perkara ini secara langsung akan memupuk kepimpinan dan kekitaan dalam kalangan murid, selaras dengan tagline “Di Sini Pemimpin Dilahirkan”.

Pembahagian rumah untuk murid dibuat semasa pendaftaran. Semua guru dan pegawai kumpulan pelaksana di sekolah turut diletakkan di bawah Sistem Rumah kecuali Pengetua, Penolong Kanan dan Penyelaras Sistem Rumah. Penempatan *dorm* murid juga dibuat berasaskan Sistem Rumah untuk tujuan pemantauan.

Antara kekuatan Sistem Rumah ialah dapat menyatukan warga sekolah berasaskan rumah. Memandangkan kebanyakan aktiviti dan pengiraan markah dibuat berasaskan Sistem Rumah, hal ini secara langsung dapat memupuk semangat kerja secara sepasukan. Terdapat dua jenis aktiviti utama yang dilaksanakan iaitu;

- 1. aktiviti tetap yang dijalankan secara tahunan, bulanan, mingguan
- 2. Aktiviti mengikut keperluan khas yang dilaksanakan sempena perayaan sebagai contoh, perarakan Maulidur Rasul, Hari Guru dan sebagainya

Asas utama iklim sekolah yang positif ialah semangat kerjasama dalam kalanganarganya. Malah sejak awal lagi kajian ilmiah berkaitan iklim sekolah telah meletakkan kerjasama dan perhubungan sebagai salah satu komponen utama dalam menilai persoalan berkaitan iklim dan budaya sekolah. Taiguri (1968) mengkategorikan perhubungan ini dalam dimensi sistem sosial. Menurut Taiguri (1968) segala perhubungan antara individu dan kumpulan akan membentuk iklim sekolah. Zullig et. al (2010) berpendapat bahawa interaksi dan komunikasi warga sekolah merupakan salah satu domain utama dalam iklim sekolah. Mereka mengatakan bahawa interaksi sosial warga dapat dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu;

- Perhubungan guru – murid
- Perhubungan interpersonal
- Perhubungan murid-murid

Perhubungan interpersonal adalah aspek yang dititikberatkan dalam program ini. Beberapa siri aktiviti Mentor-Mentee seperti kunjungan tetap ke *dorm* dan bimbingan akademik menjadikan perhubungan ini berlangsung secara tidak formal. Memandangkan aktiviti ini dimasukkan ke dalam takwim sekolah, dipantau dan sentiasa ditambahbaik, maka ia merupakan antara aktiviti yang memperkukuhkan Sistem Rumah.

Dalam masa yang sama persaingan antara rumah turut mewujudkan persaingan positif dalam kalangan warga sekolah. Memandangkan pemarkahan dibuat dalam empat bahagian yang telah ditetapkan serta dilakukan secara kumulatif, ia secara tidak langsung memberi ruang kepada semua rumah untuk bersaing secara positif. Markah keseluruhan dikemaskini sekurang-kurangnya dua kali sebulan dan dipamerkan di Sudut Sistem Rumah.

Persaingan sebegini penting dalam usaha untuk meningkatkan prestasi, mempelbagaikan strategi dan seterusnya mencipta kecemerlangan. Sebagai sebuah sekolah baharu, persaingan sebegini boleh membantu dan menggalakkanarganya untuk berusaha secara konsisten dalam pelbagai bidang. Memandangkan sistem ini mempunyai empat bidang, ia menjadikan ruang persaingan lebih terbuka. Sehingga hari ini, tiada

rumah yang benar-benar dominan. Keempat-empat rumah memberi persaingan khususnya dalam bidang 3K. Hal ini adalah kerana pemarkahan dilakukan setiap hari dan penjumlahan dibuat setiap minggu.

Konsep ganjaran dan penolakan markah yang konsisten dalam pelbagai aspek kurikulum, kokurikulum, sahsiah dan 3K, sedikit sebanyak dapat membentuk budaya positif. Memandangkan markah adalah secara kumulatif, semua ahli rumah memainkan peranan dan memberi sumbangan kepada markah rumah masing-masing. Hal ini menjadikan sumbangan setiap ahli rumah itu penting.


Sistem Rumah merupakan antara program berkesan untuk menyemai dan memupuk nilai kepimpinan dalam kalangan murid. Pada peringkat awal pengenalan Sistem Rumah, murid-murid diberi sepenuh kepercayaan untuk mencipta dan membenteng logo rumah, lagu sorak serta semua aspek yang berkaitan dengan identiti rumah. Malah tugas pengendalian kursus diserahkan kepada AJK Rumah (Murid). Aktiviti berkaitan kepimpinan ini diadakan secara berkala dalam usaha untuk melahirkan pemimpin yang berkualiti dan berdaya tahan.

Beberapa kajian menunjukkan bahawa aspek fizikal merupakan antara dimensi utama iklim sesebuah sekolah (Taiguri, 1968; Moos, 1979). Dalam erti kata lain, persekitaran yang bersih, teratur dan selesa secara langsung akan membawa kepada iklim sekolah yang positif. Dalam konteks Sistem Rumah, pemarkahan 3K dibuat dengan mengambil kira *dorm* termasuk tandas, bilik-bilik khas serta zon rumah masing-masing. Semua rumah harus melepasi markah piawai yang telah ditetapkan sepanjang masa. Secara langsung program ini memastikan keseluruhan kawasan sekolah sentiasa berada dalam keadaan bersih, selesa, selamat dan ceria. Pertandingan yang diadakan sepanjang masa ini bukan sahaja meningkatkan perasaan sayang akan sekolah, malah sekaligus menjadikan pelajar lebih kreatif.

Taiguri (1968) menamakan aspek fizikal ini sebagai dimensi ekologi dalam kajian iklim sekolah manakala Moos (1979) menggunakan istilah ‘*Physical Setting*’. Kedua-dua pengkaji tersebut sependapat bahawa aspek fizikal sekolah yang bersih, selamat, ceria sekaligus akan mempengaruhi iklim sesebuah sekolah. Sistem Rumah merupakan antara program yang dapat memastikan kebersihan dan keceriaan sekolah sepanjang masa.

Kursus Sistem Rumah (KESUMA)

Antara objektif asal penubuhan Sekolah Berasrama Penuh ialah untuk melahirkan pemimpin. Nilai-nilai berkaitan kepimpinan merupakan antara unsur yang diterapkan dalam Sistem Rumah. Pelantikan Ketua Rumah (KR), Penolong Ketua Rumah (PKR) serta Ketua Biro adalah antara usaha untuk menerapkan nilai kepimpinan dalam kalangan pelajar. Semua Ketua Rumah dan Penolong Ketua Rumah di seluruh SBP didedahkan kepada pengurusan Sistem Rumah. Di peringkat sekolah mereka akan mengendalikan kursus Sistem Rumah untuk ahli.



Rajah 3: Aktiviti tetap Sistem Rumah

Sudut Sistem Rumah SAKURA

Sudut Sistem Rumah SAKURA merupakan sudut yang memaparkan aktiviti, maklumat serta markah terkumpul dan keseluruhan bagi semua rumah. Tujuan utama sudut ini ialah untuk;

- menjadi pusat maklumat utama Sistem Rumah;
- meningkatkan keyakinan serta motivasi murid-murid melalui pencapaian semasa
- menggalakkan persaingan antara rumah dalam kesemua bidang yang dinilai

Guru Penyelaras Sistem Rumah bertanggungjawab memastikan markah yang dipamerkan sentiasa dikemaskini. Memandangkan tempat yang agak strategik, iaitu di kantin sekolah, kawasan ini sering menjadi tumpuan ramai.

Segala bentuk pencapaian semasa juga dipamerkan dalam usaha untuk meningkatkan motivasi murid-murid. Pencapaian yang ditunjukkan termasuk peningkatan dalam peperiksaan, kepimpinan murid dan sebagainya.

Anugerah Sri Bitara

Anugerah Sri Bitara adalah majlis kemuncak yang diadakan khusus untuk memberi penghargaan kepada warga sekolah yang terlibat dengan Sistem Rumah. Penghargaan dan pengiktirafan merupakan salah satu aspek penting yang boleh bertindak sebagai dorongan dan motivasi untuk meningkatkan usaha dan pencapaian. Dalam konteks Sistem Rumah di sekolah ini, kaedah dan mekanisme penghargaan turut diambilkira untuk memastikan ia memberi kesan bermakna kepada seseorang murid.

TINJAUAN TERHADAP SISTEM RUMAH

Soal selidik “Pelaksanaan Sistem Rumah di SAKURA” telah diedarkan secara rawak kepada 200 orang pelajar dari tingkatan 1 hingga 5. Responden telah dipilih secara rawak iaitu 50 orang daripada setiap rumah. Seramai 98 orang murid yang menjawab soal selidik tersebut adalah murid Tingkatan 1 dan 4 yang baharu belajar di sekolah ini selama sebulan. Soalselidik yang mengandungi 10 item tertutup dan 4 item terbuka bagi mencapai tujuan-tujuan berikut;

1. mengenal pasti persepsi murid terhadap sistem rumah di SAKURA
2. menyatakan faedah-faedah sistem rumah
3. menyatakan sumber untuk memperolehi maklumat berkaitan rumah masing-masing

Analisis soal selidik mendapati bahawa semua responden mengakui bahawa sistem rumah mendatangkan faedah kepada mereka. Sebanyak 98 peratus pelajar baharu meletakkan ‘dapat mengenali rakan dengan lebih mudah’ sebagai faedah utama sistem rumah. Namun sebanyak 71 orang murid baharu Tingkatan 1 dan 4 memberi respon bahawa sekiranya diberi peluang, mereka berharap agar dapat dipindah rumah. Hal ini

berlaku berkemungkinan mereka lebih sukakan rumah yang berprestasi tinggi dan menonjol. Kajian juga mendapati tiada murid Tingkatan 2, 3 dan 5 yang mahu bertukar rumah. Perkara ini berlaku kemungkinan kerana mereka sudah selesai dan sayang akan rumah. Lebih 78 peratus murid mengakui melihat informasi di Sudut Rumah SAKURA sekurang-kurangnya sebulan sekali. Perkara utama yang menjadi tumpuan mereka ialah kedudukan markah terkini.

INOVASI DAN IMPAK

Jadual 11:Impak bagi setiap amalan baik yang dialksanakan

BIL	AMALAN TERBAIK/ INOVASI	IMPAK
1	Audit Rumah	• Sistem dokumentasi sentiasa dikemaskini • Setiap rumah membuat penilaian sendiri dan refleksi penambahbaikan • Kekuatan, kelemahan dan langkah penambahbaikan dapat dilakukan
2	Perjumpaan Tetap Bulanan	Interaksi sosial dan positif antara ahli rumah
3	Pembahagian Zon/Pertandingan Keseluruhan Dorm	• Sekolah sentiasa bersih, ceria • Murid kreatif, sayang akan sekolah • Beberapa lawatan penandaran dari sekolah-sekolah lain • Dicalonkan untuk Anugerah Asrama Terbilang (Fasa 2)
4	Sudut Sistem Rumah SAKURA	• Maklumat terkini berkaitan Sistem Rumah diketahui oleh semua warga sekolah • Motivasi, daya saing meningkat
5	Anugerah Sri Bitara	• Penghargaan untuk semua warga yang terlibat dalam Sistem Rumah • Dorongan untuk mencapai kecemerlangan

CABARAN

Sebagai sebuah sekolah baharu, beberapa cabaran harus dihadapi pada peringkat awal seperti kekurangan sumber manusia serta prasarana yang masih belum lengkap sepenuhnya. Usaha untuk membudayakan Sistem Rumah dalam kalangan seluruh warga sekolah memerlukan kefahaman dan komitmen padu serta pengalaman. Tumpuan pada peringkat awal harus diberi dalam aspek-aspek fizikal sekolah, sumber manusia yang kurang, murid-murid yang tidak biasa dengan kehidupan di SBP dan sebagainya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Sistem Rumah banyak membantu SAKURA dalam membentuk iklim sekolah yang positif. Sistem ini merupakan strategi yang sesuai untuk menilai, memantau dan seterusnya menambahbaik beberapa perkara seperti prestasi akademik, pencapaian kokurikulum, sahsiah murid dan 3K sekolah. Memandangkan penilaian dan pemarkahan adalah jelas dan konsisten, setiap murid dan guru akan sentiasa berusaha untuk memenuhi piawai dan standard yang telah ditetapkan. Kejayaan Sistem Rumah banyak bergantung kepada keupayaan Jawatankuasa Sistem Rumah untuk memastikan ia berfungsi dengan efektif.

RUJUKAN

Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan (2009) *Panduan Sistem Rumah*.

Manual *Integrated Student Information System*

Moos, R.H. (1979). *Evaluating educational environment*. San Francisco: Jossey-Bass.

Taiguri, R. (1968). The concept of organizational climate. In Taiguri, R. and Litwin (Ed), *Organizational climate: Explorations of a concept*. Boston: Division of Research, Graduate School of Business Administration, Harvard University.

Zullig, K. et al (2010), School Climate: Historical Review, Instrument Development, and School Assessment , *Journal of Psychoeducational Assessment* 28(2) 139 –152

LAMPIRAN



Tandas Asrama Puteri (Aero)



Pejabat Warden Asrama Puteri

Bilik Bagasi Asrama Puteri



Bilik Rehat Asrama Puteri

Asrama Puteri (Aqua 1)



Asrama Putera (Ignis 2)



Bilik Sakit Asrama Putera



Tandas Asrama Putera (Ignis)



Bilik Bagasi Asrama Putera



Rak Baldi Asrama Putera



Asrama Lelaki (Aqua 2)

i-THINK PEMANGKIN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)

Mazmin binti Mohamad
Pengetua
SMK Serendah, Ulu Selangor, Selangor

ABSTRAK

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ialah proses pemikiran yang kompleks yang melibatkan domain kognitif mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. KBAT perlu dibangunkan dalam kalangan murid untuk mengupayakan mereka supaya mampu mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merupakan satu daripada kemahiran abad 21. ‘ Outcome’ bagi sektor pendidikan yang sedang melaksanakan transformasi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ialah modal insan yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi iaitu yang berupaya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif. Guru-guru dipertanggungjawabkan memainkan peranan utama membangunkan modal insan bertaraf dunia ini melalui aktiviti pembelajaran dan pengajaran (PdP) . Oleh itu guru-guru perlu dilengkapi dengan pedagogi yang berkesan. Penggunaan peta-peta pemikiran i-THINK dalam pengajaran guru berupaya merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tersebut. Peta pemikiran i-THINK merupakan alat yang digunakan dalam PdP untuk membantu membangunkan domain kognitif murid atau keupayaan pemikiran minda murid. Setiap peta pemikiran i-THINK membangunkan proses pemikiran tertentu yang menjurus ke arah KBAT. Kreativiti guru yang tinggi melalui penggunaan i-THINK secara berterusan dalam PdP semua subjek, murid yang mempunyai KBAT pasti dapat direalisasikan. Kertas kerja ini berfokus pada penggunaan peta pemikiran i-THINK sebagai pemangkin KBAT dalam PdP dan juga semasa melaksanakan pentaksiran sekolah dalam kelas atau di luar kelas.

Kata kunci: KBAT, i-Think, peta pemikiran, kemahiran abad 21

PENGENALAN

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. Kemahiran Berfikir Aras Rendah pula (KBAR) pula hanya melibatkan proses mengingat semula maklumat atau membuat aplikasi konsep atau pengetahuan terhadap situasi yang sama. KBAT merupakan rangkuman beberapa konstruk dalam domain kognitif Taksonomi Bloom. Kemahiran berfikir ini perlu dibangunkan dalam minda guru-guru terlebih dahulu sebelum boleh diterapkan dalam minda murid. KBAT merupakan kemahiran yang diperlukan untuk menangani cabaran abad 21.

Malaysia Negara Maju Abad 21

Malaysia berupaya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju sedia ada. Mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berani meletakkan Malaysia pada tahap itu melalui visinya Wawasan 2020. Melalui Wawasan 2020, Malaysia menjadi negara maju dengan acuannya sendiri. Untuk memastikan wawasan ini tercapai, negara memerlukan modal insan seperti berikut;

- i. yang tangkas untuk menghadapi segala macam rintangan
- ii. mampu melakukan penyesuaian, pembaharuan dan penciptaan serta
- iii. terlibat dengan ekonomi yang digerakkan oleh tenaga otak, kemahiran dan kesungguhan.

Menurut mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed,


*“Amatlah jelas bahawa sumber yang paling utama bagi sesebuah negara ialah bakat, kemahiran, daya cipta dan daya usaha rakyatnya. **Tenaga otak** kita ialah sumber yang jauh lebih berharga daripada sumber alam. “ (1991).*

Tenaga otak yang dimaksudkan di sini ialah kemahiran berfikir yang merupakan aset utama sumber manusia yang membolehkan Malaysia mencapai Wawasan 2020. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 digubal untuk mentransformasikan lanskap pendidikan negara ini ke arah menyediakan modal insan untuk merealisasikan Wawasan 2020. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Menteri Pendidikan Malaysia mengatakan bahawa;

*“Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara termaju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya untuk **melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif**, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Tidak kurang pentingnya, setiap murid di negara kita perlu diterapkan dengan nilai, etika dan rasa tanggungjawab sebagai warganegara, agar mereka dapat membuat pilihan yang tepat untuk diri mereka, keluarga dan negaa serta berupaya mengharungi dan mengatasi cabaran masa depan. “*

(KPM 2012)

PPPM menitikberatkan kurikulum dan pentaksiran untuk menyediakan modal insan yang bersedia menghadapi cabaran ekonomi dunia yang bersifat global. Dalam Rajah 1 di bawah menunjukkan enam ciri utama yang perlu diterapkan dalam setiap murid di Malaysia supaya boleh bersaing di peringkat global.



Rajah 1: Enam ciri utama yang perlu ada pada setiap murid

Satu daripada ciri utama tersebut ialah kemahiran berfikir seperti yang telah disebut oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed sejak abad 20 lagi sebagai tenaga otak. Tan Sri Muhyiddin juga mengatakan perkara yang sama iaitu melahirkan generasi muda yang mempunyai kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir ini difokuskan dalam satu daripada sebelas anjakan dalam PPPM. Anjakan satu menyebut;

“Menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa“.


Anjakan ini menerangkan bahawa, peperiksaan dan pentaksiran kebangsaan dirombak untuk meningkatkan tumpuan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada tahun 2016. Dikatakan bahawa pada 2016, 50% soalan SPM terdiri daripada soalan KBAT dan 40% soalan UPSR juga terdiri daripada soalan KBAT.

Untuk menjadi negara maju seperti yang dihasratkan dalam Wawasan 2020, modal insan yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) perlu dibangunkan kerana keupayaan pemikiran minda merupakan aset yang sedia ada pada manusia. PPPM 2013-2025 merupakan transformasi yang menjurus ke arah mencapai Wawasan 2020.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Keupayaan berfikir dibangunkan melalui domain kognitif. Kognitif ialah keupayaan pemikiran minda. Domain kognitif ini juga disebut konstruk. Konstruk ialah keupayaan yang ingin dibangunkan dalam minda murid-murid kita ke arah KBAT. Taksonomi Bloom mengkalisifikasikan enam kategori keupayaan kognitif iaitu daripada keupayaan minda yang mudah kepada yang kompleks.


Rajah 2 menunjukkan Taksonomi Bloom (ditambahbaik oleh Anderson,2001) yang menunjukkan enam aras keupayaan kognitif. Konstruk mengingat dan konstruk memahami merupakan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR). Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) bermula dari konstruk mengaplikasi, menganalisa, menilai dan kontruk paling tinggi mencipta.




Rajah 2: KBAT dan KBAR mengikut Taksonomi Bloom

Mengapa Perlu i-THINK?

i-THINK ialah peta-peta pemikiran. Abjad ‘i’ bermaksud **inovasi** dan ‘THINK’ bermaksud **fikir**. Oleh itu, penggunaan peta-peta pemikiran i-THINK dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) ialah ke arah membangun keupayaan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif dalam kalangan murid. Terdapat lapan peta pemikiran i-THINK yang merupakan alat berfikir yang boleh digunakan dalam PdP. Setiap peta pemikiran ini membangunkan proses pemikiran tertentu. Rajah 3 di bawah menunjukkan lapan peta pemikiran i-THINK manakala Rajah 4 menunjukkan lapan proses pemikiran yang dibangunkan oleh setiap peta pemikiran i-THINK.



Rajah 3: Lapan peta pemikiran i-THINK



Rajah 4: Lapan proses pemikiran melalui lapan peta pemikiran i-THINK

i-THINK Pemangkin KBAT Dalam PdP dan Pelaksanaan Pentaksiran Sekolah (PS)

Rajah 5 di bawah menunjukkan hubungkait di antara i-THINK dengan KBAT dan PBS.



Rajah 5: Hubungkait di antara i-THINK dengan KBAT dan PBS

KBAT berada di puncak segitiga itu kerana kemahiran berfikir inilah yang perlu dibangunkan dalam minda murid kita untuk menghasilkan modal insan yang berupaya berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif seperti yang dihasratkan oleh KPM melalui PPPM. Untuk mencapai sesuatu matlamat, pastinya memerlukan alat. Peta pemikiran i-THINK merupakan alat berfikir yang boleh digunakan oleh guru-guru dan murid dalam PdP untuk membangunkan KBAT kerana i-THINK pemangkin KBAT. Penyampaian guru menjadi berkesan apabila kandungan topik hari itu disampaikan melalui peta pemikiran i-THINK . Fakta yang disampaikan ditunjukkan melalui peta-peta yang sesuai dengan proses pemikiran yang hendak dibangunkan. Murid pula mudah mengingat dan mudah memahami fakta yang disampaikan kerana ia ditunjukkan dalam bentuk grafik. Apabila murid mudah mengingat dan mudah memahami, mereka boleh menjawab item pentaksiran sekolah (PS) yang diberi pada hari itu. Item-item formatif dalam PS diukur melalui pencapaian band. Keupayaan kognitif murid diukur melalui pencapaian band iaitu dari band 1, band 2, band 3, band 4, band 5 dan band 6 kerana pencapaian band dalam PS berdasarkan Taksonomi Bloom. KBAT bermula dari band 3 hingga band 6 berdasarkan konstruk mengaplikasi, menganalisa, menilai dan mencipta. Hubungkait ini ditunjukkan dalam Rajah 6.

Taksonomi Bloom	Band	Deskripsi
Mengingat	1	Tahu
Memahami	2	Tahu dan faham
Mengaplikasi	3	Tahu, faham dan boleh buat
Menganalisa	4	Tahu, faham & boleh buat dgn beradab
Menilai	5	Tahu, faham & boleh buat dgn adab terpuji
Mencipta	6	Tahu, faham & boleh buat dgn beradab mithali

Rajah 6: Hubungkait antara pencapaian Band dengan Taksonomi Bloom

Sebelum pengajaran, guru menentukan topik berdasarkan Rancangan Pelajaran Tahunan. Guru tentukan peta pemikiran yang sesuai dengan topik tersebut berdasarkan proses pemikiran yang hendak dibangunkan dalam minda murid. Atau pun murid sendiri yang menentukan peta pemikiran yang sesuai. Proses pembelajaran murid menjadi lebih berkesan apabila guru menggunakan kaedah berpusatkan murid. Murid mengenal pasti fakta atau melaksanakan tugas dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai dalam kumpulan. Percambahan idea melalui perbincangan antara murid sebenarnya terarah kepada membangunkan proses berfikir dalam kalangan murid. Setelah guru memberi penerangan awal tentang tajuk pada hari itu, murid buat aktiviti kumpulan berdasarkan penerangan guru. Guru hanya jadi pemudahcara. Aktiviti dalm kumpulan membolehkan murid berinteraksi dengan ahli dalam kumpulan di samping berinteraksi dengan bahan apabila membuat peta pemikiran i-THINK yang sesuai. Guru sebagai pemudahcara menjadi tempat murid merujuk. Kaedah ini sangat digalakkan kerana ia menepati kaedah pembelajaran masa kini. Kaedah ini dinyatakan sebagai satu daripada kriteria dalam Aspek 4.1 Penglibatan Murid dalam Standard 4 SKPM 2010.

KBAR perlu dibangunkan dalam minda murid terlebih dahulu sebelum ke arah KBAT. Disertakan beberapa contoh penggunaan peta pemikiran i-THINK dalam PdP beberapa mata pelajaran.

Pendidikan Islam Tingkatan 4

Tajuk: Imam Malik

HP:

- i) boleh menerangkan dengan ringkas riwayat hidup Imam Malik.
 - ii) boleh menerangkan ujian yang dilalui Imam Malik.
- Aktiviti : i) Set induksi – guru menerangkan dan bertanya tentang 4 mazhab.
- ii) Guru menerangkan aktiviti seterusnya. Murid diminta meneroka buku teks berkaitan tajuk.
 - iii) Murid membuat aktiviti kumpulan – kenal pasti fakta berkaitan riwayat hidup Imam Malik. Murid dikehendaki menggunakan peta i-THINK yang sesuai.
 - iv) Selepas aktiviti kumpulan selesai, guru beri soalan SPM berkaitan dengan tajuk.

SPM 2011


- 4. b. i). Tulis secara ringkas riwayat hidup Imam Malik (kefahaman)
- ii) Terangkan dua ujian yang dilalui beliau dalam mempertahankan pegangannya. (aplikasi)
- iii) Murid menjawab soalan berdasarkan fakta dalam peta i-THINK.



Rajah 7: Penggunaan Peta Bulatan untuk mendefinisikan mengikut konteks

Murid menggunakan peta bulatan kerana proses pemikiran yang dibangunkan melalui peta bulatan ialah mendefinisikan mengikut konteks yang bermaksud menerangkan tajuk. Iaitu tajuk yang diajar pada hari itu. Murid perlu memasukkan semua fakta berkaitan

Imam Malik seperti yang dikehendaki dalam hasil pembelajaran. Peta bulatan yang lengkap membolehkan murid menjawab soalan SPM sebagai latihan selepas PdP.



Rajah 8: Satu lagi contoh penggunaan Peta Bulatan dalam PdP


Sejarah Tingkatan 1

Murid perlu menjawab item formatif semasa PdP.

B4 (analisa): Membandingkan ciri Kerajaan Maritim dengan ciri Kerajaan Agraria.

Item PS:

- i). Terangkan ciri persamaan dan perbezaan antara Kerajaan Maritim dengan Kerajaan Agraria. (soalan ini diberi kepada murid sederhana dan lemah).
- ii). Bandingkan ciri Kerajaan Maritim dengan Kerajaan Agraria. (soalan ini boleh diberi kepada murid cemerlang).



Rajah 9: Penggunaan Peta Minda dalam mata pelajaran Sejarah

Murid boleh menjawab item konstruk analisa dengan mudah kerana fakta yang dimasukkan dalam peta buih berganda yang membangunkan proses pemikiran membandingbeza membantu murid memahami dan mencapai hasil pembelajaran.


Geografi Tingkatan 1

Murid perlu menjawab item formatif semasa PdP.

B 1 (mengingat): Menyatakan 4 mata angin utama.

B 2 (memahami): Mengenal pasti 8 arah mata angin.

Kedua-dua item boleh dijawab dengan mudah kerana murid menggunakan peta bulatan seperti Rajah 10.



Rajah 10: Penggunaan Peta Bulatan dalam mata pelajaran Geografi

Geografi Tingkatan 2

Murid perlu menjawab item formatif semasa PdP.

B 5 (menilai): Membuat keputusan yang rasional daripada maklumat geografi yang diberi.

Item PS: Buat keputusan setelah anda membuat penilaian berdasarkan maklumat yang diberi.

Guru beri maklumat dalam bentuk foto. Murid meneliti foto untuk kenal pasti masalah supaya boleh membuat keputusan.




Maklumat geografi

Murid meneliti foto untuk kenal pasti masalah. Murid melaksanakan tugas dalam kumpulan. Fakta yang sudah dikenal pasti dimasukkan dalam peta i-THINK yang sesuai. Murid menggunakan peta pelbagai alir seperti Rajah 11 untuk menunjukkan sebab dan akibat penduduk berlebihan berdasarkan foto. Setelah meneliti sebab dan akibat penduduk berlebihan, murid berbincang cara untuk mengatasi masalah. Keputusan yang diambil boleh dimasukkan dalam peta bulatan seperti Rajah 12.



Rajah 11: Penggunaan Peta Pelbagai Alir untuk menunjukkan sebab dan akibat



Rajah 12: Penggunaan Peta Bulatan untuk membincangkan keputusan yang hendak diambil

KESIMPULAN

i-THINK merupakan peta-peta pemikiran yang membangunkan proses-proses pemikiran tertentu. Oleh itu, penggunaan peta pemikiran i-THINK dalam PdP amat membantu kaedah penyampaian guru kepada tahap yang lebih berkesan. Peta i-THINK juga membantu murid mencerna maklumat berkaitan topik yang diajar guru. Amalan yang berterusan di sekolah terutama berfokus dalam bilik darjah, akan memperkasa kemenjadian murid dalam akademik ke arah melahirkan modal insan yang dihasratkan oleh KPM iaitu modal insan negara yang mempunyai kemahiran abad 21.

RUJUKAN

Kemahiran Berfikir, (2012). Bahagian Pembangunan Pengurusan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Panduan Perkembangan Pembangunan Murid, (2014), Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, (2012), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Zainuriyah Abdul Khatab, (2012). Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Konsep dan Panduan Pelaksanaan. Longman.

Zainuriyah Abdul Khatab, (2012). Mentaksir Kemahiran Menyelesai Masalah : Prosiding Persidangan Kebangsaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah 2012, Lembaga Peperiksaan, Kmenterian Pendidikan Malaysia.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI SEKOLAH: PEMBUDAYAAN DAN PENTAKSIRANNYA

Maimunah binti Husien
Shuhaida binti Shaari
Noor Hashimah binti Hashim
Pensyarah Kanan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara, Jitra, Kedah

ABSTRAK

Mengambil kira pencapaian Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) sejak lima tahun lalu, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) adalah sangat penting untuk dipertingkatkan dalam sistem pendidikan negara. Bagi memastikan ianya berlaku di peringkat sekolah, pemimpin sekolah perlu berusaha mewujudkan ciri-ciri sekolah yang membudayakan KBAT ini. Suasana yang dikehendaki itu perlu diwujudkan dalam tiga elemen utama pendidikan iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Selain itu elemen-elemen sokongan seperti penggunaan sumber, sokongan komuniti, aktiviti kokurikulum dan aspek pembinaan keupayaan guru juga turut sama digembeling ke arah tujuan tersebut. Kursus Pembudayaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi yang dibangunkan oleh Institut Aminuddin Baki bertujuan untuk menyediakan pemimpin sekolah ke arah pembudayaan KBAT di sekolah. Dalam kursus ini pemimpin sekolah didedahkan dengan konstruk KBAT secara terperinci. Kesemua elemen yang telah dinyatakan dikupas dan contoh-contoh realistik berkaitan setiap elemen tersebut diterokai bersama. Selain itu strategi Kementerian Pendidikan Malaysia seperti transformasi sistem pentaksiran dan pelaksanaan program-program berkaitan pembangunan kemahiran berfikir dalam kalangan murid turut diperkenalkan untuk dikuasai oleh pemimpin sekolah, selaras dengan peranan mereka sebagai pemimpin instruksional. Pemimpin sekolah juga memperoleh maklumat berkaitan pemantauan inisiatif KBAT, selain dilatih membina pelan tindakan untuk pembudayaan KBAT di sekolah. Pembudayaan KBAT di sekolah-sekolah dapat menjadi pemangkin ke arah merealisasi pencapaian matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 secara komprehensif untuk menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia.

Kata kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), pembudayaan KBAT, pemimpin instruksional

PENGENALAN

Sistem pendidikan adalah penentu kepada hala tuju sesebuah negara pada masa hadapan. Malaysia juga tidak terkecuali daripada itu. Pelaksanaan transformasi pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada masa kini adalah tepat pada masanya. Hal ini kerana, perkara yang terkandung dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan dalam Model Ekonomi Baru telah memperlihatkan bahawa Malaysia kini giat berusaha untuk

berubah daripada sebuah negara berpendapatan sederhana kepada sebuah negara berpendapatan tinggi (KPM, 2013). Di samping itu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dengan jelas telah menggariskan bahawa bagi memastikan kejayaan transformasi sistem pendidikan ini, dua aspek yang perlu difokuskan ialah aspirasi keseluruhan sistem pendidikan dan aspirasi setiap murid.

Terdahulu, Friedman (2005) menyatakan bahawa perdebatan berkaitan kepentingan pengisian pendidikan untuk generasi akan datang perlu ditumpukan oleh seluruh warga pendidik yang berpengetahuan serta memahami sejarah, pengajaran, penyelidikan, dan teknologi. Perkara ini penting kerana kesemua faktor kritikal ini akan memberi kesan kepada peningkatan dalam globalisasi pendidikan.

Taber dan Hackman (1976) mendapati sebanyak 17 dimensi, sama ada dari aspek akademik dan bukan akademik menjadi petunjuk utama dalam memastikan murid berjaya atau sebaliknya. Antara dimensi tersebut ialah perspektif intelektual, rasa ingin tahu, kemahiran komunikasi dan tingkah laku yang beretika. Dimensi-dimensi ini turut terkandung dalam PPPM dengan menterjemah Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai asas untuk mencapai aspirasi murid. Melalui aspirasi murid ini, penekanan dan tumpuan telah diberikan kepada kemahiran pemikiran kritis, kreatif, dan berinovatif; kemahiran memimpin; kemahiran penguasaan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris; sahsiah dan nilai serta semangat identiti nasional yang kuat (KPM, 2013).

Kemahiran abad ke-21 telah meletakkan pemikiran kritis sebagai satu daripada beberapa pembelajaran dan inovasi kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan murid-murid ke arah kebolehpasaran tenaga kerja pada masa hadapan. Bailin (2002) berhujah bahawa kreativiti perlu bagi pemikiran kritis. Manakala Paul dan Elder (2006) menyatakan bahawa kedua-dua elemen iaitu kreativiti dan pemikiran kritis merupakan aspek-aspek "yang baik," dan penuh bermakna. Perkara yang sama juga telah ditekankan oleh KPM dalam aspirasi murid di bawah ciri kemahiran berfikir. Melalui ciri ini adalah menjadi harapan KPM agar setiap murid perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif yang penting iaitu pemikiran kreatif dan inovatif, pemikiran kritis dan penaakulan dan yang ketiga ialah keupayaan belajar.

Tumpuan kepada kemahiran-kemahiran kognitif ini adalah sangat penting untuk dipertingkatkan dalam sistem pendidikan negara dengan mengambil kira pencapaian Malaysia dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) sejak lima tahun lalu. TIMSS dan PISA merupakan satu kajian yang dijalankan oleh organisasi antarabangsa untuk menilai dan membandingkan kualiti pendidikan yang terdapat di sesebuah negara. Secara tidak langsung dapat membantu negara-negara di seluruh dunia untuk meningkatkan pembelajaran dalam Sains dan Matematik. Jika ditinjau dari situasi Malaysia, dapatan TIMSS dan PISA 2009+ dengan jelas menunjukkan bahawa keupayaan murid untuk mengaplikasikan pengetahuan dan berfikir secara kritis di luar kotak masih kurang (KPM, 2013).

Justeru, perkara ini menjadi cabaran utama kepada pemimpin-pemimpin instruksional pada hari ini untuk melonjakkan pendidikan di sekolah masing-masing menuju ke arah pendidikan abad ke-21. Murid perlu menguasai kemahiran abad ke-21. Selain daripada kemahiran 3M iaitu menulis, membaca dan mengira, keperluan bagi melahirkan modal insan kelas pertama yang memberi fokus kepada kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Tanggungjawab dan peranan bagi melahirkan modal insan yang menguasai KBAT ini tergalas di bahu pemimpin-pemimpin sekolah yang perlu memiliki kualiti kepimpinan yang tinggi dalam kepimpinan instruksional iaitu dengan memberi tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran (p&p), pembangunan profesionalisme guru serta membuat keputusan berasaskan data dan fakta. Selain itu, peranan kepimpinan kemasyarakatan juga perlu dalam memastikan peranan sekolah dalam masyarakat yang melibatkan pemimpin sekolah bersama-sama dengan guru-guru, ibu bapa dan komuniti setempat. Kepimpinan berwawasan yang mempunyai komitmen, semangat keusahawanan, nilai-nilai dan keyakinan bahawa semua murid berhak untuk belajar sehingga tahap yang tinggi merupakan peranan penting yang perlu ada dalam diri seorang pemimpin instruksional. Namun begitu, kepimpinan untuk pembelajaran murid menjadi keutamaan yang secara tidak langsung akan menghubungkan dan merangkumi kesemua tiga peranan utama di atas.

DEFINISI KBAT

Kemahiran berfikir aras tinggi atau KBAT walaupun telah begitu banyak diperkatakan, bukanlah sesuatu yang mudah untuk didefinisi. KPM melalui Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah mendefinisikan KBAT sebagai "keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu". Seperti yang ditulis dalam Lembaga Peperiksaan (2013), definisi ini digubal dengan mengambil kira pandangan daripada beberapa pakar antaranya George (1970), Edward de Bono (1976), Mayer (1977) yang mengaitkan kemahiran berfikir dengan proses menggunakan minda untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah, Quellmalz (1985) yang menghuraikan bahawa murid akan menggunakan KBAT seperti menganalisis, bandingbeza, merumus, mentafsir, menilai dan menjana idea apabila diberikan sesuatu tugas untuk diselesaikan, dan Tomei (2005) yang menyatakan KBAT melibatkan kemahiran kognitif yang lebih tinggi iaitu kemahiran menganalisis, sintesis, menilai dan menghasilkan sesuatu idea yang baharu.

Definisi-definisi lain seperti yang dikemukakan oleh Susan Brookhart (2010) dalam bukunya berjudul *How to Assess Higher Order Thinking* juga sangat bermanfaat untuk dihalusi kerana ia sangat selari dengan definisi KBAT KPM seperti yang telah dinyatakan. Dalam buku tersebut Brookhart mengklasifikasikan definisi KBAT kepada 3 iaitu KBAT sebagai pemindahan pengetahuan (knowledge transfer), KBAT sebagai pemikiran kritis dan KBAT sebagai penyelesaian masalah. KBAT sebagai pemindahan pengetahuan secara eksplisit mengaitkan KBAT dengan tiga konstruk teratas Taksonomi Bloom iaitu menganalisis, menilai dan mencipta. Pengetahuan sedia ada hampir kesemua

guru di negara ini tentang Taksonomi Bloom boleh menjadi titik tolak kepada pemahaman dan pengamalan guru tentang KBAT. Definisi ini ternyata selaras dengan fokus pentaksiran kemahiran aras tinggi oleh Lembaga Peperiksaan iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Lembaga Peperiksaan, 2013, pp72). KBAT sebagai pemikiran kritis pula membawa maksud pemikiran yang reflektif dan munasabah dalam memutuskan apa yang akan dipercayai atau dibuat. Murid yang berfikir kritis sepatutnya boleh membuat penaaakulan, membuat refleksi dan membuat keputusan dengan baik. Seseorang yang berfikir kritis juga dapat membuat penghakiman yang bijaksana selain dapat menghasilkan kritikan yang bernas. KBAT sebagai penyelesaian masalah pula melibatkan keupayaan menyelesaikan masalah samada yang bersifat tertutup (*close-ended problems*) dan juga bersifat terbuka (*open-ended problems*). Masalah yang bersifat terbuka mempunyai banyak penyelesaian yang betul, selain mempunyai pelbagai kaedah untuk mencapai penyelesaiannya. Lazimnya soalan untuk penyelesaian masalah adalah soalan yang baharu yang jawabannya tidak diketahui.

CIRI-CIRI SEKOLAH YANG MEMBUDAYAKAN KBAT

Kajian berkaitan iklim sekolah yang dijalankan oleh Halpin dan Croft (1963) menyatakan bahawa iklim sekolah menggambarkan personaliti seseorang individu dan bagaimana guru tersebut berusaha untuk mencapai tahap iklim sekolah berkenaan. Seterusnya, Howard (1974) mendefinisikan iklim sekolah sebagai keadaan sosial dan budaya sekolah itu yang mempengaruhi tingkah laku orang di dalamnya. Manakala BPK yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Perkembangan Kurikulum telah mendefinisikan iklim sekolah sebagai suasana sekolah yang baik di mana keadaan persekitarannya dirasakan selesa, tenteram, mesra, riang dengan pembelajaran yang lancar (KPM, 1981).

Bagi memastikan pembudayaan KBAT berlaku di sekolah, sebagai pemimpin instruksional, pengetua/guru besar perlu berusaha mewujudkan ciri-ciri sekolah yang membudayakan KBAT. Menurut Schein (2004), pembentukan budaya dalam sesebuah organisasi hanya akan berkembang dengan jayanya jika setiap individu di dalam organisasi tersebut mempunyai matlamat yang sama untuk berkongsi kemahiran bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan dalam kumpulan secara bersama-sama. Justeru, sebagai sebuah organisasi pendidikan, sekolah perlu mewujudkan suasana tersebut melalui tiga elemen utama iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran. Elemen-elemen ini disokong pula oleh sumber, sokongan daripada komuniti, aktiviti kokurikulum dan pembinaan keupayaan guru.

Kurikulum

Kurikulum pendidikan di Malaysia yang diselaraskan dibawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan Kurikulum memudahkan para pendidik merancang pengajaran di dalam kelas dengan lebih berkesan. Kurikulum ini senantiasa disemak semula bagi memastikan kerelevanan dengan situasi semasa dan untuk mengimbangi ilmu pengetahuan dan kemahiran seperti pemikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan. Hal ini kerana, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan petunjuk terbaik bagi kemajuan masa depan sesebuah negara (KPM,2013).

Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pemimpin instruksional dan pendidik untuk menerapkan KBAT merentasi subjek dan disiplin di sekolah.

Pedagogi

Terdapat perkara-perkara asas yang perlu dikuasai oleh guru bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dikendalikan dengan berkesan. Antaranya ialah ilmu pengetahuan tentang mata muridan yang diajar, kemahiran mengajar kandungan mata muridan tersebut dan sikap yang sesuai (Rajendran, 2001). Kepelbagaian strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran adalah perlu bagi membolehkan pemikiran kritikal, analitikal, penaaakulan, penyelesaian masalah dan kemahiran-kemahiran aras tinggi yang lain dapat diajarkan di dalam bilik darjah. Bagi memastikan perkara ini berlaku, selaku pemimpin instruksional, pengetua/guru besar perlu berperanan dalam melaksanakan pemantauan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Pentaksiran

Kajian-kajian lepas telah banyak menulis tentang kepentingan pentaksiran sekolah dalam membantu proses pembelajaran. Namun, keberkesanannya bergantung kepada faktor-faktor seperti i) sikap, orientasi dan falsafah guru terhadap murid dan proses pengajaran-pembelajaran, ii) latihan, pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang pentaksiran pendidikan, iii) iklim bilik darjah dan iv) polisi pendidikan (Pajares; 1992; Stiggins & Conklin, 1992). Selain itu, beberapa pengkaji seperti Black dan William (1998), Stiggins (1999) dalam laporannya menyatakan bahawa guru yang literat dalam aspek pentaksiran adalah pemangkin ke arah memperkukuh pengalaman pembelajaran murid bagi memperoleh pendidikan yang berkualiti. Sekiranya guru mempunyai pengetahuan yang secukupnya dalam pentaksiran, guru tersebut akan dapat menghasilkan amalan pentaksiran yang lebih berkesan di bilik darjah. Justeru, selaku pemimpin instruksional di sekolah, perkara ini perlu diberi keutamaan dan dijadikan budaya kerana membina modal insan cemerlang memerlukan guru-guru yang komited dalam menguasai ilmu pentaksiran supaya dapat mencungkil potensi diri murid dari pelbagai dimensi.

Sumber

Menurut Rosbottom dan Maniar (2004) teknologi dapat menjadikan proses pembelajaran menjadi lebih efisien, lebih efektif, lebih menyeronokkan dan menunjukkan nilai positif sekiranya berada dalam pedagogi yang betul. Selain itu, konsep integrasi teknologi dalam pendidikan boleh didefinisikan sebagai pengintegrasian tanpa kelim antara pelbagai media dalam satu persekitaran digital bagi memenuhi tujuan persekitaran pembelajaran, pedagogi, reka bentuk kurikulum dan stail pembelajaran murid (Halimah, 2005). Pemimpin sekolah perlu memastikan agar sumber-sumber ini sentiasa berada dalam keadaan “boleh guna” dan diakses dengan mudah oleh murid. Penggunaan ICT secara betul akan memberi ruang yang lebih kepada murid untuk memperoleh akses kandungan yang lebih luas, menarik dan interaktif.

Kajian yang dilakukan oleh Rockman & Sloan (1995) mendapati murid yang belajar menggunakan teknologi khususnya komputer akan mempunyai peningkatan dalam pelbagai kemahiran menulis, kefahaman yang lebih baik, kemahiran penyelesaian masalah yang baik, menggunakan kemahiran berfikir secara kritis, mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta lebih yakin dengan kemahiran pengkomputeran yang dimiliki. Kesemua ini akan membantu mempercepat pembudayaan KBAT dalam kalangan murid di sekolah.

Sokongan komuniti

Sekolah sebagai sebuah institusi sosial tidak wujud bersendirian. Oleh itu permuafakatan bersama masyarakat penting dalam membawa kejayaan (Mohd Salleh, 2004). Program Sarana Ibu Bapa telah mempercepatkan penyampaian maklumat berkaitan pelaksanaan KBAT kepada ibu bapa dan komuniti setempat, khususnya melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sesebuah sekolah. Konsep perkongsian dalam pendidikan membolehkan masyarakat mengambil berat terhadap anak-anak mereka di sekolah. Permuafakatan dan kerjasama dengan komuniti ini sekaligus akan mewujudkan keprihatinan mereka terhadap usaha membentuk dan mendidik generasi pada masa hadapan dengan menyediakan anak-anak mereka ke arah pendidikan abad ke-21.

Kokurikulum

Melalui aktiviti kokurikulum pula, pembudayaan KBAT dengan menerapkan kemahiran-kemahiran kritis, kreatif sehinggalah ke peringkat tertinggi iaitu mencipta, boleh diterapkan melalui aktiviti-aktiviti perkehemahan unit beruniform, aktiviti sukan dan permainan serta persatuan.

Pembinaan keupayaan

Merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2025, dengan jelas telah menggariskan bahawa kualiti guru menjadi faktor berasaskan sekolah yang signifikan dalam menentukan kemenjadian murid. Bagi mencapai hasrat tersebut, setiap pemimpin pendidikan di sekolah perlu menyediakan para guru dengan kursus-kursus pembangunan profesionalisme berterusan (CPD). Latihan berasaskan sekolah telah terbukti sangat berkesan sebagai salah satu kaedah CPD (KPM, 2013). Keadaan ini akan menjadikan guru lebih berminat dan sentiasa mempunyai motivasi yang tinggi untuk mengajar. Pembudayaan KBAT di sekolah boleh dilaksanakan dengan lebih proaktif oleh pemimpin sekolah melalui kursus-kursus berkaitan dengan KBAT kepada seluruh warga sekolah.

PENTAKSIRAN KBAT DI SEKOLAH

Untuk memastikan seseorang pemimpin sekolah dapat memantau pencapaian murid dalam KBAT maka pentaksiran yang mempunyai elemen KBAT perlulah dilakukan terhadap murid dari semasa ke semasa, sama ada dalam bentuk pentaksiran untuk

pembelajaran atau pentaksiran terhadap pembelajaran. Pentaksiran yang dilakukan perlulah sah dan boleh dipercayai agar keputusan atau tindakan yang dibuat oleh seseorang pemimpin atau guru berdasarkan keputusan pentaksiran tersebut adalah yang terbaik dan dapat memberi impak positif kepada murid.

Pentaksiran KBAT melibatkan pentaksiran kemahiran kognitif menganalisis, menilai dan mencipta, pentaksiran kognitif aplikasi dalam situasi baharu untuk menyelesaikan masalah, pentaksiran keupayaan murid untuk menaakul dan membuat refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta sesuatu. Pentaksiran seharusnya meliputi skop yang luas dan mempunyai kepelbagaian dalam kaedah dan bahan rancangan. Khusus untuk KBAT, ciri itemnya ialah penggunaan stimulus yang intensif, menguji pelbagai tahap/aras pemikiran kognitif, berdasarkan konteks baharu, berdasarkan situasi sebenar dan menggunakan item yang tidak berulang (Lembaga Peperiksaan, 2013). Menurut Brookhart pentaksiran KBAT melibatkan konstruk pada kategori-kategori berikut iaitu analisis, penilaian dan mencipta; penaakulan logikal; penghakiman dan pemikiran kritikal; penyelesaian masalah; dan kreativiti dan pemikiran kreatif.

Untuk peringkat permulaan pentaksiran KBAT khususnya di peringkat sekolah perlu diawasi. Hal ini kerana memang ada kecenderungan dalam kalangan guru untuk tidak melakukannya secara meluas (Cropley & Cropley, 2007). Kesukaran membina item KBAT adalah sesuatu yang telah diketahui umum dan seseorang guru perlu memiliki kemahiran tertentu untuk dapat menulisnya dengan baik. Penulis item perlu mempunyai cukup ilmu berkaitan konstruk yang diukur, mempunyai penguasaan mata pelajaran yang tinggi, mempunyai pengetahuan tentang ilmu pentaksiran, kreatif, mahir dalam komunikasi verbal, mahir dalam pengajaran dan pengajaran, dan juga mahir tentang psikologi untuk dapat menghasilkan item yang baik (Lembaga Peperiksaan, 2013).

Kesukaran dalam memeriksa skrip jawapan adalah juga isu pelaksanaan pentaksiran KBAT (Dori, 2003). Walaupun boleh dibina dalam bentuk soalan objektif, soalan KBAT lazimnya adalah dalam bentuk soalan respon terbuka dan sudah semestinya jawapan murid adalah pelbagai. Keadaan ini menuntut kecekapan seseorang guru untuk menentukan betul salah sesuatu jawapan atau respon itu. Penggunaan rubrik penskoran sebagai panduan untuk memeriksa jawapan murid adalah amat membantu. Rubrik penskoran boleh dibuat dalam bentuk analitik atau holistik bergantung kepada keadaan. Bagi tujuan memberi maklumbalas kepada murid, penggunaan rubrik analitikal adalah lebih baik namun ia mengambil masa untuk proses pemarkahan berbanding rubrik holistik. Kriteria rubrik yang menentukan tahap prestasi murid boleh diperolehmelalui perbincangan bersama rakan yang mempunyai pengetahuan atau kepakaran dalam bidang berkenaan. Walaupun pembinaan rubrik penskoran itu agak membebankan, ia mempermudah guru untuk memeriksa jawapan murid disamping memastikan kebolehpercayaan pentaksiran tersebut.

KURSUS PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kursus pembudayaan kemahiran berfikir aras tinggi yang ditawarkan oleh Institut Aminuddin Baki bermatlamat untuk meningkatkan kesediaan dari segi pengetahuan dan kemahiran peserta kursus untuk membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah. Kursus ini dibangunkan berasaskan aspirasi sistem dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) berkaitan peningkatan kualiti pendidikan yang berhasrat supaya negara berada dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA, dan juga aspirasi murid yang berhasrat supaya setiap murid perlu mempelbagaikan kemahiran kognitif yang penting iaitu pemikiran kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah dan penaakulan yang merupakan elemen di dalam KBAT. Selain itu ia adalah berdasarkan keperluan kepada latihan berkaitan KBAT yang lebih menyeluruh berdasarkan hasil analisis maklum balas peserta program Bengkel KBAT anjuran sebuah sekolah menengah berasrama penuh di negeri Kedah pada 11 Mei 2013 yang lalu di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara. Kumpulan sasaran untuk kursus ini ialah pengetua/guru besar dan penolong kanan sekolah menengah dan rendah seluruh Malaysia.

Objektif perlakuan kursus ini merangkumi kefahaman dan pengamalan pemimpin sekolah berkaitan pembudayaanKBAT di sekolah. Kefahaman mendalam pemimpin sekolah tentang konsep KBAT serta strategi peningkatan dan pentaksirannya adalah penting dalam memimpin guru-guru untuk membimbing murid ke arah berfikir aras tinggi. Kefahaman tentang ciri-ciri sekolah yang mengamalkan KBAT serta peranan pemimpin sekolah dalam memastikan pengamalannya di sekolah serta keupayaan membina pelan tindakan pembudayaan KBAT dan membuat penilaian inisiatif KBAT di sekolah akan membolehkan pemimpin sekolah merangka dan melaksana program peningkatan KBAT yang komprehensif di sekolah. Objektif-objektif ini dijelmakan dalam bentuk jadual kursus seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

Jadual 1: Jadual Kursus Pembudayaan KBAT di sekolah

Hari/ Tarikh	8.30 – 10.30	11.00 – 1.00	2.30 -4.30
Hari 1	KBAT dan Kepentingannya kepada Pendidikan Negara	Ciri-ciri Sekolah yang Mengamalkan Budaya KBAT	Peranan Pemimpin Sekolah dalam Membudayakan KBAT
Hari 2	Elemen-elemen KBAT dan Strategi Peningkatan dan Pentaksirannya	Elemen-elemen KBAT dan Strategi Peningkatan dan Pentaksirannya	Elemen-elemen KBAT dan Strategi Peningkatan dan Pentaksirannya

Hari 3	Bengkel Pelan Tindakan Pembudayaan KBAT	Pemantauan dan Penilaian Amalan Budaya KBAT di sekolah Penutup	
--------	---	---	--

KURSUS RINTIS DAN PENAMBAHBAIKAN

Kursus rintis Kemahiran Berfikir Aras Tinggi telah dilaksanakan pada 1 – 3 April 2014 di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara. Seramai 18 orang peserta dari kalangan guru besar dan penolong kanan sekolah rendah dari negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Kelantan telah menghadiri kursus tersebut. Secara umumnya kursus ini telah berjaya mencapai matlamatnya. Ini adalah berdasar dapatan dari tinjauan khas yang dibuat selepas kursus tersebut dilaksanakan. Keupayaan beberapa orang peserta kursus menyebar luas kandungan kursus ini kepada komuniti sekolah setempat adalah indikator kejayaan kursus ini dalam menyebar luas inisitif kementerian kepada populasi yang lebih besar.

Dari tinjauan ringkas yang dijalankan sebelum kursus bermula di dapati tahap pengetahuan dalam kalangan peserta kursus tentang KBAT dan konsep-konsep yang berkaitan serta pengamalannya di sekolah adalah rendah ke sederhana sahaja. Tinjauan yang dibuat secara bertulis dan mempunyai respon terbuka itu jelas menunjukkan KBAT walaupun telah banyak diperkatakan, sebenarnya masih kurang difahami untuk seterusnya diaplikasikan. Pemerhatian yang dibuat sepanjang kursus juga mendapati pengetahuan berkaitan teknik PdP dan pentaksiran untuk peningkatan KBAT juga agak rendah. Walaupun tidak boleh dibuat generalisasi ke populasi yang lebih besar jelas tindakan yang lebih agresif perlu dilakukan oleh pihak terbabit untuk peningkatan pengamalannya di sekolah.

Terdapat beberapa komen membina telah diberi oleh peserta kursus untuk penambahbaikan kursus ini pada masa akan datang. Paling menyerlah ialah komen berkaitan keperluan latihan untuk pembinaan item pentaksiran untuk KBAT. Cadangan yang baik itu wajar dipertimbangkan dan usaha ke arah itu telah dimula digerakkan. Kerencaman corak pendidikan di peringkat sekolah menengah khususnya wajar diteliti dalam merancang penambahbaikan kepada kandungan kursus pada masa akan datang. Bagi memperoleh output yang maksimum kesemua maklumbalas yang membina itu akan dikaji dan diambil tindakan.

PENUTUP

Peningkatan tahap kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid memerlukan perancangan dan strategi yang rapi. KBAT harus dibudayakan dan untuk tujuan tersebut semua pihak baik pemimpin sekolah, guru-guru, semua warga sekolah, ibu bapa dan komuniti perlu memainkan peranan masing-masing. Pengetahuan yang mendalam tentang KBAT serta strategi peningkatan dan pentaksirannya menjadi tonggak kepada pencapaiannya diperingkat sekolah.

RUJUKAN

- Bailin, S.(2002). Critical thinking and science education. *Science & Education*, 11(4), 361–375.
- Black, P., and Wiliam, D. (1998). Inside the black box: Raising standards through classroom assessment. *Phi Delta Kappan*, 80(2): 139–148
- Brookhart, S. (2010). *How to assess higher order thinking skills in your classroom*. Alexandria, VA: ASCD.
- Cropley, A., & Cropley, D. (2007). Using assessment to foster creativity. In A. G. Tan (Ed.), *Creativity: A handbook for teachers* (pp. 209–230). Singapore: World Publishing.
- Dori, Y (2003). A framework for project-based assessment in science education, In M. Segers, F. Dochy & E. Cascallar (Eds.) *Optimizing new mode of assessment: In search of qualities and standard* (pp. 89-100). New York: Kluwer.
- Friedman, T.L. (2005). *The world is flat*. New York: Farrar, Straus, and Giroux. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Halimah Badioze Zaman. (2005). *Multimedia dalam pendidikan: Dari teknologi berasingan ke pengintegrasian tanpa kelim*. Persidangan Sempena Sambutan Ke-35 Tahun UKM, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Howard, E.R. 1974. School climate improvemen. *Education Digest* 39 (8): 333-336.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(1981). *Kurikulum baru sekolah rendah: Matlamat, rasional, bidang muridan dan strategi pengajaran dan pembelajaran*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lembaga Peperiksaan. (2013). *Pentaksiran kemahiran berfikir aras tinggi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lewis,A. & Smith, D. (1993). *Theory into practice. Defining higher-order thinking*. 32(3), 131-137.
- Mohd Salleh Mahat.(2004). Perkongsian dalam pendidikan – Fokus di sekolah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, Jilid 5. Sarawak: Maktab Perguruan Batu Lintang
- Pajares, M. F. (1992). Teachers beliefs and educationalresearch: Cleaning up a messy construct. *Review of Educational Research*, 62(3), 307-332. *ERIC Journal* No. EJ453784)
- Paul, R. W., & Elder, L. (2006). Critical thinking: The nature of critical and creative thought. *Journal of Developmental Education*, 30(2), 34–35
- Rajendran, Nagappan.(2001). *Pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi: Kesediaan guru mengedalikan proses pengajaran pembelajaran*. Kertas kerja dibentangkan pada Seminar/Pameran Projek KBKK : Poster “Warisan-Pendidikan-Wawasan” anjuran Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia pada
- Rockman & Sloan. (2002). Models of educational computing at home: New frontiers for research on technology in learning. *Educational Technology Review*,10(2), 52-68.
- Rosbottom, J. & Maniar, N. (2004). *Streaming media: How it change education*. KDU Symposium berkaitan IT dalam pendidikan, Malaysia.
- Schein, Edgar, H. (2004). *Organizational culture and leadership*. Edisi Ketiga.The Jossey-Bass business & management series: San Francisco
- Stiggins, R. J. (1999). Assessment, student confidence, and school success. *Phi Delta Kappan*, 81, 191–198.
- Stiggins, R. J. & Conklin, N. F. (1992). *In teachers' hands: Investigating the practices of classroom assessment*. Albany: State University of New York Press.
- Taber,T. D., & Hackman, J. D. (1976). Dimensions of undergraduate college performance. *Journal of Applied Psychology*, 61, 546–558

PROGRAM ULUL ALBAB: KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DALAM MEREALISASIKAN VISI DAN MISI SEKOLAH

Mardziah binti Che Abdullah
Pengetua
SM Imtiaz Kuala Terengganu, Terengganu

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana Kepimpinan Instruksional Pengetua dapat merealisasikan visi SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Terengganu untuk menghasilkan generasi Ulul Albab. Program Ulul Albab yang menjadikan al-Quran sebagai asas utama untuk melahirkan Golongan Ulul Albab diamalkan di semua SM Imtiaz Yayasan Terengganu. Program ini mempunyai tiga elemen utama iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (QEI). Kejayaan program ini berkehendakkan kepimpinan instruksional yang mempunyai visi dan misi yang jelas. Pernyataan visi dan misi dapat membantu Pengetua menjalankan tanggungjawab secara berfokus. Selain itu, matlamat yang ingin dicapai disebarkan kepada semua warga sekolah untuk memudahkan kerja setiap unit yang ada di sekolah dan mengoptimalkan keberhasilan. Dalam hal ini, semua perancangan aktiviti yang dibuat di SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Terengganu mengambil kira ketiga - tiga elemen utama dalam Program Ulul Albab. Melalui program Ulul Albab, pihak sekolah telah mampu melahirkan pelajar yang seimbang dalam semua aspek. Mereka bukan sahaja mampu menghafaz 30 juzuk Al-Quran, bahkan mampu bersaing dalam bidang-bidang akademik dan kokurikulum.

Kata kunci: Program Ulul Albab, Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik

PENGENALAN

Visi dan misi adalah dua elemen penting dalam sesebuah organisasi. Setiap organisasi yang mempunyai visi dan misi yang jelas serta difahami oleh seluruh warganya, akan menghasilkan satu kejayaan yang optimum. Menurut Wibisono (2006, p. 43), visi merupakan cita-cita atau impian sebuah organisasi yang ingin dicapai di masa depan atau dapat dikatakan bahawa visi merupakan pernyataan ‘want to be’ dari sesebuah organisasi. Manakala visi menurut dewan bahasa dan pustaka (edisi 4, 2007) bermaksud tanggapan dan pandangan yang jauh dan mendalam terutama yang berkaitan dengan perkembangan masa depan. Jadi dapat disimpulkan bahawa visi adalah cita-cita atau impian sebuah organisasi yang ingin dicapai di masa depan untuk menjamin kelestarian dan kejayaan jangka panjang. Misi pula adalah apa sebabnya kita ada (why we exist / what we believe we can do). Manakala misi menurut dewan bahasa dan pustaka iaitu tugas khusus yang dipertanggungjawabkan kepada atau yang akan dilakukan oleh seseorang atau sesuatu kumpulan.

Kepimpinan instruksional yang ditakrifkan sebagai adunan pelbagai tugas seperti pencerapan di bilik darjah, pembangunan staf dan pembangunan kurikulum (Abas, 2007) mampu melahirkan sebuah sekolah yang cemerlang dari seluruh aspek. Kepimpinan

instruksional juga boleh dirumuskan sebagai seorang pemimpin sekolah yang mengambil peduli terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid serta perkembangannya dan sentiasa membina suasana dan iklim pembelajaran yang kondusif di sekolahnya bagi memacu kecemerlangan sekolah. Bagi mencapai visi dan misi sesebuah sekolah, kemahiran kepimpinan instruksional perlu ada ke atas setiap pengetua atau pemimpin sekolah. Menurut Hallinger, salah satu daripada 11 ciri kepimpinan instruksional adalah mendefinisikan misi sekolah dengan merangka matlamat sekolah dengan jelas. Semua warga sekolah perlu disampai dan disebarkan apa matlamat yang ingin dicapai bersama. Apabila semua warga sekolah memahami visi dan misi tersebut, maka ianya akan memudahkan kerja setiap unit yang ada di sekolah.

Program Ulul Albab timbul hasil cetusan idea Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh ketika beliau menjadi Menteri Besar Terengganu pada tahun 2005, bermula di Sekolah Menengah Imtiaz Besut. Beliau telah mengamanahkan kepada Yayasan Terengganu untuk memantau dan melaksanakan program tersebut sehinggalah diperkembangkan ke daerah lain termasuk Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Terengganu pada Januari 2006. Program ini memberi penekanan tiga aspek utama iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik.

LATAR BELAKANG PENGETUA DAN SEKOLAH

Nama: PUAN MARDZIAH BINTI CHE ABDULLAH
Merupakan pengetua Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu (KOSPINT) mulai 7 Mac 2005 menggantikan Tuan Haji Abdullah Fadzil bin Dato’ Ismail. Dilahirkan pada 11 Mac 1960 di Kuala Terengganu dan sekarang menetap di Kg. Wakaf Dua, Bukit Payong, Marang, Terengganu. Mendapat pendidikan awal di SK Perempuan Chabang Tiga, Kuala Terengganu (sekarang dikenali dengan nama SK Seri Nilam, Kuala Terengganu) mulai tahun 1967–1971 selama 5 tahun. Pendidikan Sekolah Menengah bermula di SMA Khairiah, Kuala Terengganu mulai tahun 1972 – 1974 dan menyambung pelajaran ke Kolej Islam Klang (sekarang dikenali sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah) setelah berjaya di dalam SRP. Pada tahun 1976 menduduki peperiksaan SPM dan terus menduduki STP di Sekolah yang sama pada tahun 1978. Pada tahun 1979 – 1982, menyambung pelajaran di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pengkhususan dalam bidang Pengajian Islam, Pengajian Melayu dan menamatkan Diploma Pendidikan di Universiti yang sama pada akhir tahun 1982. Memulakan karier sebagai guru pada 3 Januari 1983 di SMA Marang dan dilantik sebagai Penolong Kanan I pada tahun 1986. Pada tahun 1987 ditukarkan ke SMA Mahmudiah, Kuala Berang sebagai Guru Penolong. Pada tahun 1988 bertukar ke SMA Khairiah dan dilantik sebagai Penolong Kanan sehingga tahun 1994. Mulai 2 Mei 1994 telah ditukarkan ke SMA (A) Sultan Zainal Abidin, Batu Buruk sebagai Ketua Bidang Kemanusiaan. Mulai 2 Mei 1996 dilantik sebagai Penolong Kanan HEM di Sekolah yang sama. Pada 1 April 2000 dilantik sebagai Pengetua di SMA Khairiah dan seterusnya bertukar ke Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu pada 7 Mac 2005 hingga sekarang. Memilih opsyen Perkhidmatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia setelah Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) pada 1 November 2007. Di antara pencapaian ialah Anugerah

Perkhidmatan Cemerlang (SUK) (1993), (2004) dan (2010) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mendapat Tawaran Baru atau Baiah Pengetua tiga tahun berturut - turut (2010), (2011) dan (2012).

SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN SMIYTKT

Perancangan untuk membina sekolah dimulakan pada sekitar bulan November 1994. Pada asalnya, sekolah ini bertujuan untuk memberi kemudahan pendidikan berasaskan agama kepada penduduk sekitar. Namun sebagai usaha meningkatkan taraf sekolah-sekolah agama negeri Terengganu, kerajaan negeri telah membuat keputusan untuk menjadikan sekolah di Mukim Banggol Karah yang siap dibina pada bulan Mac 1997 ini sebagai sebuah sekolah berasrama penuh dengan prasarana yang lengkap dan pembinaannya menelan belanja berjumlah RM 9.4 juta.

Pada bulan Jun 1997, sekolah ini mula beroperasi dengan nama Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu atau singkatan KOSPINT di bawah kelolaan Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu (JHEAT) Bahagian Pendidikan. Pengambilan pertama adalah dalam kalangan pelajar Sekolah-Sekolah Agama Negeri Terengganu. Kurikulum KBSM, Kurikulum Elektif dan VOTEK diperkenalkan untuk tahun pertama dan elektif sains dimulakan pada tahun kedua penubuhan iaitu tahun 1998. Kurikulum ini berterusan sehingga pada 1 Januari 2006, Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu telah dijadikan sebagai salah sebuah sekolah IMTIAZ dengan penambahan program hafazan dan kurikulum Diniyyah dengan menggunakan nama Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Terengganu. Pengambilan pelajar sulung adalah seramai 98 orang.

Sebagai salah sebuah sekolah Imtiaz, sekolah ini diletakkan di bawah pentadbiran sebuah syarikat milik penuh Yayasan Terengganu iaitu Integrity Icon Sdn.Bhd. Dengan penubuhan sekolah imtiaz ini, satu perubahan yang amat ketara telah dialami di sekolah ini sama ada dari segi pentadbiran, kurikulum, kokurikulum dan rutin harian pelajar.

Program Ulul Albab sangat sesuai dan memenuhi keperluan semasa dan imtiaz mampu berperanan sebagai institusi penting melahirkan modal insan yang bersepadu dan mampu memenuhi aspirasi negara. Imtiaz bukan sahaja menjadi agenda kerajaan negeri malahan telah mendapat sambutan di peringkat kebangsaan sehingga dijadikan Sekolah Angkat Timbalan Menteri Pelajaran iaitu Allahyarham Dato' Razali bin Ismail Mantan Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia.

Bermula 1 November 2007, sekolah ini telah berdaftar dengan Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai sebuah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Sehingga kini sekolah ini diletakkan sepenuhnya di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Imtiaz Yayasan Terengganu setelah pembubaran IISB.

Sepanjang tempoh 2008 hingga 2013 sekolah ini telah melakar banyak kejayaan dan membuktikan kecemerlangannya dalam pelbagai bidang sesuai dengan

kedudukannya sebagai sebuah sekolah yang unik kerana memikul amanat suci bagi melahirkan generasi hafiz dan hafizah yang profesional dan mampu berperanan di peringkat global. Oleh hal yang demikian, amatlah wajar bahkan menjadi tanggungjawab warga pendidik supaya sentiasa mempertingkatkan usaha dan komitmen bagi merealisasikan hasrat untuk melahirkan anak didik yang bukan sahaja cemerlang akademiknya bahkan mempunyai sahsiah dan budi pekerti mulia sebagai Khalifah Allah S.W.T dan berjalan atas landasan yang diredhai Allah Taala.

AMALAN TERBAIK: PROGRAM ULUL ALBAB MENJANA KEMENJADIAN PELAJAR YANG MENYELURUH

Definisi Ulul Albab menurut pandangan Dato ‘ Seri Idris bin Jusoh ialah:

“Satu golongan yang mempunyai asas kukuh dalam Al Qur’an, ilmu pengetahuan yang luas dan pelbagai, mampu berfikir dan memerhati kejadian Tuhan melalui mata hati dan akal yang tajam serta mengambil iktibar darinya.” Manakala Dr. Siddiq Fadzil telah memberi definisi ulul al bab sebagai **“ilmuwan mukmin yang mampu melihat yang tersirat di balik yang tersurat, dan dapat menangkap hakikat di balik ayat (tanda - tanda).”**

Dari kedua - dua definisi ini dapat dirumuskan beberapa perkara. Pertama, Al-Quran adalah asas dalam melahirkan golongan Ulul al bab. Kedua, Ulul al bab adalah seorang intelektual Muslim yang bermakna ketinggian ilmu pengetahuan yang disepadukan dengan ketajaman akal fikiran adalah kekuatan yang sangat ampuh. Ketiga, yang menjadi bezanya seorang yang mempunyai sifat Ulul al bab, yang intelek, dengan seorang intelektual biasa ialah **“kesedarannya yang berterusan tentang kehadiran Tuhan (keterikatan dengan hukum - hakam, prinsip dan nilai, pesan dan ajaranNya) dalam semua keadaan, bila - bila dan di mana - mana.”** (Siddiq Fadzil).

Dalam program ini, al-Quran sebagai asas utama untuk melahirkan Golongan Ulul Albab. Program Ulul Albab mempunyai tiga ciri utama iaitu Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik (QEI) yang didefinisikan seperti berikut:

1. Quranik – mampu menghafaz al-Quran 30 juzuk dengan bacaan yang baik serta memahami isi kandungan dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
2. Ensiklopedik – mampu menguasai pelbagai disiplin ilmu serta menguasai beberapa bahasa utama.
3. Ijtihadik – Keupayaan memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah ummah serta berfikir secara kreatif dan inovatif.

Pelajar tingkatan satu tidak akan menjalani pembelajaran seperti biasa ketika semester pertama. Mereka akan mengikuti satu program yang dinamakan *‘program khas asasi ulul albab tingkatan satu’*. Program ini diwajibkan kepada semua murid tingkatan satu mulai Januari hingga Mei.

Antara komponen yang ada dalam program tersebut ialah:

1. Al-Quran – Hafazan, Tafsir, Tajwid (Tasmik, Talaqi & Tadarus)
2. Bahasa Arab – Mufradat, Nahu, Tartib Kalimah dan Takwin Jumlah
3. Personaliti – Kepimpinan, Pengurusan Kendiri, Protokol, Adab dan Etika dan “Accelerated Learning”
4. Schoolwide Enrichment Model (SEM) – Creativity, Enrichment Cluster & Research

Ketika dalam tempoh tersebut, pelajar hanya diberi pengenalan tentang subjek - subjek lain. Walaupun mereka tidak belajar secara khusus semua subjek PMR ketika semester pertama, mereka mampu mencapai keputusan yang baik ketika peperiksaan akhir tahun tingkatan satu, jika dibandingkan pencapaian dengan sekolah - sekolah biasa. Pencapaian ini diukur melalui analisa yang dibuat di antara semua sekolah di Negeri Terengganu kerana menggunakan soalan peperiksaan yang diselaraskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Kajian yang dibuat oleh beberapa penyelidik dari Universiti tempatan telah mendapati pelajar yang hafaz al-Quran mempunyai bakat yang luar biasa (Zulfa Izza, 2013) sehingga mereka mampu mencapai sesuatu tahap yang maksimum. Selain itu, penyelidik lain juga telah mendapati hafazan al-Quran dapat memberi pengaruh kepada pelajar Imtiaz untuk berfikir secara kritis, membaca, dan memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang (Rosyati Abdul Rashid, 2012). Hal ini bersesuaian dengan sejarah tokoh-tokoh silam seperti al-Khawarijmi, al-Farabi dan lain-lain bermula dengan menghafaz al-Quran.

Bagi mencapai matlamat seperti yang dihasratkan dalam Program Ulul Albab, pengetua telah membuat perancangan strategik telah dirangka yang melibatkan semua warga sekolah. Akhirnya satu visi dan misi sekolah berjaya dibina bersama seperti berikut:

1. Visi:

Menjadi Sekolah Terbilang Dalam Menjana Generasi Ulul Albab Minda Kelas Pertama Menjelang 2012
2. Misi:
 - menerapkan akhlak al quran dalam segala aktiviti harian
 - memperkasa pelbagai bahasa dalam pemerolehan ilmu pengetahuan dan komunikasi
 - mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif
 - menerapkan budaya cinta akan ilmu sepanjang hayat
 - menerapkan budaya kerja sepasukan dan musyawarah dalam kalangan sekolah

Setelah berjaya membina visi dan misi sekolah secara musyawarah dengan semua warga sekolah, pelbagai aktiviti telah dirancang melalui strategik tertentu di samping penerapan nilai - nilai yang bersesuaian untuk mencapai matlamat yang dikehendaki seterusnya dikongsi dan dihayati oleh semua warga sekolah.

Pembangunan Modal Insan Cemerlang

Guru

- i. Budaya kerja berprestasi tinggi dan memastikan gaji yang halal dan berkat
- ii. Amanah pada masa dan tugas
- iii. Mendahului masa dan menepati masa
- iv. PdP berkesan, menarik dan ‘up to date’
- v. Patuh pada arahan dan permintaan
- vi. Menghapuskan sangka buruk
- vii. Sentiasa belajar dari kesilapan dan perkara baru
- viii. Menghayati tanggungjawab sebagai guru disiplin

Kakitangan

- i) Budaya kerja berprestasi tinggi dan memastikan gaji yang halal dan berkat
- ii) Amanah pada masa dan tugas
- iii) Mendahului masa dan menepati masa
- iv) Patuh pada arahan dan permintaan
- v) Menghapuskan sangka buruk
- vi) Sentiasa belajar dari kesilapan dan perkara baru

Pelajar

- i) ‘Akhlak Teras Kejayaan’ – tema sekolah
- ii) Memburu masa
- iii) Meraih kegemilangan
- iv) Berkemampuan dalam pengucapan awam
- v) Mampu berbahasa Inggeris – secara asas
- vi) Mampu memberi pendapat yang bernas
- vii) Berpengetahuan luas
- viii) Mempunyai daya kepimpinan dan kemahiran dalam pengurusan organisasi

Antara program yang dirancang dan dilaksana untuk menjaya semua bidang ini ialah:

1. Lawatan Penanda Aras ke Sekolah Cemerlang
2. Kursus Pengurusan Jenazah
3. Ceramah Penghayatan Al-Quran
4. Formal Dinner
5. Minggu Kecemerlangan Sahsiah
6. Kursus Sahsiah Ulul Albab

7. Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya
8. Program Mentor Mentee
9. Ceramah Pengurusan Diri dan Kebersihan Diri
10. Kem Motivasi Jati Diri
11. Ceramah Pengurusan Stress
12. Program Sekolah Sihat dan Selamat
13. Program Sayangi Buku Teks Kita
14. Bengkel Pembangunan Remaja
15. Tarbiyyatun Nafs
16. Kursus Kuasa Minda
17. Ceramah Pemantapan Fizikal & Mental
18. Earth Day Programme
19. Forum Penghayatan Kemerdekaan
20. Khemah Ibadat dan Penghayatan Islam
21. Mock Interview
22. Pengurusan Stress
23. Tips Menghadapi Peperiksaan
24. Ceramah Kerjaya
25. Ceramah Pengiraan Meritokrasi
26. Tazkirah Guru & Kakitangan
27. Kelas Bimbingan Al-Quran Guru-Guru & Kakitangan
28. Program Pengenalan Guru Bahasa Arab ALT
29. Program Kitab Tua
30. Qiamullail & Usrah
31. Tazkirah & Usrah Murid
32. Solat Berjemaah Lima Waktu
33. Bacaan Zikir Munajat, Surah Al- Mulk sebelum Tidur

Pembangunan ICT

- Bilik komputer lengkap dan berfungsi
- ‘Open Source Software’
- Penerokaan maklumat

Memperkasa Sistem Rumah (FIRQAH)

- Memastikan perlumbaan/persaingan dalam kalangan pelajar dalam bidang hafazan, akademik, sahsiah dan kokurikulum.
- Sistem merit demerit
- Ganjaran yang setimpal untuk Firqah yang cemerlang

Temu Murni Pelajar bersama guru Mentor dan Pengurusan Sekolah

Jalanan

- i) **UMT**
 - Melatih guru-guru bahasa Inggeris dan program bimbingan untuk kelas Bahasa Perancis serta Bahasa Mandarin
 - Memberi khidmat bimbingan untuk projek reka cipta pelajar (SEM)
- ii) **Kolej Polytech Mara**
 - Membimbing pelajar dalam bidang pengucapan awam

Program Hafazan

- i) Memastikan kualiti kemahiran guru melalui bengkel- bengkel peningkatan Tajwid
- ii) Budaya kerja berkualiti
- iii) Peningkatan dan kemahiran keguruan
 - Mentoring
 - Kaunseling
 - Menyemai ‘nawaitu’ yang betul dalam kalangan pelajar

Ko-kurikulum

Jadual 1: *KPI Sekolah Berprestasi Tinggi bagi tahun 2013 dan 2014*

Unit	Peringkat	2013		2014	
		%	Bil	%	Bil
Badan Beruniform	Kebangsaan	1.87	10	2.70	15
	Antarabangsa	1.87	10	2.17	12
Kelab & Persatuan	Kebangsaan	1.87	10	2.70	15
	Antarabangsa	1.49	8	2.17	12
Sukan & Permainan	Kebangsaan	1.49	8	1.80	10
	Antarabangsa	1.49	8	1.62	9

Bagi memastikan KPI tersebut tercapai pelbagai aktiviti dirancang melalui program - program berikut:-

1. Larian Imtiaz
2. Sukan Firqah
3. Karnival Sukan Murid Asrama
4. Kejohanan Sukan Antara Firqah dan Asrama
5. Pesta Sukan MASMAT
6. Pertandingan Kawad Kaki Peringkat Sekolah
7. Hari Kokurikulum Peringkat Sekolah
8. Perkhemahan Tahunan Antara Imtiaz

Akademik

Pencapaian gred purata bagi peperiksaan PMR dan SPM selama tiga tahun berturut-turut:-

Jadual 2: Gred Purata PMR dan SPM 2011-2013

TAHUN	2011	2012	2013
PMR	1.12 %	1.16 %	1.15 %
SPM	2.32 %	2.23 %	2.04 %

Antara program yang dirancang untuk memastikan peningkatan dalam bidang ini ialah:

1. Kursus Membuat Peta Minda
2. Kursus “The Arts Of Learning”
3. Kelas Tambahan Hujung Minggu Tingkatan 3
4. Program STAR Murid SPM (Kelas Fizik, Kimia, Biologi/ BAT/ Matematik Tambahan- Jumaat / Sabtu)
5. Kursus Memperkasa Jawi
6. Seminar Teknik Menjawab Peperiksaan
7. Seminar Pemahaman Subjek SPM
8. Kem Kembangan Akademik SPM
9. Kem ‘Sure A’
10. Prep Bersama Guru
11. Program Pembimbing Rakan Akademik

IMPAK

Setelah pelbagai program yang dirancang berjalan dengan baik, berlakunya peningkatan secara holistik yang ketara terhadap pelajar yang khatam hafaz al-Quran. Mereka menunjukkan kecemerlangan yang seimbang dalam semua bidang termasuk akademik dan kokurikulum sebagai contoh ialah Khairul Nazrin bin Mohd Nasir yang menjadi tokoh pelajar mithali 2010, telah mendapat 11 A SPM Tahun 2010, Hafiz 30 Juzuk Al-Quran, mewakili sekolah ke peringkat antarabangsa dalam pertandingan Catur, mewakili sekolah dalam bola sepak peringkat negeri. Beliau merupakan salah seorang diantara lapan orang pelajar ambilan 2011 yang ditaja oleh MAIDAM, Terengganu sehingga ke peringkat PhD dalam Program Memperkasakan Ulamak. Sekarang sedang menyambung pelajaran di Universiti Yarmouk, Jordan.

Selain itu, dalam peperiksaan PMR dan SPM, beberapa subjek telah berjaya mendapat keputusan 100% A dalam peperiksaan awam seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Syariah Islamiah, Kemahiran Hidup dan Geografi. Pelajar SM Imtiaz YT Kuala Terengganu bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik dan al-Quran bahkan mereka juga mampu bersaing dalam bidang ko-akademik serta kokurikulum dengan meningkatnya penyertaan dan kejayaan samada di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

Kemuncak pencapaian hasil daripada penetapan visi dan misi yang jelas serta penghayatan visi dan misi sekolah oleh setiap warga sekolah. Sekolah ini telah dianugerahkan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) pada tahun 2011 dan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) pada tahun 2012 dan anugerah Tawaran Baru Pengetua tiga tahun berturut.

CADANGAN

Setelah mencapai kejayaan demi kejayaan secara menyeluruh yang merangkumi semua bidang, usaha - usaha ditingkatkan lagi untuk melestarikan kejayaan yang sedia ada serta meningkatkan lagi pencapaian lain. Seluruh warga sekolah telah diberi kefahaman tentang cabaran ini. Pengurusan sekolah terus diperkasakan supaya lebih pro aktif, kreatif dan inovatif dalam semua kerja buat mereka. Tumpuan kepada PdP terus rancak melalui pemantauan kelas, buku nota, buku kerja pelajar dan lain-lain.

Program Ulul Albab telah memberi peningkatan pencapaian pelajar secara holistik. Pelajar semakin berdaya saing antara satu sama lain terutama setelah pihak pengurusan imtiaz Yayasan Terengganu telah membuka peluang kepada anak luar Terengganu untuk belajar di sini.

Majlis perwakilan pelajar melalui unit Badan Dakwah dan Kerohanian (BADAR) telah berjaya membuat perancangan dan aktiviti yang berkesan dalam bidang kerohanian seperti amalan puasa sunat Isnin dan Khamis, qiamullail pada hujung minggu, tazkirah zohor, usrah dan sebagainya. Kejayaan terkini mereka adalah penganjuran Karnival Dakwah SBT peringkat kebangsaan pada 3-5 April 2014.

Walau bagaimanapun Program Ulul Albab boleh diperkasakan lagi dengan:

- i. memberi penekanan kepada pelajar yang sudah berjaya menghabiskan hafalan mereka
- ii. penekanan kepada tafsir ayat - ayat Al – Quran bagi melahirkan pelajar yang bukan sahaja mampu menghafaz 30 juzuk al-Quran bahkan mampu menghayatinya tadabbur dalam kehidupan seharian.
- iii. Kajian terhadap unsur sains dalam al-Quran – pelajar mampu berfikir tentang kaitan bidang sains dengan al-Quran.

PENUTUP/KESIMPULAN

Amalan kepimpinan instruksional yang dilaksanakan di SM Imtiaz YT Kuala Terengganu telah menjadi pemangkin kepada transformasi sekolah samada dari segi pencapaian akademik, al-Quran, Sahsiah dan kokurikulum. Kunci utama yang menjadi pegangan seluruh warga sekolah adalah pelajar yang mampu hafaz al-Quran mampu menghasilkan kejayaan yang luar biasa yang merangkumi kejayaan duniawi dan ukhrawi. Kejayaan sesebuah sekolah adalah terletak pada semangat kerja sepasukan. Apabila semua warga sekolah inginkan kejayaan yang sama, maka terbentuklah sebuah pasukan yang sangat cemerlang dan berdedikasi lagi komited dalam merealisasikan visi dan misi sekolah.

Sumbangsaran yang sentiasa diamalkan bersama adalah kunci utama untuk mendapat satu keputusan yang mampu memberi impak yang maksimum terhadap semua warga sekolah.

Jutaan terima kasih kepada semua warga sekolah samada dari peringkat bawahan sehinggalah ke pengurusan tertinggi sekolah yang telah sama-sama berusaha untuk merealisasi visi dan misi sekolah. Tanpa kalian, Sekolah Menengah Imtiaz YT Kuala Terengganu tidak akan mencapai kejayaan seperti hari ini.

RUJUKAN

Modul Kurikulum Dan Kokurikulum SMIYT 2011, Yayasan Terengganu

Halimahton Mohd Saleh. *Kepimpinan Instruksional Menjana Generasi Kreatif dan Inovatif*, SMK Zon R1 Wangsa Maju, Setapak, Kuala Lumpur

Mohd Yusof Hassan. *Kepimpinan Instruksional Pengetua Dalam Melaksanakan Pembangunan Modal Insan di SMK Putrajaya Presint 16(1)*, SMK Putrajaya Presint 16(1).

Rosyati Abdul Rashid (2012). *The Influence Of Quran Memorization On Learners' Critical Thinking Ability And Academic Achievement* di International Seminar On al-Quran In Contemporary Society (SQ2012), Permai Hotel, Kuala Terengganu.

Zulfa Izza Mohamed @ Hashim. (2013). *Penghafazan Al-Quran Dari Perseptif Neurosains Kognitif, Kajian Di Kalangan Murid Menengah Rendah Di Kuala Terengganu*, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

www.imtiazkt.edu.my [Online]

www.myimtiaz.com.my [Online]

http://www.iab.edu.my/sn20_papers/ [Online]

http://www.silveromedia.com.my/idrisjusoh/?page_id=501 [online]

GENERASI PELAPIS PEMIMPIN MASA DEPAN

Oleh

Abdul Razak bin Ismail

Pengetua

SMK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jerantut Pahang

ABSTRAK

Pembentangan kertas kerja ini merupakan pengkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan di SMK PPP Tun Razak Jerantut, Pahang. Ia menjelaskan bagaimana pengurusan sekolah mengupayakan guru-guru penolong kanan sebagai generasi pelapis kepimpinan. Amalan komunikasi berkesan serta Kepimpinan Teragih (distributed leadership) diketengahkan dalam mengurus dan memimpin warga sekolah. Begitu juga konsep pengupayaan (empowerment) dan memberi kepercayaan kepada pemimpin pelapis membuat keputusan secara kolaboratif (collaborative decision making) melibatkan semua ahli pasukan dan melaksanakan kerja secara sepasukan. Ini merupakan antara pendekatan yang digunapakai dalam mengurus sekolah bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan secara bersama. Kerangka Model *Grow* juga diguna pakai yang memberi penekanan kepada Goal (Matlamat), Reality (Keadaan Sebenar), Option (Pilihan) dan Wrap Up (Rumusan) dalam usaha memastikan keberkesanan kepimpinan generasi pelapis.

Kata kunci: Mengupayakan Kepimpinan Pelapis, Kerja Berpasukan, Pencapaian Matlamat

PENGENALAN

Pembentangan kertas kerja ini merupakan perkongsian amalan terbaik yang dilaksanakan di SMK.PPP. Tun Razak Jerantut, Pahang. Ia menjelaskan bagaimana pengurusan sekolah melaksanakan elemen-elemen dalam Kepimpinan Instruksional bagi mengupayakan guru-guru penolong kanan sebagai generasi pelapis kepimpinan. Antaranya ialah pelaksanaan amalan komunikasi berkesan serta Kepimpinan Teragih (distributed leadership). Begitu juga konsep pengupayaan (empowerment) dan memberi kepercayaan kepada pemimpin pelapis membuat keputusan secara kolaboratif (collaborative decision making) melibatkan semua ahli pasukan dan melaksanakan kerja secara sepasukan (Pounder,1997;Short 1998). Hal ini merupakan antara pendekatan yang digunapakai dalam mengurus sekolah bagi mencapai matlamat organisasi yang ditetapkan secara bersama. Selain daripada itu kerangka Model *Grow* juga digunapakai yang memberi penekanan kepada Goal (Matlamat), Reality (Keadaan Sebenar), Option (Pilihan) dan Wrap Up (Rumusan) dalam usaha memastikan keberkesanan kepimpinan generasi pelapis.

Pada dasarnya, sekolah ini cemerlang dalam kelompok sekolah-sekolah felda iaitu sejak penubuhannya sehinggalah tahun 2010. Pelbagai kejayaan dan anugerah yang

telah diraih. Sekolah ini juga mempunyai bidang kebitaraan (*niche areas*) yang dapat menyerlahkan watak sekolah. Sekolah ini telah melahirkan murid yang menyeluruh dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah dan penampilan diri. Tradisi budaya kerja yang sangat tinggi dan cemerlang dengan modal insan nasional yang berkembang secara holistik dan berterusan serta mampu berdaya saing dari aspek kurikulum, koakademik dan kokurikulum diaplikasikan sama ada pada peringkat daerah, negeri, kebangsaan malah di persada antarabangsa dan menjadi sekolah pilihan utama dalam kelompoknya.

Kertas kerja ini bertujuan membentangkan tentang amalan bagaimana pihak sekolah melatih Guru Penolong Kanan sebagai generasi pelapis kepimpinan si sekolah. Pemimpin yang dimaksudkan dalam kertas kerja generasi pelapis adalah Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK 1), Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), dan Guru Penolong Kokurikulum (GPK KO). Generasi pelapis mengikut Kamus Dewan 1995 bermaksud generasi penyambung manakala pemimpin masa depan ialah pemimpin masa akan datang. Fokus kertas kerja ini memperihalkan bagaimana sekolah melatih generasi pelapis kepimpinan ini agar menyerlah kepimpinannya. Ia juga merujuk kepada Kerangka Pengurusan Instruksional (Hallinger dan Murphy, 1985) dalam usaha sekolah mengupayakan pemimpin pelapis sesuai dengan fokus Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (SMKPPPTR) dibina pada tahun 1999 dan siap sepenuhnya pada tahun 2002. Pada awal penubuhannya tahun 2001, sekolah ini mula beroperasi secara menumpang di Sekolah Kebangsaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak dengan jumlah murid seramai 81 orang, 11 orang guru dan 3 orang kakitangan sekolah. Dari segi lokasi, sekolah ini terletak di dalam Kompleks Pusat Perkhidmatan Pertanian Tun Razak yang terkenal sebagai tempat penyelidikan pertanian khasnya tanaman kelapa sawit. Sekolah ini dikelilingi oleh Tanah Rancangan Felda iaitu Felda Sungai Tekam, Felda Sungai Tekam Utara, Felda Kota Gelanggi 1,2,3, dan 4. Bandar terdekat ialah Bandar Jerantut sejauh 35 km dari sekolah.

AMALAN TERBAIK

Mengurus sekolah dan warganya untuk mencapai matlamat organisasi memerlukan pendekatan yang pelbagai agar kepimpinan dapat mempengaruhi cara kerja warga sekolah dan persekitaran organisasi yang dipimpinnya. Pendekatan pengetua dalam hal ini ialah melaksanakan elemen-elemen utama dalam Kerangka Kepimpinan Instruksional yang bermula dengan menjelaskan halatuju sekolah di kalangan semua warga, khususnya di kalangan pengurusan sekolah. Seterusnya pengetua menumpukan usaha untuk membangunkan kompetensi barisan kepimpinan lapisan kedua iaitu terdiri daripada guru-guru penolong kanan melalui pembangunan profesionalisme dan menerapkan budaya kerja berkualiti bagi memastikan misi dan visi sekolah tercapai. Dengan itu setiap Guru Penolong Kanan dapat mengurus dan memimpin bidangnya ke arah matlamat yang telah ditetapkan. Antara prinsip budaya kerja yang menjadi pegangan barisan kepimpinan pelapis di sekolah ini ialah;

- a. Hasilkan Kerja Terbaik Dalam Masa Tersingkat
- b. Jangan Jadi Kayu Mati
- c. Jangan Persoalkan Kerja Lebih Tetapi Takutlah Ganjaran Yang Diterima Lebih
- d. Amalkan Budaya Kerja Khalifah
- e. Muafakat Membawa Berkat
- f. Jadikan Kerja Sebagai Ibadah

Selain daripada membangunkan profesionalismel barisan kepimpinan pelapis, elemen lain dalam kerangka kepimpinan instruksional yang turut diamalkan oleh pengetua ialah dengan memberi fokus kepada sokongan dan dorongan terhadap pertumbuhan dan pemajuan ahli pasukan dengan galakan suasana persekitaran kerja yang lebih mesra, komunikasi yang terbuka dan penglibatan ahli pasukan yang lebih meluas.

Pada awalnya, Guru Penolong Kanan Pentadbiran (GPK 1), Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (GPK HEM), dan Guru Penolong Kokurikulum (GPK KO) akan berbincang dengan Pengetua dan sama-sama berbincang tentang tugas dan program bidang masing-masing yang menjurus kepada pencapaian matlamat organisasi. Mereka akan merangka dan menyusun program bidang masing-masing berdasarkan matlamat organisasi yang kemudiannya dibentangkan kepada semua guru yang terlibat dengan agihan tugas bidang masing-masing. Dari semasa ke semasa, mereka ini akan berbincang semula dengan Pengetua dan kadang-kadang bersama Guru Penolong Kanan lain jika ia memerlukan pandangan dan keputusan bersama.

Hubungan yang erat antara sesama Guru Penolong Kanan dan Pengetua serta anggota pasukan yang sama-sama bertanggungjawab,bersama menyelesaikan masalah serta sanggup menerima bimbingan dan latihan adalah ramuan yang terbaik bagi mencapai kejayaan. Hubungan yang erat juga akan lebih harmoni jika pasukan penggerak sekolah ini sering melakukan komunikasi dua hala yang lebih terbuka dan telus dalam menyelesaikan setiap masalah yang timbul. Berkongsi kepakaran sesama ahli pasukan merupakan antara komunikasi dan pelengkap kepada satu sama lain. Mereka juga diberi peranan dalam pembentangan yang berkaitan dengan bidang tugas masing-masing. Guru Penolong Kanan Kurikulum akan membantu perjalanan kurikulum, begitu juga Guru Penolong Kanan HEM dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum akan menguruskan perjalanan bidang masing-masing. Pendekatan begini telah berjaya membolehkan sekolah berfungsi dengan sempurna dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

Sebagai pelengkap kepada beberapa elemen dalam kerangka Kepimpinan Instruksional, pihak pengurusan juga memberi penekanan kepada Model Grow agar pemimpin pelapis sentiasa mempunyai matlamat yang ingin dicapai dalam bidang tugas mereka. Keadaan sebenar yang akan memberi kesan kepada matlamat perlu dititikberatkan supaya tidak menghalang pemimpin pelapis dari terus maju. Kerja berpasukan yang ditonjolkan oleh guru-guru penolong kanan meningkatkan kecemerlangan sekolah ke tahap yang lebih membanggakan kerana gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran, dan kebolehan.

IMPAK

Keberkesanan pelaksanaan amalan terbaik melalui pelbagai pendekatan yang dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin pelapis telah menghasilkan impak yang besar terhadap kejayaan sekolah. Antara kejayaan atau pengiktirafan yang telah diperolehi adalah seperti berikut;

Jadual 1: Kejayaan pelajar 2010-2014

Tahun	Anugerah/ Pengiktirafan
2010	Johan Olahraga MSSM Jerantut
2010	Naib Johan Berpasukan Kejohanan Memanah Peringkat Kebangsaan
2010	Ketiga Individu Kejohanan Memanah Peringkat Kebangsaan
2010	Ketiga Bahas Ala Parlimen Sekolah-sekolah Felda Peringkat Kebangsaan
2010	Naib Johan Pertandingan Inovasi Sains Sekolah-sekolah Felda Peringkat Kebangsaan
2011	Johan Keseluruhan Merentas Desa Peringkat MSSM Jerantut
2011	Johan Bola Tampar Perempuan MSSM Jerantut
2011	Johan Pesta Pantun Peringkat Daerah Jerantut
2011	Olahragawan MSSM Daerah Jerantut
2011	Johan Poem Karnival Bahasa Inggeris Daerah Jerantut
2011	Johan Sepak Takraw MSSM Pahang
2011	Pingat Emas 100 meter lari berpagar MSSM Pahang
2011	Johan Hoki Lelaki MSSM Jerantut
2011	Johan Buku Log Karnival Puteri Islam Jerantut
2012	Johan Lelaki Pertandingan Catur MSSM Jerantut
2012	Johan Pesta Pantun Daerah Jerantut
2012	Johan Bahas Ala Parlimen Daerah Jerantut
2012	Pingat Emas 100 meter dan 200 meter lari berpagar MSSM Pahang
2012	Olahragawan (Bawah 15 Tahun) MSSM Pahang
2012	Pingat Emas 200 meter Lari Berpagar (Bawah 15 Tahun) Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
2013	Johan Catur (P15) MSSM Daerah Jerantut
2013	Johan Catur(L18) MSSM Daerah Jerantut
2013	Johan Bola Sepak (L15) MSSM Daerah Jerantut
2013	Johan Bola Tampar (P18) MSSM Daerah Jerantut
2013	Naib Johan Memanah Berpasukan MSSM Pahang
2013	Naib Johan Memanah SPTS MSSM Pahang
2013	Johan Bergu Sepak Takraw (L15) MSSM Daerah Jerantut

2013	Johan Tinju (L) Sekolah-Sekolah FELDA
2013	Johan Pesta Pantun Sekolah-Sekolah Daerah Jerantut
2013	Johan Syarahan Agama Sekolah-Sekolah Daerah Jerantut
2014	Johan PingPong Lelaki18 MSSD Jerantut
2014	Johan Catur Lelaki 15 MSSD Jerantut
2014	Naib Johan Merentas Desa Keseluruhan Daerah Jerantut
2014	Naib Johan Keseluruhan Olahraga Daerah Jerantut
2014	Johan Hafazan MTQ Daerah Jerantut
2014	Johan Syarahan MTQ Daerah Jerantut
2014	Naib Johan Memanah MSSM Pahang
2014	Pingat Emas 100meter MSSM Pahang
2014	Pingat Emas 200meter MSSM Pahang

Jadual 2: Kejayaan sekolah 2010-2013

Tahun	Anugerah/ Pengiktirafan
2010	Naib Johan Pertandingan Kitchen Garden Peringkat Negeri Pahang
2010	Anugerah Sekolah Bestari Felda Peringkat Kebangsaan
2010	Johan Pertandingan Pusat Sumber Sekolah-sekolah Felda Peringkat Negeri Pahang
2011	Naib Johan Kategori Edible Garden Pertandingan AgroRemaja Utusan Peringkat Kebangsaan
2012	Anugerah Skim Tuisyen Felda Terbaik Peringkat Wilayah Jengka
2012	Johan Pengurusan PIBG 2011 Peringkat Daerah Jerantut
2012	Anugerah Menteri Besar Pahang (PMR Terbaik Sekolah-sekolah Felda Negeri Pahang)
2012	Anugerah Menteri Besar Pahang (SPM Terbaik Sekolah-sekolah Felda Negeri Pahang)
2012	Anugerah Sekolah Bestari Felda Peringkat Kebangsaan
2013	Anugerah Sekolah Kluster Kecemerlangan KPM
2013	Anugerah Terbaik Skim Tuisyen Felda
2013	Anugerah Perak Pertandingan Sekolah Lestari

Jadual 3: Keputusan Peperiksaan Awam 2010-2013

PENCAPAIAN PMR			PENCAPAIAN SPM	
TAHUN	% LULUS	GPS	% LULUS	GPS
2010	94.25	1.66	100	3.68
2011	90.90	1.73	100	3.50
2012	97.65	1.74	100	3.34
2013	94.61	1.80	92.86	3.80

CADANGAN

Pada dasarnya sekolah yang berkesan pada kebiasaannya dipimpin oleh pengetua dan Guru Penolong Kanan yang mengamalkan corak pimpinan instruksional yang tidak menumpukan semua masa dan tenaga pada hal-hal pengurusan rutin dan pentadbiran sahaja. Oleh itu terdapat pelbagai cadangan yang akan diamalkan oleh pimpinan instruksional di sekolah ini dalam mengupayakan guru-guru penolong kanan sebagai generasi pelapis kepimpinan ialah;

- a) Memberi penekanan untuk membangunkan kompetensi, pengetahuan dan kemahiran guru serta mewujudkan komuniti professional dalam kalangan guru
- b) Pemantauan dan penyeliaan pelaksanaan program kecemerlangan sekolah diperingkat guru-guru
- c) Membangunkan sumber teknikal yang diperlukan bagi menyokong proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) yang berkesan
- d) Program anak angkat pelajar bermasalah bagi membolehkan para pelajar ini merasai diri dihargai
- e) Program mentor mentee dijalankan bagi merealisasikan program sekolah penyayang sekaligus meningkatkan kecemerlangan pelajar
- f) Guru Penolong Kanan juga harus menjadi ‘kuasa pakar’ dan ‘kuasa rujukan’ yang dimiliki oleh pemimpin instruksional agar ia menjadi sumber inspirasi kakitangan untuk terus komited dalam menjalankan tugas masing-masing (Lyons dan Murohy,1994)

KESIMPULAN

Sebagai rumusannya, pemimpin di SMK. PPP. Tun Razak ini lebih banyak menumpukan masa mereka kepada aktiviti instruksional seperti isu kurikulum, PdP guru dan murid, pembangunan staf, perancangan strategik dan penglibatan ibu bapa dan komuniti.

Guru Penolong Kanan Pentadbiran, Guru Penolong Kanan HEM dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum adalah ‘future leader’ yang telah berperanan sebagai ‘strategist’ untuk kemajuan sekolah. Mereka telah melaksanakan segala usaha dan strategi untuk menyediakan inovasi kurikulum dan memperkembangkannya proses PdP dengan tujuan menjayakan matlamat misi dan visi sekolah.

Antara faktor lain yang mempengaruhi kecemerlangan sekolah ini ialah suasana atau iklim sekolah yang dibentuk melalui persepsi pekerja di dalam sekolah yang menjadi asas kepada pembentukan kecemerlangan para pelajar. Kualiti yang ada pada para pentadbir, guru-guru dan pekerja dalam sekolah juga mempengaruhi pencapaian dan kemajuan sekolah. Kualiti ini termasuklah dari segi sikap dan sifat Guru-guru Penolong Kanan yang bekerja melebihi tanggungjawab formal mereka dan sanggup meluangkan masa dan tenaga untuk kejayaan sekolah. Usaha dan sifat tanggungjawab mereka yang melangkaui tanggungjawab kerja formal ini telah menjadikan sekolah lebih efektif dan mewujudkan semangat kerjasama yang baik dalam kalangan guru-guru dan para pelajar ke arah yang lebih positif.

Guru Penolong Kanan sebagai orang yang telah diberi kuasa lantikan rasmi perlu berupaya melaksana fungsi mengikut tugas yang dimandatkan kepada mereka. Mereka telah membina hubungan baik dengan guru-guru dalam kawalan masing-masing. Tahap pengeluaran ialah hasil yang diraih berdasarkan perancangan strategik dalam melaksana program. Mereka juga harus mampu mengupayakan untuk mengurus dan merekrut pemimpin pelapis di sekolah mengikut tugas dan peranan tertentu. Mereka telah menjadi pemimpin yang dihormati dan dikagumi oleh guru-guru lain serta mampu memimpin untuk kecemerlangan sekolah.

RUJUKAN

Hallinger, P. & Murphy, J. (1986). The social context of effective schools. *American Journal of Education*, 86(2), 206-218.

Lynons, C. A. & Murphy, M.J. (1994). Principal self-efficacy and the use of power. Paper presented at the *Annual Meeting of the American Educational Research Association* (New Orleans, LA, April 4-8, 1994).

Pounder, D.G. (1997). Teacher teams: Promoting teacher involvement and leadership in secondary schools. *The High School Journal*.

RUMUSAN PERBENGKELAN

Bidang Fokus: Melindungi Masa Instruksional (MMI)

ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
Ketidakberadaan guru di kelas	Penggunaan Bank Bahan PdP oleh guru ganti - Pelaksanaan Program NILAM secara terancang (Kit PdP disediakan) - Penggabungan kelas – Sistem Kuliah - Penyediaan modul latihan dan pembelajaran sendiri dengan modul yang disediakan - Jual beli jadual waktu - Bimbingan individu/kumpulan
Gangguan tingkahlaku murid semasa di dalam kelas	PdP berkesan - PdP yang menyeronokkan dan berfokus yang melibatkan pelbagai kecerdasan - Program Guru Penyayang - Pembimbing Rakan Sebaya
Transisi waktu PdP	Pemantauan dan penyeliaan - Jadual pengesanan pergerakan guru masuk dan keluar kelas - Susun jadual waktu (penempatan di blok yang sama) - <i>Whatsapp</i>
PdP yang tidak berkualiti	Gaya kepemimpinan/sikap pentadbir “Cakap tak serupa bikin” - <i>Walk Around Your School (WAYS)</i> - <i>Learning Walk</i> - Pemantauan dan penyeliaan berkesan - <i>Lesson Study</i>
Perhimpunan Rasmi sekolah	Pengurusan perhimpunan - Sedia atur cara pentadbiran (perhimpunan mesti teratur) - <i>Floor Manager</i> (lancar dan mematuhi ketetapan masa)

Bidang Fokus: Menggalakkan Pembangunan Profesionalisme

ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
Kepimpinan sekolah tidak menguasai Kepimpinan Instruksional	Kompetensi pemimpin sekolah - Kepimpinan sekolah mesti menguasai dan menghayati criteria standard 4 SKPM - Mendapatkan bimbingan daripada SIP+ - Menghadiri kursus, seminar dan kolokium - Lawatan penandaarasan (cth.: SBT)
Pengajaran bersifat pasif (sehala/kurang menarik)	<i>Coaching dan Mentoring</i> - Pencerapan klinikal - <i>Lesson Study</i> dan Kajian Tindakan - <i>Team-teaching</i> dan perkongsian amalan terbaik - Kepelbagaian teknik pengajaran (cth.: ICT, i-Think) - <i>Total Quality Training (TQT)</i> - Mendapatkan khidmat bantu daripada SISC+
Kurang memberi tumpuan kepada KBAT	Penerapan Elemen KBAT - Pemimpin dan guru sekolah mendapat pendedahan, memahami, menghayati dan mengamalkan KBAT dalam PdP - Pemantauan dan bimbingan secara berterusan sehingga menjadi budaya sekolah - Satu sekolah satu JU KBAT
Sikap guru	Nilai dan etika guru - Melestarikan kompetensi guru melalui pembangunan profesionalisme berterusan - Pencerapan klinikal - Pengiktirafan dan penghargaan bagi semua guru - Menjaga kebajikan guru - Motivasi berterusan

Bidang Fokus: Memantau Kemajuan Murid

ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
Pencapaian akademik yang rendah	Pengukenan kompetensi guru - Pelaksanaan elemen SKPM - Guru membuat <i>headcount</i> dan analisis item - Dialog Prestasi
Ibu bapa tidak menyokong	Peranan ibu bapa dan PIBG - Memantapkan pelaksanaan sarana ibu bapa - Aku Janji waris - PIBG anjur Kursus Keibubapaan
Instrumen pengukuran tidak dipatuhi	Melaksanakan Kepimpinan Instruksional - LDP berfokuskan pencapaian murid - <i>Walk the talk</i>
Faktor persekitaran yang tidak menggalakkan pencapaian akademik pelajar	Perkongsiian pintar dengan agensi luar - PIBG turun padang - Mewujudkan suasana sekolah lebih kondusif
Dialog Prestasi kurang berkesan	Kemahiran dan kefahaman dalam menganalisa data ditingkatkan - JSU dibuat penekanan kepada soalan-soalan KBAT - <i>Root Cause Analysis</i> (RCA) - Pelan intervensi dirangka
Kuantiti dan kualiti semakan buku latihan murid tidak mencapai standard	Semakan buku latihan murid yang berkesan - Tetapkan standard berapa bilangan soalan/latihan berdasarkan tajuk - Semakan secara formal dan tidak formal - Langkah-langkah penambahbaikan dibuat
Komitmen guru tidak sepenuhnya	Kesedaran guru tentang kepentingan kurikulum - LADAP kurikulum - KPI sentiasa diuar-uarkan
Pemantauan pihak pentadbir kurang berkesan	Pemantauan secara tekal - Instrumen pemantauan disediakan - Log Pemantauan dan Log Kehadiran Guru dikuatkuasakan

Pencapaian dan kejayaan yang masih rendah	Audit Kurikulum - Tetapkan KPI - KPI sentiasa diuar-uarkan
Disiplin murid-murid berpunca daripada sikap mereka	Pemantauan berterusan - Laporan dan rekod adab dianalisa - Penghargaan kepada murid
Integriti guru-guru masih perlu dipertingkatkan	Meningkatkan kesedaran tentang integriti - LADAP Integriti - Penghargaan kepada guru - <i>Teamwork</i> dan etika kerja

Bidang Fokus: Mengupayakan Pemimpin Pelapis

ISU	CADANGAN PENYELESAIAN
Kurang pengetahuan dan kemahiran dalam tugas masing-masing	Penyerapan kemahiran memimpin - Menghadiri NPQEL - Menghadiri Kursus Pengurusan Sekolah dan kursus-kursus kepimpinan - Menghadiri kursus mengikut bidang masing-masing - Menghadiri kolokium dan seminar - Menghadiri Kursus Kewangan - Menghadiri Kursus Pengurusan Majlis Rasmi - Dialog Prestasi di peringkat sekolah
Wujud rasa rendah diri kerana perjawatan bukan lantikan hakiki	Punca kuasa - Mencadangkan jawatan hakiki bagi jawatan GPK, GPK Kokurikulum dan GPK HEM Gred B (Menengah) - Mendapat khidmat bantu daripada SIP+ dan SISC+ - Mengeluarkan surat rasmi penurunan kuasa untuk menjalankan tugas - Membina kepercayaan dan keyakinan melalui tugasan dan penyelesaian masalah dalam setiap program sekolah

Kurang motivasi terhadap bidang tugas: tidak mendapat kerjasama daripada rakan guru dan pihak pengurusan atasan	Pembelajaran berterusan - Mengadakan lawatan penandaarasan ke sekolah yang cemerlang - Mengikuti kursus bina jati diri - LDP Dalaman – khusus mengikut bidang tugas - Penurunan kuasa terhadap sesuatu tugas - Perkongsian pintar dalam daerah - Penghargaan daripada ketua
Kurang mahir dalam komunikasi dan pengucapan awam dan hubungan sesama rakan serta orang bawahan	Pemupukan <i>Soft Skills</i> - Menghadiri kursus/bengkel pengucapan awam - Membudayakan giliran berucap di perhimpunan mingguan - Budaya membaca (tambah ilmu) - Melibatkan diri dalam sesi dialog seperti bersama ibu bapa, sarana dsbgnya. - Memimpin mereka dengan mewujudkan <i>rapporoire</i> dalam kalangan pemimpin pelapis dan guru-guru - Dialog Prestasi di peringkat sekolah
Kurang karisma dalam kalangan pemimpin pelapis	Pembinaan karisma/kewibawaan - Membina karisma mereka melalui nasihat, motivasi, teguran, runding cara dan seumpamanya agar dihormati seperti <i>Super Leadership</i> - Perkongsian idea melalui mesyuarat pengurusan di mana Guru Penolong Kanan melaporkan kemajuan atau perkembangan mengikut bidang masing-masing - Menerapkan kecaknaan atau kepedulian dalam kalangan pemimpin pelapis

MAKLUMAT KOLOKIU

Pendahuluan

Kepimpinan Instruksional merupakan bidang kebitaraan di Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABU). Sehubungan itu, IABU telah menganjurkan Seminar Kepimpinan Instruksional pada tahun 2005 dan 2006. Mulai tahun 2007, program ini telah ditukar nama kepada Kolokium Kebangsaan Kepimpinan Instruksional. Tujuan kolokium ini dilaksanakan adalah untuk melihat sejauh mana amalan Kepimpinan Instruksional telah dilaksanakan di sekolah semenjak kursus Kepimpinan Instruksional diperkenalkan pada tahun 2001. Kolokium ini merupakan gelanggang diskusi bagi mengetengahkan amalan-amalan terbaik serta membincangkan isu-isu berkaitan Kepimpinan Instruksional di sekolah.

Objektif Umum

Peserta kolokium akan dapat menimba pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam mengaplikasi Kepimpinan Instruksional seiring dengan transformasi pendidikan masa kini.

Objektif Khusus

Peserta kolokium akan dapat:

- mengenal pasti amalan-amalan terbaik serta inovasi-inovasi dalam Kepimpinan Instruksional di sekolah yang menjurus kepada peningkatan kecemerlangan akademik dan sahsiah murid;
- menambah baik amalan dan program instruksional di sekolah melalui perkongsian ilmu, kemahiran dan pengalaman dalam kalangan pembentang dan peserta kolokium; dan
- membuka ruang kerjasama dengan seluruh warga pendidikan untuk mencapai kecemerlangan pendidikan.

Tema

Kepimpinan Instruksional Merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025

Bidang Fokus

- Melindungi Masa Instruksional (MMI)
- Menggalakkan Pembangunan Profesionalisme
- Memantau Kemajuan Murid
- Mengurus Program Instruksional
- Pembentukan Iklim Sekolah
- Merealisasikan Visi dan Misi Sekolah
- Mengupayakan Pemimpin Pelapis

Jadual Program

TARIKH (HARI)	MASA	PROGRAM/AKTIVITI
27 April 2014 (Ahad)	14.00 – 16.00	Pendaftaran peserta
	19.00 – 20.00	Makan malam
	20.30 – 22.00	Taklimat kolokium
	22.00	Minum malam
28 April 2014 (Isnin)	7.00 – 8.00	Sarapan
	8.00	Peserta dan para jemputan mengambil tempat di Auditorium Aminuddin Baki
	8.30 – 10.30	BIDANG FOKUS Melindungi Masa Instruksional (MMI) <u>Kertas Kerja 1</u> Program <i>Do Something</i> (DoS) oleh: Zakaria bin Othman Guru Besar SK Seri Impian, Pulau Pinang <u>Kertas Kerja 2</u> Projek Inovasi <i>Open Book Test</i> oleh: Ibrahim bin Isha Guru Penolong Kanan SMK Yahya Petra, Kelantan <u>Kertas Kerja 3</u> Ketampakan Kepimpinan dalam Amalan Melindungi Masa Instruksional oleh: Sallina binti Hussain Pengetua SMK Medini, Johor <u>Moderator</u> Dr. Balasandran a/l A.Ramiah
	10.30 – 11.00	Minum Pagi
	11.00 – 13.00	BIDANG FOKUS Menggalakkan Pembangunan Profesionalisme <u>Kertas Kerja 4</u> Pembangunan Profesionalisme Ke arah Sekolah Berprestasi Tinggi

TARIKH (HARI)	MASA	PROGRAM/AKTIVITI
		oleh: Rusli bin Md. Tahir Guru Besar SK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah <u>Kertas Kerja 5</u> Keberkesanan Kajian Tindakan Melalui LDP: Pengalaman SMK Bandar Sungai Petani oleh: Hafsah binti L. Hussin Pengetua SMK Bandar Sungai Petani, Sungai Petani, Kedah <u>Kertas Kerja 6</u> Pembangunan Profesionalisme Guru Ke Arah Pendidikan Berkualiti oleh: Liong Shou Chuan Pegawai SIP+ PPD Sarikei, Sarawak <u>Moderator</u> Khairul Badri bin Ahmad
	13.00 – 14.30	Makan tengah hari
	14.30 – 16.30	Nyanyian Lagu Negaraku, Negeri Kedah dan Lagu IAB Bacaan Doa Ucapan Alu-aluan Pengarah Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia Ucap Utama dan Perasmian Y.Bhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia
	16.30 – 17.00	Minum petang
	19.00 – 20.00	Makan Malam
	7.00 – 8.00	Sarapan

TARIKH (HARI)	MASA	PROGRAM/AKTIVITI
29 April 2014 (Selasa)	8.30 – 10.30	BIDANG FOKUS Memantau Kemajuan Murid / Mengurus Program Instruksional/ Pembentukan Iklim Sekolah <u>Kertas Kerja 7</u> Pemeriksaan Sistem Rumah Ke Arah Membentuk Iklim Yang Positif oleh: Dr. Norisah binti Suhaili Pengetua SM Sains Kuching Utara, Sarawak <u>Kertas Kerja 8</u> i-Think Pemangkin Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) oleh: Mazmin binti Mohamad Pengetua SMK Serendah Ulu Selangor, Selangor <u>Kertas Kerja 9</u> Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di Sekolah: Pembudayaan dan Pentaksirannya oleh: Maimunah binti Husien, Shuhaida Shaari dan Noor Hashimah Hashim Pensyarah Kanan, IAB Cawangan Utara <u>Moderator</u> Joohari bin Ariffin
	10.30 – 11.00	Minum Pagi
	11.00 – 13.00	BIDANG FOKUS Merealisasikan Visi dan Misi Sekolah/ Mengupayakan Pemimpin Pelapis / Melindungi Masa Instruksional

TARIKH (HARI)	MASA	PROGRAM/AKTIVITI
30 April 2014 (Rabu)		<u>Kertas Kerja 10</u> Program Ulul Albab: Kepimpinan Instruksional dalam Merealisasikan Visi dan Misi Sekolah oleh: Mardziah binti Che Abdullah Pengetua SM Imtiaz Kuala Terengganu, Terengganu <u>Kertas Kerja 11</u> Generasi Pelapis Pemimpin Masa Depan oleh: Abdul Razak bin Ismail Pengetua SMK Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jerantut, Pahang <u>Kertas Kerja 12</u> Projek <i>Teach to Teach</i> oleh: Siti Aminah binti Ibrahim Pengetua SMK Pulau Nyior, Jitra, Kedah <u>Moderator</u> Gu Saw Lan
	13.00 – 14.30	Makan tengah hari
	14.30 – 16.30	Perbengkelan
	16.30 – 17.00	Minum petang
	19.00 – 20.00	Makan malam
	7.00 – 8.00	Sarapan
	8.30 – 9.00	PEMBENTANGAN HASIL BENGKEL <u>Moderator</u> Dr. Premavathy a/p Ponnusamy
	9.00 – 10.45	FORUM SIP+ dan SISC+: Harapan dan Cabaran dalam Peningkatan Prestasi Sekolah

TARIKH (HARI)	MASA	PROGRAM/AKTIVITI
		<u>Ahli Panel</u> Nor Hashimah binti Hamid Pengetua SMK Simpang Kuala, Kedah Nor Azlina binti Abdul Rahim Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM Azizah binti Ishak Pegawai SIP+, PPD Kulim-Bandar Baharu, Kedah <u>Moderator</u> Dr. Nor Asikin binti Salleh
	10.45 – 11.15	Minum pagi
	11.15 – 12.00	MAJLIS PENUTUP Pengarah Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia
	12.00 – 12.05	Tayangan Multimedia
	12.05	Penyampaian cenderamata / Bacaan Doa
	12.30	Makan tengah hari/Bersurai

Atur Cara Majlis Perasmian
28 April 2014 (Isnin)

14.00	Peserta dan para jemputan mengambil tempat
14.30	Ketibaan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia
14.35	Nyanyian Lagu Negaraku, Negeri Kedah dan Lagu IAB Bacaan Doa Ucapan Alu-aluan Pengarah Institut Aminuddin Baki Ucap Utama dan Perasmian Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Penyampaian Cenderamata Bersurai

Atur Cara Majlis Penutup
30 April 2014 (Rabu)

11.15	Peserta mengambil tempat
11.30	Ketibaan Pengarah Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia Nyanyian Lagu Negaraku, Negeri Kedah dan Lagu IAB Ucapan Alu-aluan Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara Ucapan Penutup Pengarah Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia Tayangan Multimedia Penyampaian Cenderamata Bacaan Doa Penutup Bersurai

JAWATANKUASA KOLOKIU

JAWATANKUASA INDUK

Penaung	Y.Bhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Penasihat	YH Dato' Haji Khairil bin Haji Awang Pengarah Institut Aminuddin Baki Dr. Zainab binti Hussin Timbalan Pengarah Khidmat Profesional Institut Aminuddin Baki Mazlan bin Samsudin Timbalan Pengarah Khidmat Latihan Institut Aminuddin Baki
Pengerusi	Mohd. Zanal bin Dirin Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Naib Pengerusi	Dr. Hj. Abdul Zubir bin Abdul Ghani Timbalan Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Ahli Jawatankuasa	Semua Ketua Pusat IAB Induk Semua Ketua Jabatan IAB Cawangan Utara

JAWATANKUASA PENGELOLA

Pengerusi	Mohd. Zanal bin Dirin Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Naib Pengerusi	Dr. Hj. Abdul Zubir bin Abdul Ghani Timbalan Pengarah Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Setiausaha	Ishak bin Ibrahim Ketua Jabatan Jabatan Konsultasi, <i>Mentoring</i> dan <i>Coaching</i> Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Penolong Setiausaha 1	Rosnani binti Kaman Ketua Jabatan Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Penolong Setiausaha 2	Joohari bin Ariffin Pensyarah Kanan Jabatan Konsultasi, <i>Mentoring</i> dan <i>Coaching</i> Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Bendahari	Mohd. Ashari bin Abdul Wahab Pembantu Akauntan Kanan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
Ahli Jawatankuasa	Norihan binti Azizan Pensyarah Kanan Jabatan Pentaksiran Pemimpin Pendidikan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
	Dr. Balasandran A.Ramiah Pensyarah Kanan Jabatan Dokumentasi dan Sumber Pendidikan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
	Dr. Nor Asikin binti Salleh Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
	Mohd Rosidi bin Ismail Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
	Faudzi bin Saad Ketua Jabatan Jabatan Pengurusan Kualiti dan Inovasi Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara
	Abdullah bin Hassan Ketua Jabatan Jabatan Bahasa dan Komunikasi Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Abdul Halim bin Hasan
Ketua Jabatan
Jabatan Latihan Pentadbiran Pejabat dan Pengurusan Kewangan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Noriza binti Mohamed Nasir
Ketua Jabatan
Jabatan Penilaian dan Peperiksaan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Shuhaida binti Shaari
Ketua Jabatan
Jabatan e-Pembelajaran
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Gu Saw Lan
Ketua Jabatan
Jabatan Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Amran bin Mahadi
Ketua Jabatan
Jabatan Pengurusan Kurikulum dan Kokurikulum
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Zahari bin Ahamad
Ketua Jabatan
Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Murid dan Kaunseling
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Ismail bin Ibrahim @ Mat Isa
Ketua Jabatan
Jabatan Pembangunan Pengurus, Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Ekerim a/p Din Chen
Ketua Jabatan
Jabatan Pembangunan Staf dan Kerjasama Antarabangsa
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Dr. Noor Fauza binti Zabidi
Ketua Jabatan
Jabatan Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Dr. Premavathy a/p Ponnusamy
Ketua Jabatan
Jabatan Asas Pendidikan dan Komuniti
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Jamal bin Ishak
Ketua Jabatan
Jabatan Pentaksiran Pemimpin Pendidikan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Mohammadnor Basri bin Shafe
Ketua Jabatan
Jabatan Aplikasi Komputer dalam Pendidikan
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Mardiana binti Muhamad
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengurusan Hal Ehwal Murid dan Kaunseling
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Urus Setia

Ishak bin Ibrahim
Rosnani binti Kaman
Joohari bin Ariffin
Faudzi bin Saad
Shuhaida binti Shaari
Mohd Radzuan bin Ali
Khairul Badri bin Ahmad
Muhammad Hatmi bin Saidin

AJK Kata Alu-aluan, Teks Ucapan & Teks Ucapan Utama

Dr. Nor Asikin binti Salleh
Dr. Rusmini binti Ku Ahmad
Norleha binti Ibrahim
Abdullah bin Hassan
Suzana binti Abd Latif
Noor Hashimah binti Hashim

AJK Forum

Dr. Nor Asikin binti Salleh (Pengerusi Sesi)
Nasarudin bin Pandak Osman (LO)
Mohd Radzuan bin Ali (LO)
Ekerim a/p Din Chen (LO)

AJK LO VVIP

Dr. Sazali bin Yusoff (LO KPPM)
Norihan binti Azizan (LO Pengarah IAB)
Hamzah bin Said (LO Pengarah IABU)

AJK Kertas Kerja/ LO/ Prosiding

Dr. Balasandran A. Ramiah
Joohari bin Ariffin
Gu Saw Lan
Dr. Noor Fauza binti Zabidi
Amran bin Mahadi
Noriza binti Mohamed Nasir
Dr. Premavathy a/p Ponnusamy
Maimunah binti Husien
Ahmad Hanizar bin Abdul Halim
Khairul Badri bin Ahmad
Adz Jamros binti Jamali
Fakhri bin Abdul Khalil

AJK Perbengkelan & Pelaporan Hasil Bengkel

Dr. Premavathy a/p Ponnusamy
Hamzah bin Said
Dr. Sazali bin Yusof
Mohd Rosidi bin Ismail
Ruslan bin Shamsudin
Nasaruddin bin Pandak Osman
Zuraiddi bin Che Ya
Shuibun bin Hamid
Mohd Anuar bin Kamaruddin

AJK Seni Grafik, Buku Program dan Lanyard

Aminudin bin Abdul Wahab
Noriati Roseni binti Ghazali
Mohd. Apandi bin Ismail
Salawaty binti Zainal
Rohaima binti Ahmad

AJK Rakaman, Teknikal & Multimedia

Mohammadnor Basri bin Shafe
Fazil bin Ahmad
Elhammi bin Ahmad
Zamri bin Abu Bakar
Aminudin bin Abdul Wahab
Amirul bin Fadzil
Abdul Zharif bin Zulkifli
Muhd Hazli bin Yahaya
Mohd Apandi bin Ismail
Nuraimi binti Wan Ahmad

AJK Pelaporan/ Dokumentasi & Pencatat

Ekerim a/p Din Chen
Fakhri bin Abd Khalil
Abdul Razak bin Majid
Mohd. Apandi bin Ismail
Abd Razak bin Romli
Azman bin Abdan
Ravindaran a/l Maraya

AJK Makanan

Mardiana binti Mohamad
Dr. Noor Fauza binti Zabidi
Munirah binti Ahmad
Sharifah Ashikhin binti Syed Ishak
Norshuhaida binti Din
Muhaini binti Azali
Nor Hayati binti Shariff

AJK Pendaftaran & Penginapan

Mohd Rosidi bin Ismail
Zul Haimi bin Abd Ghani
Mohd Ashari bin Abdul Wahab
Aniza binti Ahmad
Marzuki bin Ahmad
Ahmad Shukur bin Jamaluddin
Ahmad Zawawi bin Kamaruddin
Safarita binti Faridam
Nurul Wahida binti Md Yusoff
Suriyati binti Saad
Ahmad Bukhari bin Ismail
Muhammad Hatmi bin Saidin (Urusetia)

AJK Cenderamata

Shuhaida binti Shaari
Mardiana binti Muhamad
Answariah binti Hafiz Amanullah
Zuraini binti Che Daud
Zanita binti Othman
Azfiza binti Mohd Noh
Zahanim binti Mustaffa
Suriani binti Romle
Noor Lida binti Hassan

AJK Sijil dan Penilaian Kolokium

Noriza binti Mohamed Nasir
Sri Banun binti Abd Malik
Jurani binti Ahmad
Hasmah binti Hassan
Muhammad Hatmi Bin Saidin (Urusetia)

AJK Protokol Majlis Perasmian & Penutup

Ismail bin Ibrahim @ Mat Isa
Rahimi bin Abdul Majid
Ahmad Hanizar bin Abdul Halim
Shuibun bin Hamid
Juhaimi bin Abd Rasid
Shahrelnizam bin Abdul Shukor

AJK Pengacara Majlis dan Doa

Abdullah bin Hassan
Khairul Badri bin Ahmad
Hilmun binti Baharudin
Fakhri bin Abdul Khalil
Suriati binti Suhaimi

AJK Pameran

Zahari bin Ahamad (K)
Norihan binti Azizan
Cham Nian a/l Song
Mohd Kudus bin Mat
Md Ridzuan bin Md Saman
Harlina binti Md Ali
Siti Aminah binti Mohd Yusof

AJK Persiapan Tempat, Dewan & Pentas

Amran bin Mahadi
Mohd Kudus bin Mat
Shahrelnizam bin Abdul Shukor
Ahmad Bukhari bin Ismail
Muhd. Hazli bin Yahaya
Nuraimi binti Wan Ahmad
Arison binti Mat Ali
Salmah binti Hashim

AJK Seranta, Kebajikan & Keselamatan

Abd Halim bin Hasan
Noor Hashimah binti Hashim
Azman bin Abdan
Juhaimi bin Abd. Rasid
Mohamad Razif bin Rahman
Aniza binti Ahmad
Nurul Wahida binti Md Yusoff

AJK Pengangkutan

Jamal bin Ishak
Zainal bin Abd Manap
Mohd Yazer bin Yahaya
Kamarudin bin Saari @ Harun

AJK Buletin & Berita Kolokium

Gu Saw Lan
Dr. Balasandran A. Ramiah
Adz Jamros binti Jamali
Mohd Anuar bin Kamaruddin
Cham Nian a/l Song
Mohd Apandi bin Ismail
Salawaty binti Zainal